

Jilid II
Bil. 59



Hari Rabu
30hb November, 1988

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUANYANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli-ahli—Kebenaran:

Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka) [Ruangan 10057]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 10057]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1989

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.46 [Ruangan 10111]

Maksud B.47 dan B.48 [Ruangan 10126]

Maksud B.49 dan B.50 [Ruangan 10164]

Maksud B.51 [Ruangan 10179]

KANDUNGANNYA—(samb.)

USUL-USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 10110]**

Anggaran Pembangunan 1989

Jawatankuasa—

Maksud P.46 [Ruangan 10111]

Maksud P.47 dan P.48 [Ruangan 10126]

Maksud P.49 dan P.50 [Ruangan 10164]

Maksud P.51 [Ruangan 10179]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD, NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan)
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu)
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang)
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.SI (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.j. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., j.p. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Daliim Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbaian Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SRI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHJN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDULTAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

- Yang Berhormat DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,
B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- .. TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala
Langat).
- .. DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- .. TUAN CHUA II MENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchung).
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- .. TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN @ HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak
Bernam).
- .. TUAN Hu SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA,
P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- .. DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,
A.M.N., J.P. (Tanjong Karang).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

Yang Berhormat TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., **P.S.** (Kuala Kerai),
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SIJBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, **J.P.** (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIP BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).

Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).

- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. AI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIPPAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

Yang Berhormat TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* Tiu SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N.
(Pasir Puteh).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P.,
A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT**Rabu, 30hb November, 1988***Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mem-
perkerusi Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUA**

**CUTI KEPADA AHLI—
KEBENARAN:
Y.B. TUAN LIM GUAN ENG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ahli bagi kawasan Kota Melaka dari 29hb November, 1988 hingga 6hb Disember, 1988.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN****LADANG TANAMAN
KAWASAN BARU**

1. Tuan Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membuka kawasan-kawasan baru bagi mewujudkan ladang baru tetapi bukan tanaman getah atau kelapa sawit.

Sebaliknya ladang-ladang tanaman jangka pendek atau "semi-permanent" atau ladang buah-buahan. Jika ia, bilakah ianya akan dimulakan dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, program pembangunan kawasan-kawasan baru bagi mewujudkan ladang-ladang untuk tanaman selain daripada getah dan kelapa sawit telah dan sedang giat dilaksanakan oleh Kerajaan.

Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah pun membuat ketetapan menghendaki agensi-agensi Lembaga Kemajuan Wilayah memajukan kawasan-kawasan baru bagi tanaman kontan dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri serta sektor swasta terutamanya syarikat-syarikat besar yang telah maju di bidang perladangan di negara ini.

Kemajuan yang dicapai setakat ini adalah amat membanggakan berdasarkan bilangan permohonan yang dicapai terutamanya di kawasan KEJORA. Sehingga ini terdapat 136 permohonan daripada syarikat-syarikat dan orang-orang perseorangan untuk melaksanakan rancangan pembangunan tanaman kontan di KEJORA, DARA, KESEDAR dan KETENGAH. Ianya melibatkan kawasan seluas 67,771.9 hektar. Daripada jumlah tersebut 33 permohonan telah pun diluluskan yang melibatkan kawasan seluas 8,530.41 hektar. Daripada 33 projek

yang telah diluluskan itu didapati 24 projek telah dan sedang melaksanakan projek masing-masing dan 24 projek yang melaksanakan itu telah pun mula mengeluarkan hasil masing-masing dan setakat ini hasil keluaran daripada 23 projek berkenaan didapati menggalakkan kecuali sekiranya berlaku bencana alam seperti banjir dan kemarau.

Langkah-tangkah sedang dan terus diambil bagi menggalakkan sektor swasta terutamanya syarikat besar bagi menyertai program pembangunan tanaman kontan ini bagi menjamin perkembangan pertanian dan eksport serta meningkatkan penggantian import bahan-bahan makanan.

Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan di manakah letaknya kawasan atau di negeri manakah terdapat ladang-ladang baru yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu?

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kawasan-kawasan itu merangkumi kawasan-kawasan Kemajuan Wilayah seperti yang saya katakan tadi sama ada di KEJORA di Johor, DARA di Pahang, KETENGAH di Terengganu dan lain-lain kawasan Kemajuan Wilayah yang ada di negeri masing-masing.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat sedar dalam bidang kemahiran untuk tanaman jangka pendek ini negara kita masih begitu terkebelakang jika dibandingkan dengan negara-negara yang berjiran dengan kita dan apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk membawa masuk kemahiran yang ada dengan begitu tinggi di dalam negara-negara seperti Thailand, Indonesia dan lain-lain negara lagi?

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, ianya tidak berapa tepat untuk mengatakan negara kita ini terkebelakang dari segi memiliki kemahiran dalam usaha kita untuk meningkat dan memajukan lagi sektor pertanian. Kita setakat ini telah pun banyak memperkenalkan kaedah-kaedah dan penemuan-penemuan baru menerusi penyelidikan-penyelidikan yang dibuat oleh berbagai institusi Kerajaan seperti MARDI dan lain-lain.

Semuanya telah pun diperkenalkan, dipanjangkan dan digalakkan di kalangan petani-petani dan peladang-peladang kita dan usaha untuk meningkatkan kemahiran ini sentiasa diambil tindakan oleh Kerajaan dan diperkenalkan kepada petani-petani dan peladang-peladang kita menerusi "extension services" ataupun perkhidmatan pengembangan yang ada di Kementerian-kementerian yang berkaitan.

PROJEK PEMBANGUNAN HALACARA BARU

2. Tuan Mohd. Sharif bin Jajang minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) jumlah projek pembangunan halacara baru di dalam negara dan bagaimana kemajuan sambutan peserta; dan
- (b) adakah Kementerian berhasrat untuk mewujudkan projek yang sama di daerah Sepang.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Gbazali): Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini terdapat sebanyak 38 projek pembangunan kampung halacara baru di seluruh negara yang melibatkan 37,554 penduduk di 163 buah kampung.

Projek-projek halacara baru tersebut sedang dalam berbagai peringkat pelaksanaan dan ada di antaranya yang telah mencapai kemajuan yang boleh dibanggakan. Contohnya di projek Mulong Lating di Kelantan, hasil pengeluaran purata padi adalah sebanyak 6 metrik tan sehektar semusim berbanding sebelum projek ini dilaksanakan iaitu hanya 3 metrik tan seekar semusim.

Dari segi pendapatan bersih purata pula, Mulong Lating kini menikmati pendapatan bersih \$1,325 sehektar semusim berbanding dengan \$500 sahaja sebelumnya. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga ini, jumlah pengeluaran padi di projek tersebut adalah yang tertinggi sekali di negara kita.

- (a) Pada keseluruhannya, sambutan peserta-peserta kepada program ini adalah menggalakkan. Usaha-usaha penerangan mengenai halacara baru kepada penduduk-penduduk luar bandar sedang dan akan terus dipergiatkan lagi.
- (b) Kerajaan sememangnya bercadang untuk meluaskan lagi program ini ke seluruh kawasan luar bandar. Kementerian telah pun mengadakan perbincangan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pejabat-pejabat Daerah termasuk daerah Sepang untuk melaksanakan pembangunan luar bandar mengikut hala cara baru ini.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan padi satu daripada usaha yang telah dijalankan oleh petani dengan cara hala cara baru. Apakah selain daripada padi yang telah dibuat untuk projek pembangunan halacara baru yang terasa memberi kejayaan kepada penduduk-penduduk di kampung.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita telah berjaya dalam beberapa projek, di antaranya di Kampung Titi Tinggi, Perlis iaitu lembu tenusu sebagai ekonomi utama dan ekonomi sampingan kolam ikan dan juga ayam daging; di projek Seri Mendapat di Melaka, tanaman kelapa sawit sebagai tanaman utama dan pisang emas sebagai tanaman sampingan; di projek Parit Seraya di Johor, kelapa sawit sebagai tanaman utama dan nenas "moris" sebagai tanaman sampingan; dan di projek Semaloi juga di Johor, projek padi dan sampingannya kacang tanah.

Tuan Haji Mohd. Shariff bin Jajang: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebutkan, 38 projek yang merupakan projek halacara baru dalam negara. Saya ingin tahu berapakah jumlah perbelanjaan pembiayaan bagi keseluruhan 38 projek ini dan selain daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, adakah agensi-agensi atau Kementerian lain yang terlibat bersama-sama dalam memajukan projek hala cara baru ini.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, di Kampung Titi Tinggi, Perlis yang mana ekonomi utamanya ialah lembu tenusu; ini diusahakan oleh Koperasi dengan bantuan daripada Jabatan Haiwan. Projek Seri Mendapat di Melaka, ini diusahakan oleh Koperasi dengan diterajui oleh FELCRA; projek Parit Seraya di Johor diterajui oleh RISDA dan projek Semaloi juga oleh FELCRA dan projek Mulong-Lating di Kelantan diterajui oleh Kerajaan Negeri Kelantan.

Berkenaan dengan masalah kewangan untuk projek-projek ini, sebenarnya projek ini hanya dikordinasikan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar

Bandar dan pihak Kementerian tidak mengeluarkan peruntukan untuk menjayakan projek ini. Projek ini dilaksanakan dengan peruntukan daripada agensi masing-masing.

KAKITANGAN HOSPITAL KESELAMATAN

3. Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah Kerajaan bagi menjamin semua pekerja dan kakitangan hospital supaya sentiasa selamat daripada bahaya jangkitan penyakit, terkena bahan-bahan kimia, pancaran cahaya dan lain-lain bahaya peralatan moden;
- (b) adakah Kerajaan bercadang menimbang tambahan elaun dan bayaran kerja berat kepada pekerja dan kakitangan hospital kerana kadang-kadang terdapat doktor-doktor, jururawat-jururawat dan lain-lain pekerja terpaksa bekerja teruk merawat pesakit-pesakit, terutama semasa berlaku kemalangan dan kecemasan; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang hendak menaikkan lagi taraf jawatan-jawatan dalam Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan supaya setimpal dengan khidmat mereka pada negara dan orang ramai.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang sentiasa mengambil tindakan untuk memastikan yang semua kakitangan hospital bekerja dalam keadaan selamat dan terlindung dari bahaya jangkitan penyakit; terkena bahan-bahan kimia, pancaran cahaya dan lain-lain bahaya peralatan moden. Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

- (i) Menyediakan tempat kerja yang selamat seperti, dengan izin, "lead lining wall" di bilik X-ray, "fume chamber" di makmat dan sebagainya.
- (ii) Kakitangan diwajibkan memakai alat perlindungan seperti "jacket" dan "gloves" (sarong tangan), bekerja dengan teknik yang betul misalnya teknik sterilisasi serta mematuhi peraturan-peraturan keselamatan semasa mengendalikan pesakit-pesakit dengan penyakit berjangkit misalnya cholera dan thypoid dan sebagainya, bahan-bahan berjangkit, bahan-bahan kimia, bahan-bahan radioaktif dan sinaran X-ray.
- (iii) Kakitangan diwajibkan memakai alat pengesan semasa bertugas di bilik X-ray atau unit radiotherapi.
- (iv) Penyimpanan dan penggunaan bahan-bahan berjangkit, kimia dan radioaktif serta pembuangan sisa-sisa dilakukan mengikut prosedur yang betul.

Buat masa ini Kementerian tidak bercadang untuk menambah kadar elaun yang telah diberi kepada kakitangan berkenaan yang bertugas di Kementerian Kesihatan, dan kerja luar masa semasa kecemasan dan sebagainya biasanya diganti dengan "time-off" pada hari-hari kemudian.

Kementenan ini sentiasa meneliti keperluan meningkatkan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang diberi. Dalam hal ini sekiranya didapati perlu, Kementerian juga telah, dan akan berusaha untuk menaikkan taraf jawatan setimpal dengan peningkatan perkhidmatan perubatan yang diberi kepada

masyarakat dan negara. Beberapa jawatan telah pun dinaikkan taraf baru-baru ini seumpamanya beberapa ratus jawatan Pegawai Perubatan Tingkatan Atas (Upper Timescale) telah diwujudkan bersama-sama beberapa jawatan Superscale juga.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian mengadakan satu skim pampasan jika seseorang kakitangan Kementerian Kesihatan seperti doktor atau jururawat meninggal dunia akibat pengidapan penyakit ataupun meninggal semasa menjalankan tugas. Adakah Kementerian memberikan pampasan dan adakah Kementerian menyediakan skim insuran untuk semua kakitangan-kakitangan Kementerian Kesihatan?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kakitangan Kementerian Kesihatan menjadi sebahagian daripada kakitangan Kerajaan pada amnya dan mereka ini kesemuanya diberi perlindungan seperti pampasan dan sebagainya di bawah Peraturan-peraturan Am Kerajaan.

Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekejap tadi kita telah mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawasanya kakitangan hospital diberi alat-alat perlindungan daripada bahaya jangkitan penyakit-penyakit yang dibawa oleh pesakit-pesakit.

Jadi, soalan tambahan saya, saya ingin tahu adakah angka-angka Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi pada hari ini yang menyatakan bahawa kakitangan hospital atau doktor-doktor ada mengidap ataupun menerima

jangkitan penyakit-penyakit daripada pesakit-pesakit yang dirawat dan adakah pegawai-pegawai atau kakitangan hospital ini terlibat dengan penyakit AIDS yang begitu bahaya pada masa ini?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

STM—PENAMBAHAN TALIAN TELEFON

4. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menjelaskan apakah rancangan STM mempercepatkan penambahan talian telefon di kawasan semakin padat pengguna di kawasan luar bandar.

Setiausaha Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, usaha membekalkan rangkaian telekomunikasi di negara ini sama ada sebagai satu projek baru atau tambahan kepada yang sedia ada, adalah satu proses yang berterusan. Dalam hal ini, Syarikat Telekom Malaysia (Sdn.) Bhd. sentiasa berusaha mengenalpasti kawasan-kawasan yang memerlukan kemudahan telekomunikasi dan menyediakan rancangan-rancangan jangka panjang dan pendek bagi membina ibusawat-ibusawat baru serta rangkaian-rangkaian talian untuk menyambung pengguna-pengguna ke ibusawat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kesungguhan Syarikat Telekom Malaysia dalam menyediakan kemudahan telekomunikasi di kawasan luar bandar terbukti dari tahap kemajuan telekomunikasi yang ada sekarang berbanding dengan keadaan 10 tahun dahulu. Sebagai contoh, tempat-tempat seperti Gua Musang di Kelantan, Grik di Perak dan tempat lain seumpamanya yang dahulunya tidak mempunyai perkhidmatan

telefon, hal ini mereka menikmati kemudahan yang setanding dengan apa yang ada di bandar-bandar lain.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat di sini sedia maktum, pembangunan perkhidmatan telekomunikasi memerlukan belanja yang besar. Oleh yang demikian, pelaksanaan sesuatu rancangan Syarikat Telekom Malaysia itu adalah bergantung kepada kemampuan kewangan syarikat itu. Di sini saya suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Syarikat Telekom Malaysia akan meneruskan usahanya untuk membekalkan kemudahan telekomunikasi kepada seluruh negara kita mahupun di bandar-bandar ataupun di luar bandar.

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan luar bandar ialah bukan sahaja kekurangan talian telefon tetapi juga kadar sewa telefon yang tinggi. Saya tahu penduduk-penduduk di kawasan saya dikenakan kadar bayaran sebanyak \$48 sebulan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kebelakangan ini telah menyatakan bahawa penswastaan tidak bermakna profiteering dan beliau tidak akan membenarkan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat memberi ucapan dahulu itu.

Puan Ling Chooi Sieng: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan beliau tidak akan membenarkan kejadian begitu berlaku. Soalan saya, selain daripada menambahkan talian telefon, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bercadang untuk mengurangkan bayaran sewa untuk kawasan luar bandar supaya mereka dapat menikmati perkhidmatan pada kos yang seimbang dan sama dengan

apa-apa yang dinikmati oleh penduduk-penduduk di bandar-bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sahaja yang sepatutnya. Silakan.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini adalah sedikit terkeluar dari soalan pokok, tetapi suka saya di sini memaklumkan bahawa sewa perkhidmatan telefon itu berasaskan kepada jarak jauh telefon itu dari ibusawatnya. Jikalau telefon yang dibekalkan itu jauh dari ibusawatnya maka sewanya tinggi daripada telefon yang dibekalkan yang berdekatan dengan ibusawat.

Senarai mengenai bayaran sewa itu adalah terkandung dalam Telephone Directory, dengan izin. Pada masa ini saya sendiri tidak dapat mencadang untuk mengurangkan sewa telefon di luar bandar itu tetapi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah mewujudkan satu Committee untuk mengkaji bagaimana hendak mengurangkan sewa telefon di luar bandar supaya differences, dengan izin, bayaran sewa oleh pengguna di luar bandar dengan pengguna di bandar didekatkan, Kajian ini sedang dibuat oleh Syarikat Telekom Malaysia (Sdn.) Bhd.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk membaiki komunikasi di luar bandar khususnya di pendalaman, adakah Kementerian bercadang menimbang untuk mengadakan satu projek atau telekom ATUR di kawasan luar bandar yang pendalaman itu? Kalau ada apakah kesannya sampai sekarang?

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penggunaan telefon ATUR untuk luar bandar, ianya memang ada dilaksanakan pada masa sekarang juga tetapi ini terhad kepada kawasan-kawasan yang dekat dengan ibusawat

telefon ATUR. Jika di luar daripada itu tidak dapat mereka mendapatkan perkhidmatan ATUR itu. Tetapi di kawasan-kawasan luar bandar seperti di negeri Sarawak dan Sabah dan juga di Semenanjung ada kampung-kampung yang tepencil itu dapat perkhidmatan teleton melalui ATUR tetapi bukan semua kawasan boleh dapat perkhidmatan ini.

UNIVERSITI—KEBEBASAN BERPOLITIK

5. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pendidikan menjelaskan manakah kebebasan

- (a) setakat manakah kebebasan berpolitik di kalangan mahasiswa pada masa ini dapat diamalkan seperti yang dilaungkan oleh Menteri Pendidikan sendiri, sedangkan hak dan peranan mereka telah dibatasi oleh Akta Kolej dan Universiti 1974; dan
- (b) sekiranya hak-hak mahasiswa untuk bersuara di dalam isu-isu politik dan perkembangan semasa terlalu disekat, mungkinkah generasi pelajar di masa akan datang akan bersikap pasif dan tidak lagi menyumbang idea untuk membangunkan negara.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, walaupun Akta Kolej dan Universiti 1974 itu masih berjalan tetapi ini tidaklah menghalang mahasiswa-mahasiswa dari melibatkan diri dari kegiatan-kegiatan yang bersifat atau bercorak politik, ekonomi dan sosial. Memang Kementerian Pendidikan dan pihak universiti tidak menggalakkan penglibatan mahasiswa terlibat secara aktif di dalam mana-mana parti politik.

Sebab kelewatan pindaan Akta ini ialah kerana Kementerian memikirkan perlu untuk dikaji keseluruhan sistem

pendidikan dan juga Akta. Walaupun ada cadangan-cadangan awal telah dikemukakan, perkara ini ditangguhkan sementara menantikan satu kajian menyeluruh atau dalam rangka reformasi pendidikan.

Perkara kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu tidaklah tepat kerana sekarangpun mahasiswa melalui persatuan-persatuan mereka bebas menganjurkan program-program yang melibatkan penyertaan tokoh-tokoh politik negara dan pihak universiti telah pun dimaklumkan bahkan diberi arahan supaya tidak mengguna dan menafsirkan Akta Universiti terlalu ketat sehingga mengongkong kegiatan pelajar. Sekarang ini pelajar-pelajar diberikan kebebasan untuk mengadakan apa-apa rancangan yang mereka fikirkan sesuai asalkan mereka memberikan maklumat terlebih dahulu kepada pihak universiti.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya jawapan dari Yang Berhormat Menteri adalah sedikit am. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan falsafah dasar pendidikan tinggi di negara kita. Adakah institusi-institusi pendidikan tinggi itu digunakan sebagai alat, dengan izin, social engineering untuk mengeluarkan mahasiswa-mahasiswa yang conform kepada apa yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan ataupun supaya mahasiswa-mahasiswa digalakkan untuk melibatkan diri mereka dalam usaha membina masyarakat termasuklah meyertai parti politik.

Keduanya ialah sama ada betul atau tidak betul bahawa pihak Kerajaan tidak menggalakkan mahasiswa-mahasiswa untuk mengambil bahagian dalam kegiatan politik kerana ia takut akibatnya mengikut apa yang telah berlaku di Burma ataupun Korea Selatan di mana Kerajaan jatuh kerana kegiatan politik mahasiswa-mahasiswa.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pendidikan ini tentunya ada hubungan dengan "social engineering", dengan izin, tetapi tidaklah mengongkong atau untuk semata-mata tunduk dan conform kepada pihak establishment. Jadi, saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat bahawa memang falsafah pendidikan di peringkat pengajian tinggi ialah untuk membina dan membangunkan masyarakat. Sebab itu pandangan ahli-ahli politik dari Kerajaan dan juga Pembangkang dibenarkan.

Pandangan pensyarah-pensyarah juga diberikan kebebasan. Penyelidikan yang telah dibuat dan pandangan yang dihubungkan dengan pertimbangan ilmu dan akademik memang dibolehkan. Yang tidak digalakkan ialah pandangan yang tidak merujuk kepada pertimbangan ilmu kerana itu bertentangan dengan falsafah pendidikan yang menghormati dan meletakkan nilai yang tinggi kepada ilmu pengetahuan.

Keduanya, soal tidak menggalakkan pelajar-pelajar terlibat dalam kegiatan dan isu politik adalah tidak benar. Yang tidak kita galakkan ialah suatu penyertaan aktif dalam parti politik atau "partisan politic" kerana ini kita anggap bertentangan dengan ciri-ciri menimba ilmu pengetahuan yang harus mengambil satu sikap yang terbuka di kalangan pelajar. Saya tidak sedikit pun rasa curiga atau takut pelajar-pelajar kita melibatkan diri ala Burma atau Korea kerana suasana dan keadilan yang kita laksanakan itu tidak memungkinkan muncul gejala-gejala tersebut.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini selalu dinyatakan bahawa akibat daripada penganan Akta Kolej dan Universiti 1974, kebanyakan jenerasi muda yang lahir selepas daripada itu tidak nampak boleh menjadi pemimpin, tidaklah seperti Yang

Berhormat Menteri sendiri. Jadi ini tentunya akan merugikan masyarakat dan juga merugikan negara, sebab yang dipentingkan sekarang ini ialah bukan bilangan tetapi ialah quality dari segi kepimpinan. Maka apakah ada kemungkinan Kerajaan akan mengkaji balik Akta Kolej dan Universiti ini ataupun terus menghapuskan Akta ini kerana sebilangan besar para pelajar di universiti menyatakan bahawa mereka ingin bergiat ataupun semangat berpolitik mereka itu terlalu tinggi. Walaupun dibenarkan tetapi Akta Kolej dan Universiti ini menjadi seperti bayangan hantu yang senantiasa menyekat mereka untuk ke depan ataupun menyuarakan dengan cara yang lebih radikal.

Kedua, akibat daripada penganan Akta Kolej dan Universiti ini juga dikatakan bahawa mutu intelektualisme di kalangan mahasiswa juga dikatakan menurun. Jadi ini tentulah merugikan negara sebab kebanyakan mahasiswa yang dilahirkan daripada universiti tidak mampu memainkan peranan mereka sebagai seorang intellectual di tengah-tengah masyarakat dan ini amat dipentingkan, lebih-lebih lagi dalam suasana dan masyarakat yang ada

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalnya?

Tuan Zubir bin Embong: Soalnya, apakah ini akan dikaji dan seterusnya berhubunglah dengan Akta Kolej dan Universiti.

Tuan Yang di-Pertua: Serupa soalan nombor satu tadilah.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menolak kemungkinan beberapa peruntukan Akta itu harus dikaji dan dipinda. Saya sendiri bersetuju supaya beberapa peruntukan tertentu Akta Universiti dipinda, tetapi saya ingin memberi jaminan pelaksanaan di

universiti itu adalah buktinya bahawa kita tidak mengguna peruntukan Akta untuk mengongkong kegiatan pelajar dan mahasiswa diberikan kelonggaran dan kebebasan menyuarakan pendapat mereka, termasuk apa yang ditafsirkan sebagai isu-isu politik. Oleh yang demikian, soal mutu intelek terjejas atau menurun tidak timbul kerana kegiatan mahasiswa hari ini melibatkan apa yang kita sebut sebagai mencakup bidang politik, ekonomi dan sosial dan kegiatan-kegiatan persatuan mahasiswa itu pada hemat saya masih lagi dianggap cukup aktif dan meluas sekali.

Sebab kita menanggukkan keputusan untuk meminda beberapa peruntukan Akta, sebenarnya berhubung dengan kajian menyeluruh mengenai reformasi pendidikan yang sedang dilaksanakan di peringkat akhir.

KOMPUTERISASI JABATAN KERAJAAN

6. Tuan Law Lai Heng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh JPM dalam proses mengkomputerisasikan (computerization) Jabatan-jabatan Kerajaan; dan
- (b) setakat manakah proses ini telah meningkatkan kecekapan dan produktiviti Jabatan-jabatan Kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jabatan Perdana Menteri tidak menanggung semua perbelanjaan "computerization" dengan izin, bagi Jabatan-jabatan Kerajaan. Perbelanjaan-perbelanjaan itu adalah dibiayai di bawah

peruntukan Jabatan-jabatan berkenaan.

Dalam jangkamasa 10 tahun, iaitu dari tahun 1977 hingga 1986, jumlah perbelanjaan bagi perolehan sistem-sistem komputer untuk Jabatan-jabatan Kerajaan adalah dianggarkan sebanyak M\$291 juta. Anggaran tersebut termasuk kos untuk perolehan dan peningkatan/penggantian kemudahan komputer yang telah sedia da. Pada tahun 1987 hingga bulan September 1988 pula, pihak Kerajaan telah meluluskan perolehan serta peningkatan peralatan komputer sebanyak \$130.7 juta lagi.

- (b) sejak bermulanya pengkomputeran di Jabatan-jabatan Kerajaan, beberapa faedah yang nyata telah dapat dilihat, di antaranya ialah:
 - (i) Peningkatan kutipan-kutipan hasil di Jabatan-jabatan Kerajaan serta Kerajaan-kerajaan Tempatan. Peningkatan yang jelas dapat dilihat di beberapa buah Kerajaan Tempatan di mana kutipan hasil meningkat di antara 20% hingga lebih dari 100%.
 - (ii) kawalan irventori. Penggunaan komputer bagi mengawal irventori dapat mengurangkan stok simpanan. Di makmal ubat contohnya, penggunaan komputer telah dapat menjimatkan kos \$4.5 juta bagi tahun 1986. Penggunaan komputer dalam Sistem Ukur Tanah dijangka dalam tempoh 10 tahun dapat menjimatkan perbelanjaan sebanyak lebih kurang \$7.7 juta.

- (iii) Peningkatan produktiviti. Penggunaan komputer dalam kerja-kerja tertentu adalah juga didapati telah dapat meningkatkan kecekapan Jabatan-jabatan tertentu. Peningkatan yang jelas dapat dilihat di Jabatan Hasil Dalam Negeri. Pada tahun 1984, kira-kira 6,000 pegawai dan staff hanya dapat menguruskan lebih kurang satu juta fail taksiran secara sepenuh masa. Dengan penggunaan komputer Jabatan berkenaan dengan jumlah pekerja yang sama telah dapat menguruskan 1.5 juta fail. Ini bermakna bahawa peningkatan produktiviti Jabatan itu telah meningkat sebanyak 50%.

Jelas juga diperhatikan bahawa penggunaan komputer di Jabatan-jabatan seperti di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mempercepatkan masa memproses permohonan untuk pendaftaran perniagaan, penutupan syarikat, pengeluaran lesen barang-barang kawalan dan lain-lain.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada dalam pelaksanaan program komputerisasi oleh Jabatan-jabatan Kerajaan ada mengakibatkan mana-mana kakitangan-kakitangan ditamatkan pekerjaan dan sekiranya ada, sama ada Yang Berhormat Menteri dapat menyatakan bilangan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang ditamatkan pekerjaan akibat komputerisasi jni dan sama ada mereka dapat diserapkan dalam Jabatan-jabatan yang lain yang tidak ada menggunakan komputerisasi.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Noor: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ada sesuatu penamatan sehingga setakat ini bukanlah kerana proses komputerisasi. Sebarang penamatan sekiranya ada itu berlaku, ia disebabkan oleh keadaan yang lain kerana apabila dilaksanakan program komputerisasi ini, kita telah mengkaji supaya ianya tidak mengesankan pengambilan pegawai-pegawai dan kakitangan yang baru.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucap tahniah sebab hasil saya mengalami sendiri daripada komputerisasi ini ialah pelaksanaan yang begitu cekap oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri kerana kita dapat assessment cepat. Tetapi untuk Jabatan-jabatan lain didapati penggunaan komputer ini telah mengakibatkan sedikit kelembapan. Seperti Yang Berhormat Menteri sedia maklum, komputer ini menggantikan otak kita untuk bergerak daripada bekerja—cuma tangan kita sahaja yang bergerak, tetapi otak kita kurang sedikit. Jadi, adakah kelambatan dalam komputer ini disebabkan oleh sejenis virus yang menyerang komputer sebagaimana yang berlaku di Amerika Syarikat baru-baru ini, sejenis virus telah ditanam dalam komputer oleh seorang pakar menyebabkan seluruh komputer di Amerika Syarikat tergendala perjalanannya. Oleh kerana kita banyak mengimport komputer dari Amerika Syarikat, adakah virus ini juga terkena di Malaysia hingga menyebabkan sedikit kelembapan di setengah-setengah Jabatan Kerajaan?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Noor: Tuan Yang di-Pertua, perkara komputerisasi ini adalah perkara yang telah diteliti sebenarnya oleh satu Unit Khas yang diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu MAMPU. Pelaksanaannya adalah dibuat dengan mengikut program yang tertentu termasuklah juga latihan-latihan khas

kepada bakal-bakal yang akdn menjadi kakitangan dan bertanggungjawab terhadap membuat program dan sebagainya. Kelambatan-kelambatan yang berlaku sekiranya ada ia merupakan satu gejala sementara sahaja. Saya yakin akan dapat kita lakukan perubahan itu dan kita dapat mencapai kejayaan sebagaimana yang telah saya sebutkan berlaku dalam Jabatan-jabatan yang tertentu. Berilah tempoh yang cukup kepada pihak Kerajaan bagi melaksanakan perkara ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bukan bergurau berkenaan dengan virus, tidak bergurau ya?

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau Tan Sri baca suratkhbar dan juga dengar Berita Jam 10 di TV, virus telah ditanam oleh seorang paka

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya faham tentang ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak bergurau, ini very serius, jangan ingat melawak pula.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya sengaja tidak menjawab mengenai dengan virus tadi, kerana Yang Berhormat baru balik dari Amerika (*Ketawa*). Tetapi setakat ini kita belum, lagi dapat mengesan apa-apa virus hasil daripada pengkomputerisasi.

TAMBANG TEKSI DI KUALA LUMPUR

7. Tuan Haji Mohd. /ihin bin Haji Mohd. Hassan mmta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada atau tidak bahawa teksi-teksi di Kuala Lumpur yang mengubah sekatan

meter perjalanan mereka kerana terdapat rungutan-rungutan bahawa dalam perjalanan yang jauhnya sama tetapi bila menaiki teksi yang berlainan serta dikenakan \$5.80 dan yang lainnya hanya \$4.30. Kalau sedar, apakah tindakan yang sedang dan akan diambil ke atas tidak seimbangny tambang-tambang ter sebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Kementerian Pengangkutan sememangnya sedar tentang adanya teksi-teksi di Kuala Lumpur yang meternya menunjukkan tambang yang berbeza walaupun untuk jarak perjalanan yang sama. Hasil tindakan penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan didapati ada teksi-teksi yang diubahsuai perjalanan meternya untuk mendapat tambang yang lebih. Keadaan ini biasanya disedari juga oleh pengguna apabila mereka dikenakan tambang yang berbeza untuk jarak perjalanan yang sama.

Bagaimanapun. untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tambang yang berbeza untuk jarak perjalanan yang sama juga boleh berlaku tanpa disebabkan oleh pengubahsuaian meter teksi. Keadaan ini terjadi bila teksi terlibat di dalam kesesakan lalulintas jalanraya. Ini disebabkan tambang yang ditunjukkan pada meter teksi ditentukan mengikut jarak jauh perjalanan di samping mengikut masa. Bagi kes teksi yang terlibat dalam kesesakan lalulintas jalan, meter teksi berkenaan akan berjalan walaupun teksinya tidak bergerak.

Kementerian Pengangkutan sememangnya sentiasa mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Jabatan Pengangkutan Jalan dari masa ke semasa, menjalankan penguatkuasaan ke atas penggunaan meter teksi. Sekiranya terdapat apa-apa kerosakan, ubahsuaian atau

gangguan meteri (seal) meternya, tindakan penguatkuasaan akan diambil dengan sewajarnya, iaitu pemandu atau pemilik teksi akan dikenakan saman dan teksinya dilarang dari digunakan di jalanraya sehingga meter teksinya diperbaiki.

Apabila Jabatan Pengangkutan Jalan menerima aduan daripada orang awam bahawa sesebuah teksi yang mana meternya disyaki tidak berjalan dengan betul, Jabatan ini juga menghantarkan satu notis kepada pemilik teksi supaya teksinya dibawa ke Jabatan Pengangkutan Jalan untuk pemeriksaan dan juga ujian khas. Tambahan pula, semua teksi dan meternya pun diperiksa dan diuji sekali setiap enam bulan. Sekiranya terdapat kerosakan, gangguan, ubahsuaian atau berjalan cepat, teksi ini juga dilarang digunakan di jalanraya sehingga meteniya telah diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan juga dimaklumkan oleh Kementerian Perusahaan Awam bahawa pihaknya akan mengambil tindakan yang tegas ke atas pemegang-pemegang lesen teksi di mana teksinya terlibat dengan kesalahan mengenakan tambang yang lebih atau mengubahsuai meter teksi. Bentuk tindakan yang akan diambil termasuklah menggantung ataupun membatalkan permit teksi berkenaan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Selain daripada tangkapan ataupun denda yang dibuat ke atas penipuan meter, saya ingin juga bertanya apakah tindakan kepada pemandu-pemandu teksi yang kadang kala biadap dengan membawa teksi di tengah-tengah, dan mengganggu keselamatan orang lain, umpamanya berhenti dengan serta-merta apabila kita marahkan dia lebih biadap terhadap kita sedangkan yang membuat salah itu mereka sendiri. Kedua

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalnya ialah berkenaan dengan meter.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Saya rasa ini berkenaan dengan teksi juga.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, ini berkenaan dengan meter.

Tuan Yang di-Pertua: Dia mengubahsuaikan meter untuk perjalanan mereka itu, bukan berkenaan dengan dia itu biadap.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Baiklah.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa meter-meter ini selalu diperiksa sekurang-kurangnya 6 bulan sekali. Setakat ini berapa banyakkah meter-meter teksi yang telah diambil tindakan oleh JPJ setelah didapati bahawa meter-meter teksi itu telah disalahgunakan atau rosak dan sebagainya.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes teksi yang telah diambil tindakan apabila dijalankan penguatkuasaan ialah 50 bagi tahun 1987 dan bagi tahun 1988 sehingga September iaitu 18 dan kompaun serta saman juga telah dikenakan kepada kes-kes ini. Kes-kes yang dijumpa semasa pemeriksaan biasa iaitu 6 bulan sekali ialah 10 kes—tahun 1986; 26 kes—tahun 1987 dan 62 kes—tahun 1988 (sehingga September) dan kesemuanya telah diberikan notis seperti yang telah saya jelaskan dalam jawapan asal tadi.

Tuan Chian Heng Kai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada beliau sedar bahawa ada teksi-teksi di stesen keretapi ataupun di Puduraya yang

enggan mengikut meter dan meminta lebih tambang. Kalau sedar, apakah tindakan yang akan diambil dan sama ada beliau akan bercadang supaya teksi-teksi di stesen keretapi atau di stesen Puduraya mengikut cara seperti terdapat Lapanganterbang Subang, iaitu mengadakan satu kaunter untuk menaiki teksi.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sama ada pemandu teksi itu meminta bayaran tambang lebih atau tidak, kami tidak tahu, dan apa yang kami dapat tahu ialah semasa kami membuat penguatkuasaan. Jadi, adalah diharap supaya penumpang-penumpang yang terlibat dapat membuat aduan supaya dapat kita panggil teksi-teksi yang berkenaan itu dan sekiranya perlu diambil tindakan seperti yang telah saya sebutkan dalam jawapan asal tadi, kita akan ambil tindakan.

Mengenai cadangan kaunter itu, saya rasa saya akan kemukakannya kepada persatuan-persatuan teksi yang berkenaan dan kalau mereka bersetuju, mereka bolehlah berbuat demikian.

PESARA PROFESIONAL/ TEKNIKAL DILANTIK SEMULA

8. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan apakah tujuan utama pihak Kerajaan melantik semula pesara-pesara bagi jawatan-jawatan profesional dan teknikal khususnya. Berapakah pada masa sekarang jumlah merdeka di seluruh negara. Adakah dasar ini diteruskan meskipun Kerajaan akan melaksanakan pengambilan kakitangan bagi jawatan-jawatan penting dalam Kumpulan A, hasil daripada persetujuan Kerajaan menarik balik pembekuan pengambilan kakitangan dalam jawatan tersebut.

Dato' Dr Mohamrd Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kadang-kadang terpaksa melantik semula pesara-pesara dalam jawatan-jawatan profesional dan teknikal kerana tidak ada calon yang sesuai, berpengalaman serta mempunyai kepakaran sebagaimana yang diperlukan untuk mengisi jawatan-jawatan tersebut. Pesara-pesara ini dilantik semula bagi mengisi jawatan yang sama, untuk tempoh tertentu secara kontrak atau sementara sehingga calon yang sesuai diperolehi.

Pada masa ini, jumlah pesara-pesara yang dilantik semula ialah seramai 168 orang. Mereka terdiri daripada 20 orang dalam Kumpulan A, 47 orang dalam Kumpulan B, 34 orang dalam Kumpulan C dan 67 orang dalam Kumpulan D.

Dasar pengambilan semula pesara-pesara ini akan diteruskan oleh kerana ianya tidak menjejaskan proses pengambilan kakitangan baru. Kerajaan telah menetapkan kriteria-kriteria dalam urusan perantikan ini iaitu mereka akan dilantik secara sementara atau kontrak dan mestilah memiliki kepakaran, kemahiran dan kesesuaian bagi jawatan-jawatan berkenaan.

Puan Ling Chooi Sieng: Soalan tambahan, oleh kerana Kerajaan kadang-kadang dipaksa melantik semula pesara-pesara bagi jawatan tertentu, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk melanjutkan umur besara atau, dengan izin, retiring age, dari 55 ke 60 tahun. Lanjutan ini bukanlah bagi semua jawatan tetapi dalam jawatan-jawatan yang menghadapi kekurangan tenaga dan sebagai contoh saya sebut Hakim-hakim Mahkamah Tinggi yang hanya bersara pada umur 65 tahun.

Tuan Yang di-Pertu: Yang Berhormat kata "hanya". Baiklah.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak pernah "dipaksa" sebenarnya—saya ingin membetulkan istilah itu. Tetapi Kerajaan menimbangkannya berdasarkan kepada keperluan. Ada jawatan-jawatan penting yang saya sebutkan tadi yang memerlukan kepada perkhidmatan daripada pakar yang berkenaan.

Mengenai dengan sama ada perlu atau tidak dilanjutkan umur perkhidmatan untuk seseorang itu mengambil pencen, Kerajaan sebagaimana yang telah saya sebutkan baru-baru ini sedang mengkaji perkara ini.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada di kalangan pesara-pesara yang diambil kembali bekerja memang sudah lembab kemampuan untuk menjalankan tugas dan kalau sedar, apakah kajian telah dibuat untuk menentukan dan menjamin bahawa mereka yang diambil itu betul-betul dapat menjalankan tugas dengan sempurna kerana dari segi kajian pakar-pakar bahawa kalau sudah mencapai tahap yang begitu tinggi umurnya, jadi diambil pun kemampuan berfikir tidak ada lagi.

Yang keduanya, sejauh manakah tindakan kita untuk meneruskan khidmat yang sudah bersara menjejaskan peluang orang-orang baru yang memohon kerja dengan Kerajaan walaupun secara langsung kita tidak boleh menyekat, tetapi secara tidak langsung saya rasa dengan membenarkan pesara-pesara ini mendapat tempat di Jabatan Kerajaan, saya rasa secara tidak langsung kita menyekat kemasukan graduan atau siswazah-siswazah yang menganggur masuk ke Jabatan Kerajaan.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya ada di antara yang diambil semula berkhidmat dan didapati lembab, saya yakin selepas itu tidak lembab, sewaktu kita sambung semula, waktu itu tidak lembab, tetapi kalau lembab pun selepas itu, kerana lembab jni kadang-kadang orang muda pun lembab juga, belum pasti sama ada orang muda tidak lembab. (*Ketawa*)

Mengenai dengan perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, telah pun saya jawab tadi iaitu sebarang perlanjutan perkhidmatan yang diberikan kepada mereka yang telah pun cukup umur untuk bersara, telah kita pastikan bahawa ia tidak menjejaskan pengambilan kakitangan baru.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambaan. Adakah sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, 20 orang pesara yang menyambung kerja dalam Kumpulan A, adakah 10 daripada 20 ini terdiri daripada Kementerian Luar? Yang pertama.

Yang kedua, jika sekiranya contoh yang lebih tepat—dalam Kementerian Luar ada 10 orang Kumpulan A yang patut bersara tetapi tidak bersara, dilanjutkan lagi, adakah Yang Berhormat Menteri memikirkan implikasi kepada yang menunggu ini? Kalau ada 10 jawatan kosong, kalau ia ke atas Superscale B, kalau kita kalikan, kalau 10 ini kosong, berapa banyak yang menikmati kenaikan pangkat dan juga tidak usah ambil kira yang hendak masuk sebagai pegawai Kerajaan yang baru, yang ada itu. Jadi, bukan sahaja kita ambil kira, kita tidak usah kiralah yang patut bersara bekerja ini cergas, tetapi kalaulah cara ini dia akan melembapkan pegawai-pegawai yang sedia ada yang menunggu macam "durian tak jatuh". (*Ketawa*)

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat berkenaan dia sebut "durian" fasal tempat dia banyak durian. (*Ketawa*) Tetapi sebenarnya tidaklah boleh kita jadikan itu sebagai satu "analogy" kerana sekarang ini durian Siam boleh dikait, tidak payah tunggu jatuh. (*Ketawa*)

Mengenai dengan breakdown, dengan izin, sebenarnya saya tidak sebutkan sama ada yang 20 orang itu, 10 orang daripadanya datang daripada Kementerian Luar dan yang 10 lagi daripada Kementerian-Kementerian yang lain. Kalau sekiranya Yang Berhormat inginkan breakdown ataupun pecahan yang terperinci, saya ingin minta notis dan berikan kemudian. Tetapi sebarang perlanjutan perkhidmatan yang dibuat adalah berasaskan kepada keperluan dan saya ingin menekankan sekali lagi bahawa kontrak yang dibuat kepada pegawai-pegawai tertentu sebenarnya dapat mengukuhkan lagi keadaan dalam sesuatu Jabatan kerana ia memberi peluang kepada bakal-bakal pengganti untuk lebih mahir dalam bidang berkenaan.

SIARAN TV DI KAMPUNG MELANGKAP TIONG

9. Tuan Maidon bin Pansai minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa terdapat beberapa tempat daerah Kota Belud di Sabah seperti di Kampung Melangkap Tiong dikatakan tidak begitu jelas atau terang pancaran TVnya. Kalau sedar:

- (a) apakah sebabnya terjadi demikian; dan
- (b) kalau tidak, adakah Kerajaan akan mehyiasatnya serta membuat sesuatu yang perlu demi untuk memperbaiki keadaannya.

Timbangan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jeffrey) : Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan telah membuat kajian dan memang sedar bahawa terdapat beberapa tempat dalam daerah Kota Belud di Sabah seperti di Melangkap Tiong yang tidak menerima siaran TV dengan jelas. Ini adalah kerana pemancar Televisyen atau "transposer", dengan izin, di Bukit X menggunakan kuasa suria dan adalah berkuasa kecil dan pancarannya terhad kepada 3 batu persegi sekeliling bandar Kota Belud. Kawasan-kawasan sekelilingnya yang lain tidak dapat menerima siaran televisyen kerana dilindungi oleh bukit-bukau.

Kementerian ini bercadang untuk membeli pemancar-pemancar kuasa kecil ataupun "transposer", dengan izin, untuk membaiki penerimaan siaran televisyen di bawah cadangan Fasa Kedua projek mengisi liputan televisyen yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia yang akan datang. Walau bagaimanapun, satu rancangan pemodenan alat-alat pemancar televisyen di seluruh Malaysia dengan menggunakan teknologi yang termoden sedang disusun.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kisah TV tidak terang pancarannya bukan sahaja berlaku di Melangkap Tiong tetapi juga di daerah-daerah yang lain. Saya inginkan penjelasan daripada pihak Kementerian, sekiranya terdapat begitu, apakah pihak Kementerian akan mengurangkan bayaran lesen TV?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, soal mengurangkan lesen ini belum terfikir dari pihak kami tetapi yang terfikir ialah bagaimana Kementerian hendak menambahkan perkhidmatan yang lebih baik seperti yang dikehendaki pada masa kini.

Tuan Maidom bin Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang dikatakan oleh umum bahawa Kementerian atau Kerajaan mempunyai pegawai-pegawai yang dilantik khas untuk membuat pemeriksaan lesen-lesen TV sama ada peti TV itu mempunyai lesen ataupun belum diperbaharui. mereka mi masuk ke kampung untuk membuat pemeriksaan. Soalan saya, adakah Kerajaan bercadang untuk melantik pegawai-pegawai khas untuk membuat pemeriksaan sama ada penerimaan siaran TV yang digunakan oleh seseorang pengguna itu dapat menerima dengan jelasnya supaya dalam usaha untuk membantu agar pengguna itu akan mendapat pancaran yang jelas dan mungkin penggunaannya itu setimpal dengan nilai wang yang digunakannya untuk membeli peti TVnya.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bahawa soal perlunya perlantikan pegawai-pegawai khas untuk mengawasi sama ada pancaran TV terang atau tidak terang, saya rasa tidak perlu kerana kita dapat tahu daripada kawasan-kawasan tertentu sama ada satu-satu kawasan itu terang atau tidak terang pancaran televisyennya. Jadi kalau perlu kita akan memperbaikinya. Itu sahaja.

PEKEBUN KOKO DAN KELAPA

10. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan berpuashati dengan taraf hidup pekebun-pekebun koko dan kelapa di negara ini dan kalau berpuashati, bagaimanakah mereka ini dibanding dengan pekebun-pekebun lain seperti kelapa sawit dan getah dan lain-lain;
- (b) bagaimanakah keberkesanan FAMA, Pasaran Koko Kuala

Lumpur dan ICCO dalam membantu menstabilkan harga koko kita dan sekali gus menjamin kecerahan masa depan pekebun-pekebun koko dan kelapa kita; dan

- (c) oleh kerana Kerajaan sudahpun menjadikan koko komoditi yang ketiga terpentingnya selepas kelapa sawit dan getah, adakah Kerajaan sedar akan "kevolatilitian" harga koko seriusnya penyakit "pod-borer". Kalau sedar apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk menghadapi bahaya-bahaya ini.

23. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengekalkan atau menstabilkan harga koko di negara ini memandangkan kepada kejatuhan harga pasaran barangan dunia baru-baru ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan No. 23 daripada Ahli Yang Berhormat dari Tawau pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kemiskinan masih terdapat di kalangan pekebun-pekebun koko dan kelapa seperti juga dalam pekebun-pekebun kecil getah dan lain-lain pekebun. Kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan taraf hidup pekebun-pekebun koko dan kelapa bersama-sama dengan petani-petani yang lain. Di antaranya ialah dengan menggalakkan tanaman kelapa dan koko dengan buah-buahan supaya pekebun-pekebun dapat

memperolehi hasil pendapatan yang lebih daripada penggantungan kepada dua jenis tanaman sahaja. Pada tahun 1986 sebanyak 22,218 hektar kawasan koko telah diusahakan bersama dengan tanaman kelapa dan buah-buahan. Sehingga kini seluas 31,640 hektar telah diusahakan dengan jumlah 31,057 orang yang telah melibatkan diri dalam program ini.

- (b) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Pertanian. Sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab di dalam hal ehwal pemasaran koko, FAMA telah melaksanakan pelbagai program untuk membantu petani-petani koko mendapatkan pulangan yang berpatutan dari usaha-usaha mereka. Walau bagaimanapun, harga koko tempatan secara langsung dipengaruhi oleh harga koko di pasaran dunia.

Kejatuhan harga di peringkat antarabangsa telah diperlihatkan di peringkat ladang di Malaysia di mana harga koko kering gred SMC 1B telah turun daripada \$3,350 setan metrik pada awal tahun ini kepada \$2.700 setan metrik buat masa kini.

Walaupun Kerajaan tidak dapat memastikan harga koko secara langsung tetapi FAMA sedang berusaha mengurangkan kesan kelembapan harga koko atas penanaman koko dengan melaksanakan Skim Menggred Koko dan memberi khidmat nasihat dan tunjukajar cara pemprosesan dan penyelidikan koko yang betul untuk menghasilkan biji koko yang bermutu iaitu seboleh-bolehnya setaraf dengan biji koko Ghana.

Dagangan Hadapan Koko di BKKL dilancarkan pada 8hb Ogos, 1988, dengan tujuan untuk memberikan kemudahan penjualan koko dilakukan melalui pasaran tempatan dan tidak cuma bergantung kepada pasaran luar negeri. Walau bagaimanapun, harga koko pada akhirnya akan bergantung kepada permintaan dan penawaran koko dunia.

Mengenai ICCO, ia tidak dapat berupaya menstabilkan harga koko di pasaran dunia walaupun stok penimbal telah mencapai paras 250,000 tan metrik disebabkan oleh kelebihan bekalan secara struktur yang berlaku selama 5 tahun berturut-turut. Kejatuhan harga koko dunia tentulah akan menggalakkan penggunaan yang lebih banyak dan ini akan membantu dalam mengimbangkan penggunaan bekalan pada masa yang akan datang dan di samping itu pengeluar-pengeluar yang tidak berupaya bersaing mungkin akan meninggalkan industri ini. Dengan yang demikian adalah mustahak bagi kita memperkukuhkan kecekapan pengeluaran pekebun-pekebun koko di negara ini.

- (c) Selain daripada harga koko yang "volatile", Kerajaan memang sedar tentang penyakit "pod-borer", dengan izin, dan pada masa ini Kerajaan sedang menjalankan pelbagai langkah untuk menghadapi masalah ini seperti:

- (i) melarang kemasukan buah-buahan koko dan longan, namnam, pulasan yang menjadi purama "pod-borer", dengan izin, dari Indonesia dan Filipina ke Malaysia di bawah

Peraturan-peraturan Ku-
rantina Tumbuhan 1981;
dan juga

- (ii) memperketatkan pemerik-
siksaan kuarantina ke atas
bahan-bahan pertanian di
pintu-pintu masuk ke
negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua: Masa Soal-
Jawab sudah cukup.**

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab
Mulut telah cukup dan Jawapan bagi
Pertanyaan No. 11 hingga 28 adalah
diberi di bawah ini).*

PENYAKIT BERPUNCA DARIPADA AIR

11. Tuan James Jimbun anak Pungga
minta Menteri Kesihatan menentukan
jenis-jenis penyakit yang datang
daripada air dan apakah langkah yang
diambil oleh Kementerian bagi
mengurangkan jenis penyakit
berkenaan di kawasan luar bandar di
Sarawak.

Dato' K. Pathmanaban: Untuk
makluman Ahli Yang Berhormat,
antara penyakit-penyakit yang
berpunca daripada air termasuklah
kotera, tifoid, hepatitis A dan juga
cirit-birit yang disebabkan oleh
kuman-kuman tertentu.

Langkah-langkah yang diambil oleh
Kementerian Kesihatan bagi
mengurangkan penyakit-penyakit
berkenaan di kawasan luar bandar di
Sarawak termasuklah:

- (i) Membekalkan air yang bersih
dan selamat dengan membina
dan menyelenggara telaga-
telaga dan lain-lain sistem
bekalan air di kawasan-
kawasan di mana Jabatan
Kerja Raya tidak mempunyai
rancangan untuk membekal-
kannya dalam jangkamasa

lima tahun. Dalam Ran-
cangan Malaysia Kelima se-
jumlah \$6.9 juta ringgit
telah pun disediakan bagi
negeri Sarawak untuk akti-
viti ini.

- (ii) Membantu Jabatan Kerja
Raya dalam tanggungjawab-
nya membekalkan air yang
bersih dan setamat terutama
sekali di kawasan-kawasan
pendalaman.
- (iii) Mengawas mutu kebersihan
dan keselamatan air yang
dibekalkan oleh Jabatan
Kerja Raya dengan
mengambil contoh air
mengikut jadual tertentu. Jika
terdapat air yang dibekalkan
itu dicemari oleh kuman
penyakit, Jabatan Kerja Raya
diberitahu dengan serta-merta
supaya mengambil tindakan-
tindakan yang perlu.
- (iv) Mempregiat aktiviti-aktiviti
pelajaran kesihatan, ber-
tujuan untuk meningkat-
kan amalan kebersihan diri
dan alam sekitar serta
menasihatkan mereka supaya
tahu cara-cara untuk meng-
elakkan daripada terkena
penyakit berkenaan.
- (v) Menyiasat dengan segera kes-
kes penyakit bawaan yang
dilaporkan dan memusnahkan
punca-punca penyakit sebaik-
baik sahaja ianya diketahui.

GURU SANDARAN

12. Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali
minta Menteri Pendidikan
menyatakan adakah Kementerian
bercadang untuk mengambil guru-
guru sandaran ini menjadi guru setelah
tamat tempoh kontrak mereka atau
Kementerian ini hanya mengambil
mereka sementara kontrak mereka
masih berterusan sehingga tamat

tempohnya saja. Jika Kementerian ini mengambil mereka sebagai guru tetap minta jelaskan, dan jika tidak, apakah sebab-sebabnya.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Kementerian Pendidikan terdapat dua jenis Guru Sandaran iaitu:

- (i) Guru Sandaran Terlatih (GST);
- (ii) Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT).

Guru Sandaran Terlatih adalah mereka yang telah mempunyai Sijil/ Diploma Perguruan. Perkhidmatan mereka adalah sebagai langkah sementara sambil menunggu proses perlington tetap selesai diuruskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan. Dalam ertikata lain mereka merupakan calon untuk perlington ke jawatan tetap di dalam Perkhidmatan Pendidikan.

Manakala Guru Sandaran Tidak Terlatih adalah mereka yang dilantik oleh Pengarah Pendidikan di Jabatan Pendidikan Negeri dalam usaha untuk menampung kekurangan Guru-guru Terlatih di sesebuah sekolah.

Mereka tidak dilantik dan berkhidmat atas dasar kontrak tetapi dilantik secara sementara dari sebulan ke sebulan. Oleh kerana perlington mereka itu bersifat sementara, Pengarah Pendidikan Negeri akan menamatkan perkhidmatan mereka apabila Kementerian Pendidikan dapat mengisi kekosongan dengan Guru Terlatih.

Walaupun begitu bagi mereka yang telah berkhidmat berterusan selama 3 tahun, mempunyai kelayakan akademik yang baik dan berada dalam lingkungan had umur yang disyaratkan mereka akan dipertimbangkan untuk mengikuti Kursus Perguruan Dalam Masa Cuti (KDC).

IKLAN DI TELEVISYEN

13. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Penerangan menyatakan tidakkah ada jalan bagi mengurangkan iklan-iklan melalui kaca televisyen lebih-lebih lagi dalam masa warta berita dan juga warta dunia jam 10.00 kerana sekarang ini didapati banyak sangat memaparkan iklan-iklan diselang-selikan semasa program yang amat mustahak ini memadailah satu atau dua ataupun tidak diadakan langsung iklan-iklan dalam masa kedua-dua program yang disebutkan.

Tuan Railey bin Jaffrey: Iklan merupakan sumber hasil yang utama bagi RTM. Hasil daripada iklan-iklan dapat menampung sebahagian besar daripada perbelanjaan Kerajaan khususnya bersabit dengan perkhidmatan penyiaran dan dapat mencapai matlamatnya untuk menjadi "self-sufficiency" dari segi kewangan.

Iklan-iklan yang disiarkan mencelah program-program RTM termasuk warta berita dan rancangan dunia jam 10 adalah tidak banyak berbanding dengan nisbah iklan-iklan yang disiaran oleh badan-badan penyiaran antarabangsa bagi sesuatu program.

PERSATUAN JAWI DI SEKOLAH RENDAH

14. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian ini bersetuju dan mengarahkan guru-guru sekolah rendah di seluruh negara menubuhkan Persatuan Jawi di sekolah untuk menyahut seruan (GMGBSRM); dan peminat-peminat bacaan jawi sekarang.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pendidikan tidak mengarahkan guru-guru sekolah rendah seluruh negara menubuhkan

Persatuan Jawi oleh kerana di sekolah-sekolah rendah berkenaan telah menubuhkan Persatuan Agama Islam dan melalui persatuan tersebut murid-murid yang berminat dapat meluaskan bacaan jawi mereka.

IN-HOUSE UNION

15. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan akan membenarkan pekerja-pekerja sektor elektronik menubuhkan "In-House Union".
- (b) jika tidak, apakah sebabnya.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Sekiranya ada permohonan daripada pekerja-pekerja sesebuah syarikat elektronik untuk menubuhkan Kesatuan "in-house", maka permohonan itu akan diberi pertimbangan yang positif oleh Kementerian Buruh.

HOSPITAL BESAR KUCHING— KEMUDAHAN

16. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah diambil untuk meningkatkan kemudahan di Hospital Besar Kuching, Sarawak.

Dato' K. Pathmanaban: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan Malaysia senantiasa mengambil tindakan untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan di Hospital Besar Kuching. Di antara tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil ialah:

- (i) Untuk mengurangkan kesesakan di tempat mengambil ubat, bangunan farmasi di Jabatan Pesakit Luar akan dibesarkan. Kaunter-kaunter untuk membancuh ubat juga akan ditambahkan dari dua (2)

buah yang ada sekarang kepada empat (4) buah kaunter.

- (ii) Kesesakan di klinik-klinik pakar akan dapat dikurangkan dengan pembinaannya satu blok empat tingkat. Adalah dijangkakan bahawa pembinaan blok ini akan bermula pada tahun 1989 dan dijangka siap pada tahun 1991.
- (iii) Bilangan katil di Hospital Besar ini juga telah meningkat daripada 674 katil kepada 736 katil dengan pembukaan blok Radiotherapi pada Ogos 1985.
- (iv) Kementerian Kesihatan Malaysia juga mengambil tindakan untuk mengadakan alat-alat baru di hospital ini dan memperbaiki alat-alat yang sedia ada. Pada bulan Disember 1987, satu alat C.T. Scan telah dipasangkan dan dikomisyenkan di Jabatan Radiologi. Satu unit fluoroscopy untuk jabatan ini juga akan dibeli pada tahun 1989.

PROTON DAN EON—MILIKAN SAHAM

17. Tuan Mutang Tagal minta Perdana Menteri menyatakan apakah perubahan yang dibuat di Perusahaan Otomobil Nasional (Proton) dan Edaran Otomobil Nasional (EON) baru-baru ini dari segi pengurusan dan milikan sahata. Setakat ini nyatakan jumlah Proton Saga yang kita eksport.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Kasitah bin Gaddam):(1) Bagi syarikat Proton—Perubahan yang dibuat merupakan perubahan di peringkat pengurusan atasan sahaja yang melibatkan penempatan tiga pegawai kanan Mitsubishi Corporation of Japan (MC) masing-masing dilantik menjawat Pengarah Urusan, Pengurus Besar Korporat (Perancangan

Korporat) dan Pengurus Besar Korporat (Perniagaan).

(2) Bagi syarikat EON—Perubahan yang dilakukan meliputi perubahan pengurusan atasan dan perubahan saham miliknya meliputi:

- (i) Perlantikan Encik Rin Kei Mei dilantik sebagai Pemangku Pengarah Urusan menggantikan Yang Berbahagia Dato Eric Chia yang telah dilantik sebagai Pengarah Urusan Perwaja Terengganu Sdn Bhd (PTSB).
- (ii) Penjualan saham Edaran Pekemas Bhd sebanyak 5% kepada HICOM. Daripada pertukaran saham ini, HICOM sekarang menjadi pemegang majoriti dengan pegangan sebanyak 50% dalam EON.

Perubahan tersebut dibuat untuk meningkatkan lagi keberkesanan perjalanan dan prestasi kedua-dua syarikat tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30-10-1988 sejumlah 1,329 unit kereta Proton Saga telah dieksport ke luar negeri.

HOSPITAL DAERAH KOTA MARUDU—PEMBINAAN

18. Tuan Madatang Morejal minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab-sebab pembinaan Rumah Sakit Daerah di Kota Marudu belum dilaksanakan. Sekiranya cadangan pembinaan Rumah Sakit Daerah tersebut dapat diteruskan, bilakah tarikh pelaksanaannya dan berapakah peruntukannya.

Dato' K. Pathmanaban: Pembinaan Hospital Daerah Kota Marudu akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kelima, Pembinaan dijangka mufa pada Mei 1989 dan siap pada bulan April 1991. Pada masa kini penyediaan

dokumen tawaran sedang diteruskan. Sebanyak \$8 juta telah diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kelima bagi pelaksanaan projek ini.

PERTUKARAN PEGAWAI DI PEJABAT PENDIDIKAN KELANTAN

19. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Menteri telah memberikan arahan kepada pegawai-pegawai tertentu di Pejabat Pendidikan Negeri dan Daerah, khususnya di Kelantan, supaya menemui Guru-guru Besar, Penolong Kanan. Guru dan pekerja-pekerja tertentu, supaya menukarkan beberapa orang yang tidak diingini memasuki UMNO Baru sebagai amaran kepada yang lain.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak ada memberi arahan kepada pegawai-pegawai tertentu di Pejabat Pendidikan Negeri dan Daerah, khususnya di Kelantan, supaya menemui Guru-guru Besar, Penolong Kanan, Guru dan pekerja-pekerja tertentu supaya memasuki UMNO baru. Kementerian ini juga ada memberi arahan menukarkan beberapa orang yang tidak ingin memasuki UMNO Baru, sebagai amaran kepada yang lain.

PEMBEBASAN TAHITI—KEBENARAN MASUK

20. Dato' Dr Affiuddin bin Haji Omar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Mataysia masih lagi berpegang pada dasar menyokong perjuangan kebebasan dari kolonialisma di mana-mana saja di dunia; jikalau ia, mengapakah 11 orang pejuang pembebasan Tahiti (dari penjajahan Perancis) tidak dibenar memasuki negara ini pada awal bulan April lalu.

Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Kerajaan Malaysia sememangnya sentiasa menentang kolonialisma di mana-mana saja di dunia ini. Sebenarnya tindakan Jabatan Imigresen tidak membenarkan 11 orang Tahiti masuk ke negara ini pada 5 haribulan April lalu adalah berasaskan kepada sebab-sebab keselamatan. Ini adalah untuk mengelak daripada kemungkinan keadaan tidak diinginkan berlaku.

PELABURAN SWASTA TEMPATAN

21. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) jumlah wang yang telah dilaburkan di Malaysia oleh pihak swasta tempatan dalam tempoh 1-1-1987—31-12-1987 dan 1-1-1988 hingga 30-9-1988;
- (ii) sebab-sebabnya kenapa pelaburan oleh pihak swasta tidak mengambil peluang yang ada untuk melabur wang di dalam ekonomi negara kita; dan
- (iii) apakah langkah-langkah akan diambil untuk memperbaiki masalah tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):

- (i) Bagi tempoh 1-1-87—31-12-87, sejumlah 333 projek telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan jumlah anggaran pelaburan tempatan yang dicadangkan sebanyak \$1,873.9 juta. Manakala bagi tempoh 1-1-1988 hingga 30-9-88, sejumlah 509 projek telah diluluskan dengan jumlah anggaran pelaburan tempatan yang dicadangkan sebanyak \$3,501.8 juta.

Berdasarkan pada kajian yang dijalankan oleh pihak MIDA untuk menentukan kemajuan peringkat pelaksanaan projek-projek perkilangan yang diluluskan seperti pada 30-6-88, daripada 333 projek yang diluluskan bagi tempoh 1-1-1987—31-12-87, sejumlah 145 buah projek telah mula melaksanakan projeknya. Jumlah anggaran pelaburan tempatan yang dicadangkan dalam projek-projek ini adalah sebanyak \$653.3 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun bilangan ini dianggap kecil adalah perlu diingat projek-projek biasanya mengambil masa 1-2 tahun untuk dilaksanakan. Oleh itu lebih daripada 145 projek ini akan dilaksanakan kelak.

Kajian ini tidak meliputi projek-projek yang diluluskan bagi tempoh bulan Januari hingga September, 1988. Projek-projek ini hanya akan dikaji dalam penyiasatan yang akan dijalankan pada akhir tahun, 1988.

- (ii) Adalah tidak benar menyatakan pihak swasta tidak mengambil peluang untuk melabur wang dalam ekonomi kita memandangkan anggaran pelaburan tempatan yang dicadangkan bagi tempoh Januari—September, 1988 adalah hampir dua kali ganda iaitu sebanyak \$3,501.8 juta berbanding dengan tahun 1987 di mana anggaran pelaburan tempatan yang dicadangkan sebanyak \$1,873.9 juta. Bagi pelaburan asing pula, jumlah modal yang dicadangkan telah meningkat kepada 3,469.4 juta untuk

tempoh Januari—September, 1988 berbanding dengan tahun 1987 di mana jumlah modal pelaburan asing sebanyak \$2,060.0 juta.

- (iii) Di antara langkah-langkah yang telah diambil untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan swasta dalam sektor perkilangan ialah pengenalan galakan-galakan pelaburan yang lebih menarik untuk sektor perkilangan dengan berkuatkuasanya Akta Penggalakan Pelaburan 1986 mulai 1hb Januari, 1986; kelonggaran peraturan mengenai Lesen Perkilangan; kelonggaran garis-garis panduan mengenai penyertaan ekuiti asing dan penggunaan pekerja asing; dan pembaikan Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport untuk memudahkan para pengeksport Malaysia bersaing dengan lebih berkesan lagi dalam pasaran antarabangsa.

Di samping langkah-langkah tertentu, Kerajaan telah membuat beberapa perubahan untuk menambah kecekapan dan memperkemaskan lagi beberapa polisi dan prosedur pentadbiran yang terlibat di dalam penubuhan projek-projek di sektor perkilangan. Beberapa langkah telah diambil untuk memudahkan dan mempercepatkan lagi kelulusan bagi permohonan-permohonan untuk mendapatgalakan, pengecualian cukai ke atas bahan-bahan mentah, logi dan jentera dan kelulusan bagi mendapatkan tapak kilang dan pelan bangunan kilang.

PELAN INDUK TEBATAN BANJIR PULAU PINANG

22. **Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Pertanian menyatakan kemajuan setakat ini yang telah dicapai ke atas kajian yang dijalankan oleh satu syarikat Jepun (JICA) bagi mengenalpasti sebab-sebab berlakunya banjir di kawasan Sungai Pinang dan Tanjung di Pulau Pinang dari wang peruntukan \$4 juta janji pilihanraya 1986 yang dibuat oleh Perdana Menteri dan sama ada lebih banyak lagi wang akan diperuntukkan bagi menyelesaikan masalah banjir sebaik sahaja kajian tersebut selesai dan masalah-masalah telah dikenalpasti.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Pada bulan Jun 1988, Kerajaan telah menandatangani persetujuan dengan Kerajaan Negeri Jepun, mengenai kajian bagi penyediaan pelan induk tebatan banjir Pulau Pinang. Kajian ini akan dijalankan oleh Kerajaan Jepun sebagai bantuan teknik kepada Malaysia. Pihak yang bertanggungjawab untuk perjalanan kajian ini ialah JICA (Japan International Cooperation Agency).

Di bawah kajian ini, satu pelan induk tebatan banjir akan disediakan bagi seluruh Pulau Pinang termasuk kawasan Sg. Pinang dan Tanjung. Pelan induk ini akan mengemukakan langkah-langkah untuk mengawal banjir yang sedang dialami dan juga cadangan-cadangan untuk memperbaiki Sistem Saliran Pulau Pinang.

Kajian ini akan bermula pada pertengahan tahun 1989 dan akan mengambil masa selama 1 1/2 hingga 2 tahun. Kajian ini akan menghasilkan satu projek yang komprehensif dan menyeluruh bagi tebatan banjir dan saliran di Pulau Pinang.

Kerajaan sentiasa mengutamakan kerja-kerja tebatan banjir dan

peruntukan bagi menyelesaikan masalah banjir di Pulau Pinang akan disediakan selaras dengan cadangan-cadangan yang akan dikemukakan oleh kajian ini.

HARGA KOKO—PASARAN

23. **Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengekalkan atau menstabilkan harga koko di negara ini memandangkan kepada kejatuhan harga pasaran barangan dunia baru-baru ini.

Dato' Alias bin Md. Ali: Harga biji koko dalam negeri dipengaruhi oleh harga di pasaran dunia yang telah merosot disebabkan bekalan koko dunia melebihi permintaan bagi lima tahun berturut-turut. Walau bagaimanapun Kerajaan menjalankan pelbagai program untuk menstabilkan harga koko di negara ini. Salah satu daripada program berkenaan ialah dengan memperbaiki mutu koko melalui Skim Menggred Koko (SMC) yang bertujuan untuk mengawal mutu koko di pasaran antarabangsa. Dengan adanya skim ini koko daripada Malaysia akan lebih mudah diterima kerana hanya biji-biji koko yang bermutu sahaja dibenarkan diekspor ke luar negeri. Oleh itu biji-biji koko dari Malaysia dapat bersaing dengan koko dari negara-negara lain.

Kerajaan juga sedang mengambil tindakan untuk membolehkan koko Malaysia diekspor ke negara-negara Eropah tanpa diskaun. Usaha juga sedang dipertingkatkan untuk menambahkan perasa koko ke atas koko Malaysia bersesuaian dengan citarasa para pengguna di Eropah.

Selain dari itu Kerajaan melalui Agensi-agensinya seperti FAMA menjalankan kegiatan pengembangan bagi menunjukajar petani-petani

berhubung dengan amalan pengendalian dan pemrosesan biji-biji koko yang baik. Dengan itu mutu koko Malaysia akan dapat dipertingkatkan dan para pengeluar koko akan mendapat harga yang lebih baik.

Selain dari itu, Kerajaan juga menjalankan kegiatan-kegiatan promosi untuk memperkenalkan koko Malaysia di luar negeri yang bertujuan untuk mengukuhkan pasaran-pasaran yang telah sedia ada di samping meneroka pasaran-pasaran baru yang berpotensi seperti negara-negara Eropah Timur, Jepun, Korea, Republik Rakyat China dan lain-lain.

DISIPLIN ANGGOTA POLIS

24. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) sama ada beliau sedar bahawa anggota-anggota polis telah meningkatkan penggunaan kekerasan fizikal di atas orang-orang yang disyaki semasa disoalsiasat baru-baru ini seperti yang diakui oleh Ketua Polis Negara baru-baru ini di dalam akhbar;
- (ii) sebab-sebab bagi peningkatan penggunaan kekerasan fizikal tersebut oleh anggota-anggota polis semasa soalsiasat; dan
- (iii) apakah langkah-langkah Kementerian beliau akan mengambil atau berhasrat untuk mengambil bagi menyekat peyalahgunaan-penyalahgunaan tersebut oleh pihak polis.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (i) Kementerian Dalam Negeri sememangnya sedar mengenai tomahan-tomahan terhadap

pegawai-pegawai dan anggota polis yang menggunakan kekerasan semasa soalsiasat ke atas orang-orang yang disyaki melakukan kesalahan. Tomahan-tomahan tersebut akan disiasat dengan teliti dan jika ia terbukti, tindakan tegas mengikut undang-undang akan diambil ke atas pegawai dan anggota berkenaan. Bagaimanapun sukalah saya menegaskan bahawa kes-kes tomahan penggunaan kekerasan adalah kecil iaitu 10 kes dalam tahun 1986, 9 kes dalam tahun 1987 dan 9 kes dalam tahun 1988 (Januari hingga Oktober) yang jelas menunjukkan tiada peningkatannya. Mengenai saranan Yang Berbahagia Ketua Polis Negara baru-baru ini, sukalah saya menjelaskan bahawa ingatan sedemikian adalah perlu dibuat dari masa ke semasa bagi memastikan setiap pegawai dan anggota polis sentiasa berdisiplin dan berhemah tinggi dalam menjalankan tugas-tugas mereka.

- (ii) Saya suka menegaskan sekali lagi bahawa berasaskan perangkaan kes-kes kekerasan dari tahun 1986 hingga 1988 di atas tadi, sememangnya menunjukkan tiada peningkatan dalam kes-kes berkenaan. Mengenai sebab-sebab kekerasan berlaku semasa soalsiasat dibuat tidaklah dapat dipastikan dengan tepat tetapi sukalah saya menjelaskan bahawa sebagai manusia biasa pegawai dan anggota polis tidak terlepas dari tekanan-tekanan kerja, perasaan dan alam sekeliling dalam menghadapi tugas seharian mereka sebagai anggota polis

yang menyebabkan mereka kadangkala terkasar dalam tindak-tanduknya.

- (iii) Sungguhpun kes-kes kekerasan anggota polis ini adalah kecil, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Polis sentiasa mengambil berat mengenainya. Sukalah saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa pihak Kementerian tidak akan bersimpati dan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan serius mengikut lunas undang-undang atau tatatertib ke atas mana-mana pegawai dan anggota yang terbukti menggunakan kekerasan dalam tugas-tugas mereka. Selain dari tindakan undang-undang dan tatatertib tangkah-langkah lain juga diambil bagi menghindarkan kejadian seumpama ini dari terus berlaku, antaranya penerapan nilai-nilai agama, panduan kekesanan soalsiasat, peningkatan disiplin anggota dan sebagainya yang diserapkan melalui latihan dan kursus-kursus yang diadakan dari masa ke semasa.

PROTON SAGA—PASARAN DI AMERIKA SYARIKAT

25. **Dr Chen Man Hin** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada usaha untuk mengeksport kereta PROTON SAGA telah mencapai sasaran yang ditetapkan dan sama ada SAGA telah menembusi pasaran kereta Amerika Syarikat.

Datuk Kasitah bin Gaddam: Eksport PROTON SAGA ke luar negeri dianggap menggalakkan dan mempunyai potensi yang baik. Perancangan eksport di bawah Fasa I iaitu pengeksportan kereta-kereta PROTON SAGA ke negara-negara

yang boleh menerimanya tanpa banyak pengubahsuaian telah dilaksanakan mengikut sasarannya, dengan pengeksporan kerela itu ke New Zealand, Malta, Sri Lanka dan Bangladesh. Buat masa ini pihak Proton sedang berusaha melaksanakan matlamat Fasa II iaitu pengeksporan ke negara-negara Amerika dan Eropah yang memerlukan beberapa modifikasi untuk memenuhi piawai keselamatan dan piawai kawalan gas buangan (emission control) yang ditetapkan oleh negara-negara itu. Pengeksporan PROTON SAGA di bawah Fasa II ini akan dimulakan dengan pengeksporan ke United Kingdom yang dijangka dilancarkan pada suku pertama tahun 1989. Pasaran kereta nasional di Amerika Syarikat belum lagi ditembusi kerana ini memerlukan perancangan teliti. Usaha ke arah ini sedang diambil sekarang.

MURID DALAM SEBUAH KELAS—BILANGAN

26. **Tuan Tng Chek Ming** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa terlalu banyak murid (overcrowding) di kebanyakan sekolah-sekolah rendah, khasnya darjah satu yang murid-muridnya adalah sebanyak berbilang 45 ke 50 murid atau lebih, yang bermakna setiap murid hanya mendapat kurang daripada satu minit pendidikan dan perhatian, sejak setiap "period" hanya setengah jam. Nyatakan sama ada ini adalah cara yang sesuai dalam KBSR untuk mendidik murid-murid dan cara-cara yang sesuai untuk "to lay a good foundation" untuk murid-murid dan beri sebab-sebab mengapa situasi seperti ini dibenarkan. Nyatakan juga bagaimana dan apakah cara-cara yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah "overcrowding".

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang menyedari tentang adanya sekolah-sekolah yang menghadapi keadaan bilangan murid yang ramai dalam sebuah kelas. Walau bagaimanapun, bilangan sekolah yang menghadapi keadaan itu tidaklah banyak. Kementerian Pendidikan dengan sedaya upaya berusaha untuk mengurangkan masalah tersebut. Ini adalah bergantung kepada peruntukan yang disediakan. Di samping itu Kementerian Pendidikan juga dari semasa ke semasa ada melaksanakan projek-projek segera melalui projek kerja kecil dan gotong-royong bagi membina bilik-bilik darjah tambahan bagi mengatasi masalah tersebut.

Pada asasnya KBSR disediakan untuk semua murid. Akan tetapi pertimbangan utama dalam strategi pengajaran dan pembelajaran terhadap seseorang murid itu adalah berdasarkan keadaan mereka yang berbeza-beza dari segi kesediaan, keupayaan menerima pelajaran, latar belakang dan sebagainya.

Program KBSR ini juga menghendaki guru-guru menggunakan berbagai keadaan dan teknik yang sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran sama ada bagi semua murid secara kelas, bagi kelompok-kelompok murid secara kumpulan atau secara individu. Guru-guru digalakkan memberi bimbingan kepada murid-murid tertentu secara individu ketika murid lain membuat latihan atau perbincangan supaya dengan cara demikian murid-murid akan dapat perhatian dan bimbingan sesuai dengan keperluan mereka. Langkah-langkah diatasi dijalankan bagi memastikan murid-murid menerima asas pendidikan yang baik dan untuk mengatasi masalah bilangan murid-murid yang ramai di kelas-kelas.

KONSERT MICHAEL JACKSON

27. **Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sebab-sebab mengapa pihak Kerajaan memutuskan untuk tidak membenarkan Konsert Michael Jackson yang dicadangkan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui): Soalan yang sama telah dijawab kepada Yang Berhormat Tuan Hsing Yin Shean pada 29-11-1988 dalam sesi soal jawab mulut. Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada jawapan tersebut dalam Penyata Rasmi Parlimen (*Hansard*) bertarikh 29-11-1988.

STESEN RADIO SWASTA

28. **Tuan Hu Sepang** minta Menteri Penerangan menyatakan mengapa Busar Saham Kuala Lumpur dibenarkan mengadakan sebuah stesen radio swasta sementara Y.B. Menteri telah menyatakan yang stesen radio swasta tidak akan dibesarkan dan sila menyatakan mengapa apabila Menteri Penerangan ditukar dalam tahun 1986 radio swasta tidak dibenarkan sementara Menteri yang sebelum itu bersetuju.

Tuan Railey bin Jaffrey: Kementerian ini tidak pernah mengeluarkan sebarang kelulusan kepada mana-mana pihak untuk mengadakan stesen radio swasta kecuali Syarikat Redifussion.

Saya mahu menjelaskan bahawa pihak Kementerian sebelum tahun 1986 dahulu pernah memikirkan untuk membenarkan radio swasta diwujudkan di Malaysia. Cadangan ini telah pun dikemukakan kepada Kerajaan tetapi pihak Kerajaan telah memutuskan bahawa sebarang permohonan untuk mewujudkan radio

swasta ini tidak dapat ditimbang. Ini adalah kerana kemudahan-kemudahan radio yang ada sekarang ini adalah mencukupi untuk rakyat jelata. Sambil itu Kementerian Penerangan sedang menimbang-cadangan bagi memperluas dan memperbaiki lagi perkhidmatan radio berbagai bahasa yang ada ini agar ia dapat memenuhi matlamat negara serta kehendak rakyat jelata.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul ini disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1989****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN
1989****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1989 dan Anggaran Pembangunan, 1989 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (Hari Keempatbelas).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B.46 (Jadual)—

Maksud P.46 (Anggaran Pembangunan, 1989)—

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

3.38 *ptg.*

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Pengerusi, saya menyambung jawapan saya.

Mengenai usaha untuk mengatasi masalah sekam padi, saya suka memaklumkan bahawa SIRIM telah berjaya menggunakan abu sekam padi atau "rice hush ash" dengan izin, supaya dijadikan bahan yang berguna untuk penahan haba "heat proofing" dan juga sebagai "fire proofing material", Sebuah kilang perintis telah

ditubuhkan di SIRIM dengan kerjasama dengan pihak Jepun untuk menambahkan penggunaan sekam padi ini.

Selain daripada itu jika ada pihak-pihak yang tertentu di sektor swasta yang ingin mengatasi masalah penggunaan sekam padi, usaha penswastaan itu memang digalakkan dan terbuka kepada sesiapa yang berminat.

Soal kawalan penggunaan

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Arau bangun, Berhormat hendak beri jalan?

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan. Saya ingin memberi tawaran kepada Yang Berhormat seluruh sekam padi di Kedah dan Perlis akan diberi percuma kepada mana-mana kilang yang ingin mendapatnya "free of charge".

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Pengerusi, di Simunjan, seluruh

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Simunjan bangun, dengan tidak ada kebenaran.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya, minta izin.

Tuan Pengerusi: Adakah Yang Berhormat Menteri membenarkan Yang Berhormat dari Simunjan untuk beri penerangan?

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Pengerusi, setelah saya habis jawab perkara ini dan jika perlu diminta penjelasan, barulah boleh minta.

Tuan Pengerusi: Saya bersetuju, kalau belum menjawab habis, minta penjelasan apa? Ya, sila teruskan.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Ya, saya akan ambil perhatian percakapan Ahli Yang Berhormat tadi.

Soal kawalan penggunaan atau panduan mengenai bahan kimia Apakah penjelasan yang diminta tadi?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Simunjan, sila.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana walaupun saya sudah lupa, tetapi diingatkan.

Saya menyambung saranan pelawaan daripada Yang Berhormat dari Arau tadi. Kalau program ini berjaya dan akan dilaksanakan, saya rasa sekam padi di kawasan Simunjan pun saya serah bersama-sama "free of charge".

Tuan Pengerusi: Jadi bermakna sekam-sekam itu Yang Berhormat

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Sekam-sekam termasuk kayu boleh juga.

Tuan Pengerusi: Jadi, sekam-sekam itu Yang Berhormat yang berdua punya! (*Ketawa*)

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Terima kasih. Tetapi saya ingat jika padi ini dibawa dari Simunjan kepada SIRIM sini, mungkin belanja pengangkutan amat tinggi. Siapa hendak tanggung itu? Namun begitu, saya berterima kasihlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ke atas cadangan mereka.

Soal kawalan penggunaan atau panduan mengenai bahan kimia telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau dan saya ingin

memaklumkan bahawa perkara ini adalah di bawah bidangkuasa Kementerian Kesihatan dan bukan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Begitu juga dengan masalah racun dan rumput, ianya di bawah kawalan Lembaga Racun Perosak Makhluk di Kementerian Pertanian.

Mengenai laluan jip atau jeep track ke Gunung Tahan, ianya akan bermula dari Meropok ke kaki Gunung Tahan dan dibina di pinggir sempadan Taman Negara supaya tidak menjejaskan keadaan alam kita. Jeep track ini merupakan laluan alternatif untuk membuka kawasan baru bagi pendaki-pendaki yang tidak mempunyai masa yang lebih ketika melawat Taman Negara dan mereka boleh menggunakan trek dari Meropok yang akan memakan masa selama tiga hari sahaja. Namun demikian, trek lama masih dibuka dan boleh digunakan oleh pendaki-pendaki yang lebih "adventurous", dengan izin, dan mengambil masa yang lebih, seperti Ahli Yang Berhormat dari Arau katakan, iaitu dari Kuala Tahan ia akan memakan masa selama 7 hari.

Berhubung dengan kawasan-kawasan hutan, jika diambil perkiraan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Arau bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebelum habis dijawab fasal Gunung Tahan, untuk pengetahuan Yang Berhormat, di Gunung Tahan ini kita ada pemandu-pemandu yang kita bayar \$400 sekali mendaki. Kalau sekiranya Yang Berhormat benarkan tiga hari untuk mendaki, ini bermakna pemandu-pemandu—ia kini memberi pekerjaan kepada hampir 100 orang pemandu-pemandu di Gunung Tahan, mereka ini akan kehilangan kerja. Tempoh tiga hari ini, saya rasa tidak "adventurous". Semua orang patut dapat sijil yang sama tetapi sijil ini

mahal harganya. Jadi, saya cadangkan supaya jeep track ini dimansuhkan, sebab ianya ditentang bukan sahaja oleh saya tetapi oleh semua sekali pertubuhan-pertubuhan sukarela dan kelab-kelab sukan dan rekreasi,

Sebagai Pengerusi Kelab Sukan dan Rekreasi di negeri Perlis, saya tentang habis-habisan, pembinaan jeep track ini. Di samping kita membenarkan mereka yang "adventurous" itu, kita tidak mahu supaya periok nasi pemandu-pemandu ini hilang.

Datuk Amar Stephen Yang Kuet Tze: Tuan Pengerusi, ini satu perkara spekulasi, mungkin bila jeep track ini terbuka makin ramai pendaki akan mendaki Gunung Tahan menggunakan trek ini dan juga seperti saya sebutkan tadi, trek yang lama masih terbuka. Ini ialah satu perkara yang saya tidak dapat menentukan mengenai pendapatan pemandu-pemandu itu.

Berhubung dengan kawasan-kawasan hutan, jika diambil perkiraan hutan di Malaysia pada keseluruhannya, masih terdapat lebih daripada 75% kawasan yang masih diliputi hutan. Di Semenanjung Malaysia sahaja terdapat lebih kurang 46% kawasan hutan yang masih tertinggal. Ini termasuk lebih kurang 6% kawasan yang diwartakan sebagai taman-taman negara, tanah rizab ataupun santuary hidupan liar. Jika dilihat daripada peratusan ini ianya masih lagi tinggi bila dibandingkan dengan negara-negara lain.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Matang dan Arau menyentuh soal berhubung dengan hidupan liar yang hampir pupus seperti burung Murai Batu, ayam hutan, Merbuk Jambul dan binatang-binatang lain. Saya ingin menegaskan bahawa untuk memastikan supaya burung-burung liar tersebut tidak pupus, baru-baru ini Jabatan Perhilitan telah mewartakan satu perintah berhubung dengan hidupan liar mengenai kuota lesen.

Kuota lesen ini adalah untuk menghadkan jumlah penangkap burung tersebut. Sebagai contoh, bagi negeri-negeri Pahang, Perak, Kelantan, Johor dan Terengganu, kuota lesen penangkap dihadkan kepada 50 lesen sahaja. Bagi negeri-negeri yang kecil di mana kawasan hutannya tidak begitu luas seperti negeri Kedah, Selangor dan Negeri Sembilan, kuota lesen dihadkan kepada 25 lesen sahaja. Bagi negeri-negeri yang hutannya terlalu sedikit, seperti negeri-negeri Perlis, Pulau Pinang dan Melaka, kuota lesen dihadkan kepada 10 lesen sahaja. Perlu ditegaskan di sini bahawa lesen ini hanya dikeluarkan kepada mereka yang betul-betul berminat terhadap burung-burung liar atau, dengan izin, "genuine breeders" sahaja. Dalam pada itu, lesen ini tidak boleh diberi kepada semua.

Ahli Yang Berhormat dari Arau telah membangkitkan soal kecekapan dan kepakaran Jabatan Perhilitan. Pada keseluruhannya, saya ada sangat berpuas hati terhadap prestasi Jabatan Perhilitan dan ramai di antara anggotanya telah menjalankan tugas-tugas mereka dengan dedikasi dan pengorbanan. Sekiranya Ahli Yang Berhormat mengetahui adanya kes-kes yang tertentu berkenaan dengan kelalaian atau tingkahlaku yang tidak baik, saya berharap beliau akan menyampaikan apa-apa bukti supaya satu penyiasatan dapat dijalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan telah menyentuh . . .

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Ahli dari Arau bangun, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Saya bukan kata Jabatan ini tidak cekap. Jabatan ini memang cekap. Mereka menjalankan tugas dan oleh sebab itu ramai kena saman. Saya

sendiri pun pernah kena saman, sebab membela burung tanpa lesan. Ini cekaplah. Tetapi apa yang saya maksudkan di sini iaitu dari segi individu yang berminat memelihara burung ini, kadang-kadang mereka itu lebih pakar daripada orang yang mendapat degree secara teori sahaja. Secara praktikalnya, orang-orang individu, orang-orang kampung yang berminat ini, mereka boleh menolong pihak Perhilitan. Apakah boleh pihak Kementerian Yang Berhormat? Yang Berhormat berpuas hati berdasarkan secara keseluruhan, tetapi saya sebagai orang di bawah, yang mengetahui dan yang terlibat secara langsung dengan minat burung-burung ini, yang Tan Sri sedia maklum, saya rasa saya lebih mengetahui daripada Yang Berhormat tentang perkara ini.

Saya boleh membiakkan burung Murai Batu dengan lebih teratur—bukan saya kata saya pandai—tetapi saya rasa saya boleh membiakkan burung Murai Batu. Boleh atau tidak kita buat macam Jabatan Haiwan? Macam lembu pawah, iaitu ibu dipulangkan balik kepada Jabatan Haiwan dan anaknya dipunyai oleh orang yang menerima pawah. Burung pun demikian juga. Jika diberi burung jantan dengan betina untuk dipelihara oleh saya, anak itu saya bagi balik kepada Jabatan Perhilitan. Dengan itu, minat saya tidak hilang, burung ini tidak pupus dan Jabatan Perhilitan mendapat nama yang baik. Ini cadangan saya. Saya bukan hendak tekan apa, tetapi saya buat cadangan ini supaya Yang Berhormat boleh timbangkan. Kalau tidak boleh jawab hari ini, tidak apalah tetapi saya harap ini kana ditimbangkan untuk masa-masa akan datang, sebab saya takut burung Murai Batu yang cukup sedap suaranya ini pupus.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Terima kasih. Saya akan timbangkannya.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan telah menyentuh soal penguatkuasaan

Undang-undang. Ingin saya meningkatkan Ahli Yang Berhormat bahawa beberapa peraturan telahpun digubal selama ini untuk mengawal pencemaran dan peraturan-peraturan itu sedang dilaksanakan. Pihak-pihak yang melanggar peraturan-peraturan itu telahpun didenda atau dihadapkan ke mahkamah. Meskipun demikian perlulah diingatkan bahawa masalah pencemaran tidak boleh diatasi dengan sekelip mata sahaja. Semua rakyat mestilah memberi kerjasama mereka termasuk Ahli Yang Berhormat dari Bagan.

Berkenaan dengan tapak pelupusan sisa-sisa toxid dan merbahaya, Kerajaan akan menentukan bahawa tapak-tapak yang paling selamat sahaja atau secure land field, dengan izin, disediakan bagi pelupusan sisa toxid yang merbahaya. Faktor-faktor yang akan diambil kira ialah bahawa tapak pelupusan adalah di jarak jauh yang tertentu dari sistem alur air, kawasan perumahan, kawasan pertanian dan kawasan perindustrian.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa hanya sisa-sisa toxid yang telah diolah atau treated waste, dengan izin, akan dibenarkan dilupuskan di tapak pelupusan yang selamat itu. Kerajaan akan menentukan bahawa tapak pelupusan itu tidak akan membawa apa-apa kesan kepada rakyat dan alam sekitar. Kepentingan kesihatan umum adalah diberi keutamaan yang tinggi sekali. Tapak pelupusan itu akan dibina menurut standard-standard antarabangsa seperti yang ada di semua negara-negara maju. Tapak-tapak tersebut yang ada di negara-negara maju telah menunjukkan bahawa ianya selamat dan tidak mengalami apa-apa kebocoran.

Saya ingin menjelaskan bahawa sekiranya sebuah loji pengolahan tidak dibina dan tapak pelupusan tidak disediakan untuk sisa-sisa toxid yang telahpun diolah, alam sekitar negara khususnya disekeliling kawasan

industri akan mengalami kesan-kesan yang buruk sekali. Pada masa kini oleh kerana tiada apa-apa kemudahan pengolahan yang berpusat di negara ini, kita terpaksa membiarkan industri-industri sendiri untuk mengolah sisa-sisa tersebut dan menyimpan sisa-sisa yang diolah itu di dalam tong di premis-premis mereka. Keadaan itu tidak boleh dilanjutkan.

Di negara kita terdapat juga industri-industri kecil dan sederhana yang juga mengeluarkan sisa-sisa toxid dan di mana tidak ada langsung sebarang kemudahan pengolahan.

Mengenai tapak-tapak yang dicadangkan untuk kawasan Sepang dan Balduh, kedua-ke dua kawasan ini dipilih oleh kerana negeri-negeri Selangor dan Pulau Pinang mempunyai industri-industri yang mengeluarkan sisa-sisa toxid yang paling banyak di seluruh negara. Tambahan lagi tapak di Pulau Pinang adalah untuk industri-industri di utara Semenanjung dan di Selangor pula untuk kawasan tengah dan selatan Semenanjung.

Kajian-kajian terperinci terhadap tapak-tapak tersebut masih belum dijalankan lagi. Tetapi mengikut kajian awal kedua-dua tapak ini memenuhi kriteria bagi pemilihan tapak seperti yang saya sebutkan tadi. Maklumat mengenai kajian yang terperinci apabila ianya siap akan dimaklumkan kepada orang ramai. Dalam pada itu saya berharap soal ini tidak dijadikan isu politik untuk dipermainkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sebenarnya, Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini patut bertanggungjawab untuk memberi penjelasan atau gambaran yang betul kepada rakyat jelata dan bukan cuba menggunakan soal ini untuk tujuan-tujuan politik. Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat benar-benar berminat untuk mengetahui butir-butir terhadap langkah-langkah

keselamatan yang akan diambil, maka pihak Jabatan Alam Sekitar boleh mengaturkan satu taklimat khas dan saya berharap pihak Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan akan hadir.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan telah membangkitkan sekali lagi masalah pencemaran air di beberapa batang sungai. Seperti saya telah memaklumkan dahulu, pencemaran itu dikesan dalam tahun 1985 dan 1986. Standard-standard yang dirujuk adalah paras yang telah ditetapkan dengan mengambil kira faktor keselamatan. Dalam pada itu berasaskan pengawasan yang dijalankan keadaan ketiga-tiga batang sungai yang berkaitan tidaklah berada dalam keadaan yang membimbangkan atau menggemparkan atau alarming situation, dengan izin. Kenyataan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar merupakan satu amaran supaya semua pihak iaitu orang ramai, pihak industri dan juga agensi-agensi Kerajaan memberi perhatian yang rapi kepada masalah pencemaran air.

Masalah hakisan tanah dan pantai, kelodakan dan banjir telahpun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Padang Terap dan Marang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, beberapa pihak berkuasa yang bertanggungjawab secara langsung untuk mengawal hakisan tanah misalnya Kerajaan-kerajaan tempatan yang mengawal hakisan tanah yang berpunca dari kerja-kerja tanah.

Agensi-agensi pembangunan tanah juga boleh mengamalkan cara-cara yang betul untuk membuka tanah supaya tanah yang dikerjakan tidak terdedah dan terhakis. Untuk menggalakkan atau memudahkan pihak-pihak berkuasa tertentu supaya mengawal hakisan tanah Kerajaan telahpun mengedarkan semenjak tahun 1978 garis panduan untuk mengawal hakisan tanah dan pemendapan sungai. Berkenaan

dengan hakisan tanah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang, masalah ini diberi perhatian oleh Jabatan Parit dan Taliair, Kementerian Pertanian, dan satu pelan induk telahpun disediakan oleh pakar-pakar perunding. Adalah difahamkan bahawa pelan induk itu mengesyorkan beberapa langkah untuk mengawal dan mengawasi keadaan hakisan pantai.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap juga.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Simunjan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Minta penjelasan atas soal hakisan ini, Tuan Pengerusi, di pantai dan sungai, kerana saya ini semenjak lahir di permukaan bumi yang serba indah ini, saya lihat Sungai Simunjan memang dilanda terhakis oleh air sungai dan tidak pernah diambil apa-apa tindakan oleh mana-mana pihak. Adakah ini termasuk dalam rancangan yang dibuat oleh Kementerian Yang Berhormat supaya hakisan Sungai Simunjan dan taut di muara Sungai Simunjan dapat dipertahankan supaya saya ini yang lahir lama sudah tidak akan lihat lagi hakisan berlaku di tepi Sungai Simunjan.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Ini nampaknya perkara yang baru, bukan penjelasan.

Tuan Pengerusi: Dia minta satu-satu, bukan dia minta penjelasan.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Inilah tadi saya sebutkan yang hakisan tanah ini adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Parit dan Taliair dalam Kementerian Pertanian. Oleh kerana saya pun datang dari Simunjan, jadi saya faham masalah yang disebut oleh Ahli Yang

Berhormat itu. Ini nampaknya satu, dengan izin, natural phenomenon dan sukartah dikawal masalah ini.

Tuan Pengerusi: Saya pun faham juga, Yang Berhormat.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Minta jalan sedikit, Yang Berhormat. Yang Berhormat, yang saya hormati kerana datang dari Simunjan juga. Simunjan boleh tahan, tetapi dengan kedudukan Yang Berhormat sebagai Menteri penuh yang mewakili Simunjan dan Sarawak. Jadi, walaupun bidang kuasa itu jatuh di bawah Kementerian lain, mungkin dapatlah tolong lobi sedikit dengan kawan-kawan kita di Kementerian lain supaya Simunjan di mana kita berdua berasal dapat diperbaiki.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu bukan penerangan, itu permohonan lagi!

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Memang, kita curi-curi masa sedikit.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh, tidak usah.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebetulnya ada juga saya suruh satu rombongan pakar pada tahun lalu untuk melawat Simunjan dan mencari jalan yang sesuai untuk mengatasi masalah ini tetapi sampai kini belum dapatlah laporan dari mereka. Jadi, saya boleh berjanji kepada Ahli Yang Berhormat bagi memberi bantuan mana yang mungkin boleh.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap juga menyentuh soal hidupan liar. Saya ingin. . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Baiklah.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya begitu tertarik dengan khabar gembira daripada pihak Kementerian iaitu akan menyediakan satu pelan induk bagi mengatasi masalah pemendapan kuala-kuala sungai di Pantai Timur khasnya akibat pembinaan empangan dan juga masalah hakisan pantai. Saya ingin tahu bilakah pelan induk ini akan dimulakan dan apakah kandungan-kandungan utama pelan induk itu dan sementara pelan induk itu selesai dibuat, mungkin biasanya lama, apakah tindakan sementara yang akan dibuat oleh pihak Kementerian dalam usaha untuk mengorek kuala-kuala sungai yang ternyata mendatangkan masalah yang utama kepada hubungan laluan di situ dan juga terdapat rumah-rumah yang runtuh saban tahun sekarang ini. Terima kasih.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Pengerusi, seperti saya sebut tadi, ini adalah bidangkuasa Kementerian Pertanian. Jadi, saya tidak dapat memberi jawapan ke atas perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai bilakah pelan induk ini disediakan.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap juga menyentuh soal hidupan liar. Saya ingin menyentuh bahawa hidupan liar di negara kita merupakan khazanah untuk dilindungi dan disimpan bagi jenerasi-jenerasi akan datang. Sebab itulah diadakan reserve dan sanctuary hidupan liar dan juga Zoo. Tambahan lagi usaha diambil untuk memindah gajah ke tempat-tempat di mana binatang itu tidak akan mengganggu manusia dan harta benda. Namun demikian untuk mengatasi masalah gajah, ianya akan memakan masa yang lama oleh kerana

binatang itu adalah binatang yang besar dan ganas. Tambahan lagi, kawasan untuk pemindahan itu adalah jauh daripada tempat di mana gajah-gajah dikesani. Walaupun demikian, Jabatan Perhilitan mempunyai satu program untuk translokasi gajah-gajah. Jika terdapat insiden gajah yang ganas yang merosakkan tanaman atau membahayakan nyawa manusia, maka pihak Jabatan Perhilitan akan mengambil tindakan untuk menembak mati gajah yang ganas itu seperti yang telah dilakukan di Padang Terap,

Berhubung dengan spesies yang amat kekurangan seperti badak sumbu, harimau, unguah dan sebagainya, Jabatan Perhilitan sentiasa berusaha dengan sedaya-upaya untuk membiakkan spesies-spesies itu.

Ahli Yang Berhormat dari Marang telah membangkitkan soal pentadbiran Zoo Negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Zoo Negara dikendalikan oleh Persatuan Zoology Malaysia iaitu sebuah badan bebas. Walau bagaimanapun, Kerajaan memberi geran pembangunan setiap tahun untuk tujuan menyediakan infrastruktur kemudahan awam dan pembelian binatang. Oleh itu soal pengurusan Zoo adalah diputang kepada pihak Pengurusan Zoo sendiri. Namun demikian, sukacita saya memaklumkan bahawa perubahan telah dilakukan sejak tahun-tahun kebelakangan ini bagi meningkatkan lagi populariti Zoo Negara.

Pada masa ini lebih daripada 600 spesies mamalia, reptilia, burung dan ikan ditempatkan di Zoo Negara. Angka ini adalah dua kali ganda bilangan spesies yang terdapat pada 1984. Zoo Negara juga telah berjaya membiak beberapa spesies binatang yang mengalami kepupusan di negara kita.

Misalnya kambing gurun, cipan, harimau bintang dan burung merah

pongsu. Adalah hasrat Pengurusan Zoo Negara untuk mengadakan satu pameran baru bagi tiap-tiap tatiun. Bagi tahun 1987, pameran singa laut diadakan dan bagi tahun ini rumah reptilia disediakan.

Bagi tahun hadapan, sebuah taman safari dirancang. Di samping itu, Zoo Negara telah mengadakan pertunjukan-pertunjukan binatang sejak tahun 1987 lagi untuk menarik lebih ramai lagi pelawat. Konsep "open Zoo" juga diamalkan di Zoo Negara di mana binatang-binatang dapat berkeliaran dalam kawasan yang luas dan suasana yang lebih sesuai untuknya, dan bukan disimpan di dalam sangkar-sangkar yang kecil sebagaimana Ahli Yang Berhormat telah menyatakan.

Kejayaan usaha-usaha yang dilakukan oleh Pengurusan Zoo Negara dapat dilihat daripada bilangan pelawat tahunan ke Zoo Negara yang mana sejak tahun 1966 telah pun meningkat lebih daripada sejuta pelawat. Angka ini adalah lebih daripada yang dicapai oleh Zoo Singapura.

Tuan Pengerusi, teguran-teguran yang saya tidak dapat beri jawapan secara langsung, akan juga diberi perhatian. Sekian. ..

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$67,771,700 untuk Maksud B.46 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah di-setujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$67,771,700 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$36,460,000 yang disebutkan dalam Maksud P.46 dalam Anggaran Pembangunan, 1989 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$36,460,000 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1989.

Maksud B.47 dan B.48 (Jadual)—

Maksud P.47 dan P.48 (Anggaran Pembangunan, 1989)—

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kepala Bekalan B.47 dan B.48; dan Kepala Pembangunan P.47 dan P.48 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahaskan. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.10 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, bercakap di bawah Butiran 00100 mengenai Pembayaran kepada Penerbangan Awam untuk Projek-projek Pembangunan di bawah Maksud Pembangunan 48—Jabatan Penerbangan Awam, saya ingin mengambil peluang ini untuk membangkitkan keperluan menambah lagi peruntukan bagi pembesaran lapanganterbang-lapanganterbang kita terutamanya Lapanganterbang Antarabangsa Subang dan memberikan lebih banyak kemudahan untuk kegunaan di lapanganterbang-lapanganterbang tersebut.

Saya rasa peruntukan Kerajaan sebanyak \$39.5 juta sangat tidak mencukupi. Saya mendapati bahawa Jabatan Penerbangan Awam telah diberikan pinjaman dari Kerajaan sebanyak \$21 juta bagi tahun 1989 untuk projek-projek pembangunannya.

Walaupun terdapat keperluan bagi kesemua lapanganterbang kita di seluruh negara diperbesarkan, keutamaan patutlah dibehkan kepada ibunegara kita iaitu Kuala Lumpur. Dalam hubungan ini saya menggesa Kerajaan supaya berbuat sesuatu mengenai Lapanganterbang Antarabangsa Subang yang patut diperbaiki.

Adalah menjadi pandangan saya bahawa Lapanganterbang Antarabangsa Subang tidak sahaja patut diperbesarkan dan dimodenkan akan tetapi langkah-langkah patut diambil untuk membina sebuah Lapanganterbang Antarabangsa yang baru yang bertaraf tinggi bagi Kuala Lumpur berbanding dengan beberapa lapanganterbang-lapanganterbang yang terbaik di dunia.

Lapanganterbang Antarabangsa Subang yang ada sekarang patut dikemaskinikan dan dimodenkan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pintu masuk ke negara ini dan pada masa kini apabila Kerajaan hendak membawa masuk lebih ramai pelancong ke negara ini.

Kerajaan patutlah merancang untuk membina sebuah Lapanganterbang Antarabangsa yang baru bagi menampung semua penerbangan antarabangsa untuk masa hadapan dan mengkhaskan Lapanganterbang Antarabangsa Subang bagi penerbangan dalam negeri.

Walaupun tidak mungkin boleh dilaksanakan projek itu secepat mungkin akan tetapi ia patut dijadikan kenyataan dalam tahun 2000. Banyak negara jiran kita seperti Bangkok dan Singapura telah membuat peruntukan bagi membina lapanganterbang-lapanganterbang baru, dan saya tidak nampak sebab mengapa kita tidak boleh mencapai satu objektif yang sama dalam kepentingan jangka panjang negara kita.

Sebagaimana MAS—Syarikat Penerbangan Kebangsaan negara kita—semakin berkembang dan maju, oleh itu lapanganterbang-lapanganterbang kita juga mestilah berkembang dan maju selaras dengan pertambahan kegunaan dan keselamatan udara.

Mengenai perkara pembaikan dan pembesaran lapanganterbang yang dijalankan oleh jabatan Penerbangan Awam, saya suka menggesa Jabatan berkenaan supaya memodenkan dan mengemaskinikan sistem kawalan trafik udara di Lapanganterbang Antarabangsa Subang.

Dalam hubungan ini, saya terpaksa menyatakan di sini bahawa sistem radar yang digunakan sekarang di Lapanganterbang Antarabangsa Subang iaitu Primary Radar System sudah ketinggalan masa dan patutlah dikemaskinikan. Sistem sekarang patutlah digantikan dengan Secondary Surveillance Radar (SSR) yang sedang digunakan oleh kebanyakan negara bagi memastikan kawalan yang lebih tepat dan baik ke atas pergerakan kapalterbang dan tidak seperti Primary Radar yang tidak berupaya merekodkan identifikasi dan ketinggian sebenar sesebuah kapalterbang. SSR ini pula berupaya mengenalpasti jenis kapalterbang, ketinggiannya dan mengawasi lebih tepat lain-lain maklumat berhubung dengan pergerakan kapalterbang.

Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan akan berupaya menjelaskan kepada Dewan ini apakah tindakan yang telah diambil untuk memperkenalkan Secondary Surveillance Radar kepada Lapanganterbang Antarabangsa Subang dan akhirnya untuk lapanganterbang kita yang lain.

Penukaran kepada SSR adalah sangat penting bagi memastikan keselamatan udara, lebih-lebih lagi tatkala menampung pembesaran MAS dan juga untuk menampung

pertambahan penggunaan Lapangan-terbang Antarabangsa Subang oleh syahkat-syarikat penerbangan yang lain dalam masa hadapan,

Bercakap di bawah Butiran 00800 mengenai Pembaharuan Landasan untuk KTM yang ada disenaraikan di mukasurat 207, saya mengalu-alukan peruntukan sejumlah pinjaman \$83.8 juta bagi KTM untuk kegunaan membaiki landasan keretapi. Pembaikan landasan keretapi sangat penting bagi memastikan keselamatan perkhidmatan rel. Aspek ini mesti diberikan perhatian yang serius oleh Kerajaan memandangkan kegelinciran landasan baru-baru ini. Tujuh juta rakyat yang berjalan menggunakan keretapi setiap tahun terpaksa dijamin keselamatan dan keselesaan mereka apabila menggunakan keretapi-keretapi dan setiap langkah amaran mestilah diambil untuk meminimalkan bahaya kegelinciran.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara pengangkutan udara untuk negeri Sarawak, saya menyokong peruntukan \$49.9 juta seperti disenaraikan di bawah Butiran 10100 ke Butiran 11000 di bawah Maksud Pembangunan 47 berkaitan dengan pelbagai projek pembangunan untuk memperbaiki pelbagai lapanganterbang dalam negeri Sarawak.

Memandangkan pembaikan bagi lapanganterbang-lapanganterbang ini, adalah perlu juga bagi MAS membesarkan atau memperbaiki lagi perkhidmatannya untuk memenuhi permintaan rakyat di negeri Sarawak.

Saya pasti MAS mempunyai kemampuan untuk menambahkan lagi perkhidmatannya bukan sahaja dalam Sarawak dan antara Kuala Lumpur—Kuching akan tetapi juga antara Singapura dan Kuching.

Walaupun saya sedia menyokong seruan supaya MAS mencari jalan dan cara untuk meningkatkan

perkhidmatannya antara Singapura ke Kuching akan tetapi saya membantah sepenuhnya kempen oleh pihak-pihak tertentu dalam Sarawak untuk membenarkan SIA diberikan hak untuk beroperasi antara Singapura dan Kuching atas nama galakan pelancongan.

Jika SIA diberikan hak beroperasi ke Kuching atau Malaysia Timur/semua usaha yang diambil oleh MAS dan Kerajaan Malaysia dalam membangunkan syarikat penerbangan kebangsaan dalam era selepas Malaysia-Singapore Airlines (MSA) akan menjadi sia-sia.

Selepas bekerja keras selama bertahun-tahun untuk membina rangkaian dalam negeri yang kuat, tidak ada sebab bagi MAS berkongsi sektor dalam negeri dengan syarikat penerbangan asing.

Kerajaan Malaysia sering bersuara dan berusaha menjadikan Kuala Lumpur sebagai pintu masuk ke negara ini dan rantau ini dan dengan membenarkan SIA beroperasi ke Kuching akan merupakan satu penyelewengan dari semua usaha pada masa lalu.

Dengan membenarkan SIA terbang ke Kuching, ia akan menjejaskan kedudukan MAS kerana Singapura akan muncul dalam satu kedudukan tawar-menawar ataupun bargaining, dengan izin, yang kuat apabila ia berunding dengan negara-negara asing bagi mendapatkan lebih hak trafik.

Pada masa sekarang SIA sudah pun terbang antara Kuala Lumpur dan Singapura. Dengan membenarkan SIA ke Kuching, ini bermakna bahawa SIA akan berada dalam kedudukan seolah-olah memainkan peranan penerbangan trafik dalam negeri antara Kuching dan Kuala Lumpur. Apakah anihnya?

Dalam istilah penerbangan, ia dikenali sebagai "cabotage traffic, dengan izin, dan SIA akan menjadi

syarikat penerbangan pertama di dunia yang memasuki ruang laluan trafik dalam negeri sesebuah negara lain.

Memandangkan sebab-sebab di atas, saya menyeru Kementerian, demi kepentingan negara, supaya menolak apa-apa cadangan untuk membenarkan SIA beroperasi perkhidmatan ke Kuching atau mana-mana bahagian di dalam Malaysia Timur. Sekian.

4.19 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada B. 47, mukasurat 205, Butiran 010000 dan 010100.

Tuan Pengerusi, pada akhir bulan Julai lalu satu tragedi telah berlaku di Jeti Pengkalan Sultan Abdul Halim Butterworth yang mana lebih 30 nyawa telah terkorban dan hampir 1,000 telah tercedera. Sekiranya tragedi ini berlaku di Korea Selatan, Jepun atau Taiwan, Tuan Pengerusi—kita dinasihatkan pandang ke timur—Menteri berkenaan memang sudah meletakkan jawatan dengan serta-merta. Tetapi apa yang berlaku dalam negara kita. Nampaknya selain daripada satu suruhanjaya Siasatan yang ditubuhkan untuk menyiasat kes ini, Menteri Pengangkutan dan pcgawai-pegawai yang berkenaan masih kekal dalam jawatan mereka masing-masing.

Inilah membayangkan dan membuktikan sikap tidak bertanggungjawab pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat Menteri Pengangkutan memberitahu Dewan yang mulia ini apakah laporan siasatan Suruhanjaya Penyiasatan akan diumumkan sesudah siasatannya tamat dan laporannya dikemukakan kepada beliau; dan sama ada beliau sanggup meletak jawatan jika laporan siasatan Suruhanjaya Penyiasatan itu berpendapat bahawa

tragedi tersebut merupakan satu tragedi akibat kecuaiian pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, saya sekarang ingin merujuk kepada mukasurat 205 juga, Butiran 020100.

Tuan Pengerusi, untuk kepentingan rakyat kita khasnya penduduk-penduduk dalam negeri Pulau Pinang, saya cadang bayaran feri bagi kereta dan motosikal yang menggunakan feri Pulau Pinang diturunkan memandangkan mengikut laporan, perkhidmatan Feri Pulau Pinang beruntung kebelakangan ini. Saya percaya bayaran tol Jambatan Pulau Pinang akan diturunkan sekiranya bayaran feri terlebih dahulu diturunkan. Saya percaya Yang Berhormat Menteri Kerjaraya akan bersetuju dengan saya atas perkara ini juga. Mungkin Jambatan Pulau Pinang merupakan jambatan yang tunggai dalam negara kita yang masih kenakan bayaran. Jambatan di Kota Bharu, Kelantan telah digunakan dengan percuma. Begitu juga bagi jambatan-jambatan Temerloh di Pahang dan Muar dan Batu Pahat di Johor. Lebih-lebih lagi bayaran tol Jambatan Pulau Pinang lebih mahal daripada bayaran tol Lebuhraya Utara-Setatan.

Panjang Jambatan Pulau Pinang adalah 15 km jika tidak silap saya, dan kini sebuah kereta dikenakan bayaran \$7. Tetapi sekiranya kereta ini menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan, mengikut kadar iaitu 5 sen sekilometer, kereta ini hanya baru membayar 65 sen sahaja. Ini bermakna kutipan tol jambatan Pulau Pinang adalah 11 kali ganda mahal daripada kutipan tol Lebuhraya Utara-Selatan, Tidakkah ini satu tindakan melampau kepada pengguna-pengguna jambatan Pulau Pinang terutamanya kepada penduduk-penduduk di negeri Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada mukasurat 206, Butiran 040100. Perkhidmatan

Keretapi Tanah Melayu (KTM) masih belum mencapai tahap memuaskan sungguhpun dia telah diperbaiki berbanding dengan masa dulu. Contohnya terdapat lagi berlaku kegelinciran keretapi kargo dan setiap kali keretapi ini tergelincir, perkhidmatan keretapi penumpang terpaksa diganggu.

Tuan Pengerusi, saya tidak selalu naik keretapi. Tetapi sejak bulan Ogos lalu saya telah mengalami dua kali hal semacam ini. Satu di Labis, Johor dan satu lagi di Malim Nawar, Perak. Dalam kedua-dua kejadian ini, setiap penumpang terpaksa membazirkan masa lebih kurang 5 jam dalam keretapi itu. Apabila hal ini berlaku penumpang-penumpang yang ingin meminjam telefon untuk memberitahu keluarga atau kawan mereka harus beratur depan telefon di Pejabat Stesen Keretapi dan membayar bayaran telefon juga. Dalam kes yang berlaku di Malim Nawar, saya terpaksa berjalan kaki sejauh satu kilometer untuk meminjam telefon dari Balai Polis atas alasan bahawa telefon di Pejabat Stesen Keretapi itu menunggu panggilan daripada luar dan tidak boleh dipinjam. Saya cadangkan Kementerian Pengangkutan dengan senamerta meminta Jabatan Telekom di seluruh negara supaya memasang lebih banyak telefon awam di stesen-stesen keretapi untuk kemudahan orang ramai. Saya juga ingin mengesyorkan bahawa penumpang-penumpang keretapi yang tergendala diberi percuma untuk membuat panggilan telefon sekali kepada keluarga atau kawan mereka.

Sepanjang pengetahuan saya, keselamatan penumpang-penumpang keretapi di negara kita ini tidak dilindungi oleh insuran. Saya tidak tahu apa sebabnya. Walau bagaimanapun, saya mengesyorkan bahawa Kementerian Pengangkutan mengkaji perkara ini dengan seriusnya supaya keselamatan penumpang-penumpang keretapi dapat dilindungi

oleh insuran seperti penumpang-penumpang bas, teksi dan juga kapalterbang.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk muka surat 212, Butiran 010000. Saya masih ingat Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, Dato' S. Samy Vellu pernah memanggil MAS sebagai "Mana Ada Sistem" pada 14 tahun yang lalu semasa beliau bersama-sama dengan saya.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap, 010000.

Tuan Chian Heng Kai: Ya. . .

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Muka surat 212 bukan?

Tuan Chian Heng Kai: Ya, 212.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat tidak boleh membahas perkara ini sebab tidak ada peruntukan.

Tuan Chian Heng Kai: Kalau begitu, Tuan Pengerusi, saya merujuk muka surat 205, Butiran 010100 Pentadbiran dan Kewangan.

Beliau katakan begitu pada 14 tahun lalu dan sekarang dia telah menjadi seorang Menteri. Apabila Yang Berhormat Menteri Kerjaraya menjadi seorang anggota baru dalam Dewan ini, saya tidak pasti.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Pengerusi, Menteri Kerjaraya tidak ada kena mengena dengan Kementerian Pengangkutan.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, dia di luar. . .

Tuan Chian Heng Kai: Terima kasih, saya faham. Tuan Pengerusi, saya tidak pasti sama ada pandangan Yang Berhormat itu masih dipegang setelah 14 tahun dan beliau telah menjadi seorang Menteri sekarang. Tetapi kepada saya nampaknya keadaan tersebut tidak berapa berubah.

Saya pernah mengalami pengalaman yang mana penerbangan MAS dilambatkan di Sarawak. Mengikut orang-orang tempatan di sana, perkara penerbangan MAS ini yang tambat atau dibatalkan di Sarawak merupakan satu perkara yang biasa pada pandangan mereka. Mungkin mereka ingat perkara ini tidak berlaku di Semenanjung Malaysia. Pandangan tersebut memanglah tidak betul. Sebenarnya perkara ini berlaku di sini juga. Contohnya pada Jumaat lalu, penerbangan MAS, MH 7022 dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang telah dilambatkan 1 jam 21 minit. Kelambatan ini telah memaksa penumpang-penumpangannya menunggu di Balai Berlepas Lapanganterbang Subang selama 2 jam. Lebih teruk lagi pada malam itu sistem hawa dingin di Balai Berlepas tersebut tidak dipasang. Keadaan ini bukan sahaja menyusahkan rakyat kita, malah ia akan memberi satu imej buruk kepada pelancong-pelancong asing.

Tuan Pengerusi, sebagai seorang Wakil Rakyat saya bertugas mengemukakan semua masalah-masalah tersebut untuk dipertimbangkan dan diperbaiki oleh Kementerian Pengangkutan. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan boleh mengambil perhatian dan mengambil tindakan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

4.30 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Pengerusi, saya mengambil sedikit perbincangan dalam Kementerian Pengangkutan ini, B.47, mukasurat 206, Program 040200—Pendaftar dan Pelesenan Kenderaan dan saya juga minta izin hendak menyamakan juga supaya dapat saya berucap atas soal pelesenan pemandu di bawah Program 040400—Pengujian dan Pelesenan Pemandu.

Tuan Pengerusi, bagi Pendaftaran dan Pelesenan Kenderaan ini, memanglah pihak Kerajaan mengeluarkan lesen kepada kenderaan-kenderaan ini, pertamanya kepada kenderaan pengangkutan seperti bas untuk kegunaan orang awam sama ada untuk pergi kerja atau dari satu destinasi ke satu destinasi yang lain di dalam negara kita ini.

Dalam soal ini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana sekarang ini kita tihat negara kita telah pun membangun dan industri-industri, kilang-kilang serta gedung-gedung perusahaan pun telah dibuka begitu banyak. Di samping itu iklan-iklan begitu banyak disebarikan melalui media massa, media elektronik, radio, televisen dan seumpamanya. Di tepi-tepi jalan juga kita lihat banyak terpampang iklan-iklan jenama-jenama yang ada kepada syarikat-syarikat mereka untuk diberitahu kepada orang ramai termasuklah di dinding-dinding bas, di perhentian-perhentian bas yang telah pun diambil oleh pihak syarikat swasta untuk mengiklankan barang-barang mereka.

Pertanyaan saya di sini ialah sama ada Kementerian ini telah memberi kebebasan terutamanya kepada bas-bas yang ada di Kuala Lumpur ini? Kadang-kadang saya sendiri yang duduk di Kuala Lumpur ini terkeliru yang mana satu bas pengangkutan awam yang sebenarnya, Sekarang kita

lihat banyak bas seperti Tong Fong, Seri Jaya, Len Seng, bas Kuala Lumpur/Kelang sudah banyak berubah warna daripada asalnya iaitu sekarang ini penuh dengan iklan-iklan seperti NEC, Breeze, Fab dan berbagai-bagai lagi yang ditampal di seluruh badan bas tersebut. Ini rasa saya sungguhpun keuntungan dapat kepada syarikat-syarikat tersebut tetapi kepada orang ramai yang menaiki bas, terutamanya orang-orang kampung yang datang sekali sekala untuk menziarah anak dan keluarga di Kuala Lumpur ini, kalau melihat bas itu, kalau dahulunya kenderaan bas Seri Jaya ini terpampang dengan warna biru, sekarang ini macam-macam warna yang ada. Warna merah adalah mengikut warna Breeze, NEC saya lihat tadi warna biru dan juga berbagai-bagai warna lagi.

Dalam keadaan ini, saya rasa dalam negara kita ini janganlah terlampau sangat kita memberikan sepenuhnya kepada iklan-iklan ini sehinggakan kita naik bosan. Dalam TV sudah penuh kita melihat iklan-iklan sehinggakan bas-bas juga sekarang ini tidak tentu di mana sebenarnya bas-bas itu yang hendak dinaiki. Kita yang tahu membaca bolehlah diagak-agak, tetapi kepada mereka yang tidak tahu membaca dan kemungkinan juga orang-orang ini matanya kurang terang, akan ternanti-nanti mana satu bas yang hendak dinaikinya.

Banyak komen atau rungutan yang kita terima terutamanya dari orang-orang tua yang tinggal di Kuala Lumpur ini yang mengatakan mana bas yang mereka tunggu, pada hal bas itu boleh dinaiki tetapi oleh kerana warna-warna yang telah ditukar itu tadi mereka tidak tahu. Oleh itu saya mengharapkan kepada pihak Kementerian ini dapat memberikan penerangan adakah ini telah diarahkan kepada syarikat-syarikat tersebut untuk membuat iklan. Saya tidak membantah dengan iklan-iklan ini tetapi iklan yang sewajar atau

sepatutnya sebagaimana dahulu, iklan-iklan ini ditampalkan sama ada di sebelah kiri atau kanan badan bas itu ataupun di belakang sudah mencukupi, bukan sebuah bas itu sekali. Ini termasuk juga iklan Yaohan penuh ditampalkan seolah-olah bas itu kepunyaan syarikat itu sendiri dan bukan dipunyai oleh Syarikat Sri Jaya atau syarikat-syarikat yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, dalam soalan tambahan berhubung dengan meter teksi tadi, kemungkinan saya telah tersasul sedikit dan di sini juga saya hendak menyentuh tentang kenderaan terutama di Kuala Lumpur ini berhubung dengan pemandu-pemandu teksi, pemandu-pemandu bas dan juga pemandu-pemandu bas mini. Masalah ini saya rasa telah pun diulang-ulangkan berkali-kali di dalam Dewan ini dan orang ramai pun tidak puas hati dengan keadaan yang dibuat oleh pemandu-pemandu.

Umpamanya pada hari Selasa yang lepas saya sendiri terkena dengan pemandu teksi ini iaitu di waktu saya hendak datang ke Parlimen cepat sedikit. Apabila pemandu saya sedang memandu di depan Bank Negara, datang sebuah teksi dengan tidak semena-mena melintas di depan kereta saya, lalu pemandu saya membunyikan horn oleh kerana kesilapan itu dibuat dengan sengaja. Tetapi malangnya driver teksi itu telah menunjukkan tangan yang kurang ajar kepada pemandu saya pada hal kesilapan itu telah nampak terang kesilapan dia.

Saya mengharapkan kepada pemandu-pemandu seumpama ini, kepada orang kita tidak apa, tetapi kepada pelancong-pelancong dari luar negeri, kalau pemandu ini begitu biadap terhadap kita sendiri, kemungkinan orang lain yang ada di dalam kereta kita, mereka ini akan mengatakan pemandu-pemandu kita ini kurang ajar dan biadap. Dahulu pun ada dalam suratkhobar, kalau

tidak silap saya, mengatakan pemandu-pemandu kita ini apabila lari di jalanraya berkelakuan seperti harimau, tidak boleh ditegah dan sebagainya. Begitu juga pemandu-pemandu bas mini, kadang kala keselamatan orang lain tidak dihiraukan, mereka ini berkejar untuk mendapatkan lebih penumpang-penumpang, tidak menghiraukan kenderaan yang lain dan kadang-kadang memotong laluan di jalan yang sebek.

Oleh itu diharapkan di sini supaya untuk mengelakkan perkara-perkara ini berlaku, adakah pihak Kementerian ini mengadakan satu undang-undang ataupun sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada dipanggil dan seterusnya. Saya mencadangkan supaya diadakan satu Biro Pengaduan Awam di Kementerian ini sendiri iaitu meminta dan memberitahu kepada orang ramai sama ada melalui radio dan TV, jikalau masalah-masalah seumpama ini beriak supaya orang ramai boleh menelefon kepada Biro Pengaduan ini dan dengan sertamerta pihak Kementerian ini ataupun Jabatan Pengangkutan Jalan memanggil pemandu-pemandu yang berkenaan itu supaya memberi keterangan. Jikalau perlu, diberikan amaran tetapi kalau dibuat empat lima kali saya mengharapkan supaya pemandu-pemandu ini dibatalkan lesen dan sebagainya sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapan soalan yang ditanya sebentar tadi. Kalau kita membiarkan begitu sahaja keadaan lalu-lintas ini saya rasa kemalangan akan meningkat begitu banyak.

Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri pun faham beberapa kematian dan pelanggaran yang berlaku tiap-tiap hari di negara kita ini kerana kelalaian, kesombongan dan bongkak pemandu-pemandu terutama

pemandu-pemandu yang memeningkan kewangan. Ini termasuklah pemandu-pemandu teksi, lori dan sebagainya.

Berhubung dengan pengujian dan pelesenan pemandu ini, ini juga saya rasa dalam keadaan ini kita tidak boleh lagi mengambil cuai dan indah tak indah berhubung kemalangan yang berlaku ini, iaitu tentang pemandu-pemandu yang baru sahaja mendapat lesen. Kemungkinan mereka ini tergila-gila hendak membawa dengan laju dan seterusnya pelanggaran berlaku.

Oleh itu saya mencadangkan sungguhpun apabila mereka ini belajar ditaruh lesen "L", iaitu "L" plate ada di belakang ataupun di depan. iaitu mereka ini sedang belajar. Saya mencadangkan keadaan ini supaya tidak berlaku lebih kerap sebab kemungkinan pemandu-pemandu yang baru dapat lesen ini yang selalu mendapat kemalangan. Saya mencadangkan supaya pemandu-pemandu yang baru sahaja lulus dalam ujian ini supaya tidak dibenarkan membawa penumpang lebih daripada 4 orang dalam kereta yang dipandu buat sementara waktu, sama ada 6 bulan ataupun 3 bulan. Itu terpulang kepada Kementerian sendiri kerana kita tidak mahu perkara-perkara pelanggaran dan kematian yang banyak berlaku di jalan raya kita ini oleh kerana kelalaian pemandu-pemandu ini.

Kadangkala pemandu-pemandu yang baru dapat lesen ini, iaitu diajar oleh syarikat-syarikat pemandu yang mana kadangkala mereka ini berkehendakkan wang. Ada yang saya dapat tahu mereka ini ada sogokan-sogokan supaya dapat lekas lesen mereka diluluskan, ini berlaku. Sudah lama dahulu, dekat 20-30 tahun yang lalu, saya sendiri pun terkena. Pada masa itu tak sampai satu minggu saya belajar saya telah pun lulus kerana ada

sogokan dan pada masa ini juga berlaku rasa saya perkara-perkara yang seumpama ini. Itulah.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Sedikit lagi, Tuan Pengerusi. Saya mencadangkan juga satu lagi, iaitu kepada orang-orang yang telah berumur supaya diadakan pemeriksaan, iaitu apabila mereka sudah berumur 50 tahun ataupun 60 tahun supaya diadakan pememksaan semula, sama ada dari segi kelihatan ataupun dari segi boleh mereka memandu ataupun tidak lagi kerana kita hendak mengelakkan daripada kemalangan-kemalangan yang berlaku ini.

Dengan ini, saya menyokong di atas peruntukan yang disediakan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Simunjan.

4.43 ptg.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap atas muka surat 205, Pentadbiran dan Kewangan—Emolumen ertinya Gaji dan Elaun. Jadi gaji dan elaun ini termasuklah perkhidmatan, terutamanya perkhidmatan seperti jawatan-jawatan Menteri dan Timbalan Menteri.

Saya bercakap mengenai ini kerana ingin menjelaskan akan soalan saya pada 17-11-88 yang walaupun dari segi niat dan kata-kata dalam soalan itu adalah bertujuan baik, tidak mempunyai kepentingan dan sebagainya, tetapi jawapan diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri merupakan seolah-olah lain daripada apa yang dimaksudkan oleh soalan yang saya kemukakan. Saya katakan pada hari itu, apakah langkah yang diambil oleh Kementerian setakat ini

untuk menjawab satu kehendak ataupun cadangan daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak yang mengatakan MAS seolah-olah menghalang kemasukan satu pesawat penerbangan asing untuk terbang dari Singapura ke Sabah dan Sarawak supaya pelancongan dapat dimajukan di negeri tersebut dan adakah pihak Kementerian menyelidiki akan kemungkinan wujudnya satu keadaan yang mengelirukan dalam hal permohonan ataupun cadangan ini kerana yang dikehendaki untuk terbang ke Sarawak dan Sabah ialah SIA sahaja, bukan Royal Brunei Airlines yang sudah ada dan sebagainya. Dan adakah mungkin wujudnya satu golongan yang mempunyai kepentingan dalam hal ini. Jadi jawapan Yang Berhormat kepada saya.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk sekejap. Di bawah Peraturan 23 (1) (d), "sesuatu pertanyaan itu tidak boleh menyebutkan perbincangan-perbincangan atau jawapan-jawapan pertanyaan-pertanyaan yang telah dikeluarkan dalam penggal Majlis sekarang ini". Jadi saya tak benarkan Yang Berhormat meneruskan, bawa perkara lain.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tetapi, Tuan Pengerusi, saya hendak jelaskan sebab saya rasa.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tak dibenarkan, Yang Berhormat, sebab benda itu sudah dijawab. Sama ada Yang Berhormat puas hati atau tak puas hati, itu lain cerita.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tidak, saya bukan tidak puas hati, tetapi niat saya itu baik sebenarnya, tetapi.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Memadailah niat itu baik.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
Tetapi ini saya rasa tak usahlah sentuh ttu, tetapi hendak sentuh mengenai satu perkara, saya minta maaf, yang kadang-kadang Menterikah, Timbalan Menterikah, oleh kerana begitu ghairah hendak menjawab dan sebagainya, rasa saya kadang-kadang salah tanggapan. Jadi kita yang berniat baik pun kadang-kadang dikata tak baik, jadi kita pun rasa begini. Ini jatuh di bawah mukasurat 205 ini—Emolumen Gaji dan Elaun. Jadi saya bercadang supaya mungkin di masa akan datang yang menjawab itu supaya jangan salah anggap akan maksud kita itu. Kita hendak bantu tetapi dianggap sebagai tak hendak membantu.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun saya ingin menyentuh mengenai mukasurat 205, Butiran 03000 Pengangkutan Udara Wilayah Sabah dan Sarawak.

Sebenarnya berhubung dengan apa yang telah saya sebutkan tadi sedikit walaupun saya tak mahu bercakap mengenai itu kerana dari segi peraturan sudah salah, tetapi di atas tajuk ini saya menyedari akan perlunya perbincangan di antara Negeri-negeri Sarawak dan Sabah atas hasrat untuk menjadikan sistem pengangkutan sama ada MAS ataupun yang lain dapat memajukan pelancongan di kedua-dua buah negeri tersebut.

Apa yang saya maksudkan sebenarnya ialah tidak sepatutnya timbul salah sangka kerana saya kata tadi saya memang hendak jelaskan keadaan sebenarnya, kali ini saya bantu betul-betul Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya pernah terbang dari Singapura ke Kuching dan hanya ada seorang dalam First Class seat dan satu orang juga datam Economy. Jadi masa itu kebetulan

memang tak ada orang, tetapi apabila "peak period", masa sekolah cuti dan sebagainya, maka tiba-tiba penumpang itu bertambah ramai dan inilah kadang-kadang menambahkan kekeliruan di kalangan penduduk-penduduk daripada Sarawak dan Sabah. Jadi saya rasa apa yang perlu bukanlah dari segi perkhidmatan (service), saya rasa MAS ini alhamdulillah, dia baik—Golden Service katakan, memang boleh tahan.

Dari segi "frequency", dengan izin, boleh tahan. Tetapi mungkin dari segi jadual bila agaknya perlu kita banyak pesawat, bila kita tak perlu banyak pesawat pergi ke Sarawak dan Sabah dan bagaimana dapat kita gunakan pesawat MAS itu dianggap oleh pelancong-pelancong daripada luar negeri yang ingin pergi ke Sarawak dan Sabah menerusi Singapura menganggap bahawa "that is the best airline that the tourist should fly", dengan izin. Itu cadangan saya kerana kita tak bolehlah kata MAS mesti mempertingkatkan khidmat (service) kerana sudah ada Golden Service. Jadi saya rasa yang perlu ialah macatn mana kita boleh gunakan MAS itu sebagai satu means of transport by air which is the best in the region, dengan izin,

Tuan Pengerusi, memanglah dalam kita membangunkan industri pelancongan di negara kita ini, kita tidak boleh lari daripada hakikat bahawa sistem pengangkutan adalah sistem yang paling utama, termasuklah sistem pengangkutan udara terutama sekali untuk Sarawak dan Sabah dan juga sistem pengangkutan laut dan mungkin yang darat.

Tetapi bagi Sarawak dan Sabah sudah tentu ianya penting. Sebagaimana juga yang disarankan oleh begitu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak dan juga rakyat daripada kedua-dua buah negeri itu, pengangkutan udara

adalah penting dan kalau sekiranya kita tidak mahu "open air policy", dengan izin, yang saya pun tidak berapa jugalah, saya selama ini, Alhamdulillah, tidak pernah susah-kalau MAS kata tak ada seat Yang Berhormat" jadi, saya kata "cuba sedikit-sedikit, curi-curi cari tempat untuk saya ini" akhirnya dapat juga, Alhamdulillah. Jadi, saya boleh, tetapi untuk orang lain itu saya rasa mungkin ada kesulitan. Jadi, saya rasa kita boleh lihat perkara ini dengan mendalam supaya ianya tidak timbul lagi.

Mungkin Ahli Yang Berhormat dari Limbang, wakil Dewan Undangan Negeri Sarawak yang juga Menteri Pelancongan Sarawak, telah menyarankan kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak supaya bising sedikit dengan MAS ini. Saya pun menyarankan juga kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dengan hormat dan takzim supaya selalu pakai MAS untuk pergi ke Kuala Lumpur dan Singapura. Kerana Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, oleh kerana ia jadi Ketua Menteri, adanya kemudahan banyak, jadi tidak pernah ataupun jarang-jarang gunakan MAS. Dia ada jet laju untuk pergi ke Kuala Lumpur dan kalau beliau selalu pergi dengan menggunakan MAS mungkin dapat juga meneliti keadaan yang sebenar dan tidaklah dengan sewenang-wenangnya melemparkan perkataan yang mungkin tidak begitu menarik kepada Sistem Penerbangan Malaysia. Jadi, saya cadangkan.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, satu minit lagi.

Tuan Haji Bujang hin Haji Ulis: Jadi, saya cadangkan perkara ini baik dirundingkan, tidak usah marah. Kita runding bersama supaya dengan wujudnya satu sistem pengangkutan

yang baik di antara Singapura—Sarawak dan Sabah, di antara Kuala Lumpur—Sarawak dan Sabah dan sebaliknya maka dapatlah kita mempertingkatkan industri pelancongan di kedua-dua buah negeri tersebut dan saya sudah memahami bahawa untuk Pulau Langkawi memang SIA ada dibenarkan dan untuk tempat-tempat lain dan sebagainya saya rasa kita boleh tentukan supaya perkara ini dapat kita perbaiki. Itu sahajalah.

Satu lagi, yang akhirnya, feri, Tuan Pengerusi. Feri ini, saya rasa kita hendak yang macam manakah.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, cukuplah. Masa sudah lebih.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sebelum saya menjemput Yang Berhormat dari Marang, saya ingin memberitahu bahawa selepas ini saya akan menjemput Timbalan Menteri menjawab. Sila, Yang Berhormat dari Marang.

4.54 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Pengerusi, menyentuh tentang Kementerian Pengangkutan, pertamanya sukalah saya merujuk kepada halaman 206, Butiran 030200, bertajuk Pengurusan dan Operasi Lapanganterbang dengan betanja kira-kira \$37.9 juta bagi tahun 1989. Ini satu topik yang perlu diberikan perhatian, terutama menyentuh tentang kepentingan negara atau nasional.

Hari ini kita lihat ada syarikat asing yang diberi tempat untuk beroperasi di dalam negara ini dan salah satunya ialah Penerbangan SIA dari Singapura yang diberi tempat untuk

menerbangkan para penumpang dari Singapura ke Kuala Lumpur, ke Kuantan dan juga ke Pulau Pinang. Ada satu permintaan baru daripada pihak SIA sendiri untuk menerbangkan para penumpang dari Singapura ke Kuching. Saya mohon penjelasan daripada pihak Kementerian apakah ianya akan dilaksanakan. Katau ianya akan diberi tempat atas alasan ataupun rationale apakah maka SIA terlalu banyak diberikan penerbangan. Apakah tidak cukup ataupun tidak memadai dengan 3 tempat—Kuala Lumpur, Kuantan dan Penang, dan apakah dengan pemberian itu ke Kuching ianya boteh memberikan satu hujah yang konkrit kita telah mengimbangkan penerbangan yang diberikan kepada MAS ke Singapura, terutama daripada tempat-tempat yang tidak ada lagi SIA di dalam Semenanjung, Sabah ataupun Sarawak ke Singapura jika dibandingkan dengan yang diberikan kepada SIA ke tempat yang ada. Itu yang pertama.

Kedua, mengenai dengan pengangkutan darat, saya ingin merujuk kepada Butiran 040400—Pengujian dan Pelesenan Pemandu. Saya merakamkan tahniah kepada pihak Kementerian kerana telah dapat mengeluarkan kad-kad lesen memandu yang baik, cantik macam kredit card, lawa, kecil, senang dibawa. Tetapi dalam masa sama juga kita mendapati bahawa adanya penipuan yang dilakukan oleh orang-orang tertentu yang menggunakan lesen-lesen palsu dan sebagainya. Saya ingin minta penjelasan daripada pihak Kementerian, sejauh ini bagaimanakah perkara ini dapat diatasi dan sejauh manakah besar ataupun berkesannya penipuan ini dilaksanakan.

Selain~daripada itu saya ingin juga turut mencadangkan bagi mengelakkan penipuan lesen-lesen ini, iaitu apakah salah kiranya kita

metninta daripada semua pemegang-pemegang lesen dalam negara ini supaya lesen dia juga turut disemak. Sekarang ini yang disemak ialah kenderaan-kenderaan yang tertentu sahaja, cukup tahun, cukup bulan, semak, cek, takut kalau ada dadahkah, rosakkah, tidak selamatkah, macam-macam ceritalah. Tetapi mengenai dengan lesen, ada orang pakai lesen 10 tahun, 15 tahun pun tidak pernah dilihat sama ada dia tipukah, dia betulkah, macam-macam cerita boleh terjadi. Ada orang yang lesennya sudah hendak tamat, dia pun buat akal, dia putar alam sedikit, dia kata lesennya hilang, kemudian dia buat report, dia dapat lesen baru. Jadi, tidak payahlah dia bayar denda. Jadi, kalau saya mencadangkan begini, iaitu lesen-lesen ini perlulah diminta dan disemak sama ada dalam bentuk tahun demi tahun ataupun 2 tahun sekali ataupun sebagainya. Sudah barang tentulah saranan saya ini memeningkan kepala kerana kerja ini akan meningkat dan bertambah, tetapi saya yakin dengan adanya Butiran 040800—Pusat Komputer, akan membolehkan kita mengatasi perkara-perkara yang sedemikian. Manfaat daripada perbuatan ini saya fikir ialah iaitu kita akan dapat memastikan pemandu-pemandu yang benar-benar bertanggungjawab, amanah dan cekap dan keelokan dahpada saranan ini boleh mengakibatkan kadar kemalangan jalan raya, kematian, dan sebagainya akan berkurangan.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 040200—Pendaftaran dan Pelesenan Kenderaan.

Saya ingin beritahu kepada pihak Kementerian Pengangkutan iaitu ada kereta-kereta yang telah difinancekan dua kali, tiga kali ataupun dia "double finance" ataupun lebih daripada double finance. Jadi macam mana pihak Kementerian mengesan perkara-perkara ini dan bagaimana untuk mengatasi hal-hal ini? Selain daripada itu juga, ada satu lagi

mengenai Pendaftaran dan Pelesenan Kenderaan ini. Ada satu sindiket yang berleluasa sekarang ini, iaitu pengambilan serta penjualan kereta-kereta jenis mewah, terutama Mercedes Benz ke negara tetangga kita iaitu Siam. Jadi, apakah sindiket ini dapat dikenalpasti dan bagaimanakah caranya untuk mereka ataupun menghapuskan keadaan-keadaan ini dan apakah langkah-langkah yang telah pun diambil?

Butiran lain di bawah muka surat yang sama iaitu Pengangkutan Darat. Saya juga ingin memberikan teguran iaitu mengenai dengan penggunaan kapal korek. Saya rasa ini termasuk dalam tajuk itu, iaitu kapal korek sangat sedikit yang ada di Malaysia hari ini. Saya sudah sebut berkali-kali, saya sangat minat akan tajuk ini kerana masalah ini belum selesai. Kalau selesai saya mungkin kurang minat. Disebabkan adanya kecetakan sungai-sungai yang begitu ketara menyukarkan nelayan, menyukarkan orang ramai, menyukarkan feri-feri, menyukarkan penumpang-penumpang, menyukarkan laluan—segala-galanya sukar apabila muara sungai itu cetek, termasuk kapal-kapal terkandas dan sebagainya. Apakah salah kiranya kalau sudah keadaan ini kita fahami, kalau kita sudah tahu bahawa masalah yang utama iaitu tiada kapal korek. Jadi perlulah Kementerian ini sensitif dengan masalah rakyat, masalah kecetakan sungai, masalah mendapan ini diberikan perhatian yang segera.

Saya juga merasa sedikit dukacita kerana sasaran saya ini kira-kira setahun lebih ataupun hampir-hampir dua tahun, tetapi kapal korek tidak juga bertambah. Alasan Kementerian sentiasa "tiada wang". Saya tidak dapat menerima alasan ini, kerana telah lama dan juga saya dapati kapal korek yang ada itu ada tetapi dia punya belalai pendek sahaja. Jadi dia korek dekat, katakan contoh daripada Dewan ini, sampai dekat pintu pagar.

Apa yang dia korek. Biarlah belalai itu panjang supaya dia dapat korek, kemudian dia dapat hantarkan pasir-pasir yang dikorek di tebing ataupun di atas daratan, macam dia korek di Kemaman.

Jadi, kalau perkara ini dapat kita atasi, saya kira satu perkara yang penting kita lakukan kepada golongan-golongan marhain, golongan rakyat ini. Saya memuji tindakan yang telah diambil tetapi saya memandang perkara ini serius kerana telah kita sebut bahawa adanya empangan-empangan baru di dataran-dataran, di gunung-gunung yang dibina di Pantai Timur hari ini telah menyebabkan aliran sungai tidak dapat berjalan dengan baik, menyebabkan current yang menolak ombak itu tidak laju, slow, lembik, begitu romantik sekali. Jadi kalau boleh biarlah dia laju dan juga scpakan-sepakan yang laju ini menyebabkan mendapan tidak berlaku di muara-muara sungai. Malangnya kita tidak payah bincang soal itu kerana empangan telah dibina, yang perlu kapal korek perlulah dibuat dan sensitif kepada perkara ini.

Mengenai dengan Butiran yang sama juga, menyentuh tentang yang satu lagi iaitu pembinaan Keretapi. Keretapi ini saya hendak tahutah, apakah alasan dan sebab walaupun permintaan telah bertalu-talu, walaupun saranan demi saranan dibuat bagi membina rel-rel keretapi di Pantai Timur khususnya di negeri saya. Ini darat sedikitlah, kampung sedikit, keretapi ini tidak pernah dapat naik—di negeri Terengganulah di tempat-tempat lain itu naik. Jadi kita hendak tahu atas rasional apa, atas sebab apa keretapi tidak mahu dibina sedangkan hasil mahsulnya ada, keperluannya ada dan daripada kajian-kajian secara munasabah, kalau dibina rel-rel keretapi ini tidak boleh mematikan perjalanan udara, tidak boleh

membantu perjalanan darat dan akhir akhir ini kita lihat banyak sekali hasil-hasil yang diperolehi—bijihlah, emaslah, kemudian kelapa sawitlah, minyaklah, macam-macam lagi tetapi malangoya pengangkutan kurang. Jadi, dengan adanya keretapi yang dibina akan memungkinkan sistem pengangkutan kita lebih licin, lebih efisien. Saya rasa tidak payah hendak bina jalan keretapi, kita ambil sahaja persimpangan jalan daripada Gemas ke Kota Bharu itu, kita ambil salah satu persimpangan untuk masuk ke negeri Terengganu yang saya tidak sampai pun 100 batu dan ini merupakan satu jeritan yang sering dikumandangkan oleh rakyat negeri tersebut tetapi alasan yang sering dikemukakan masih lagi kita tidak dapat menerimanya.

Yang lain iaitu mengenai dengan pengangkutan ini juga, iaitu mengenai dengan pelabuhan. Saya minta kalau boleh Pengkalan Perbekalan Petroleum Terengganu Fasa II diupgradakan. Hari ini Pengkalan Perbekalan Petroleum Terengganu Fasa II itu hanya sebagai satu tempat untuk punggah dan juga sibarkan barang-barang ke kawasan-kawasan ataupun ke tempat-tempat yang memerlukan spare-parts, barang gantian kepada perusahaan petroleum. Apa salahnya Pengkalan Perbekalan Petroleum Terengganu ini diupgradakan iaitu ditingkatkan dalam bentuk pengkalan yang berbentuk Kontena. Kerana saranan ini saya beri iaitu kalau kita perhatikan bermula daripada Kota Bharu ataupun Tumpat sana, sampailah ke Johor Bahru, kita nampak kedudukan Kemaman itu begitu strategik iaitu dia sebagai kawasan tadahan bagi kapal-kapal besar daripada Korea, Jepun, Taiwan dan juga Hongkong ataupun China lalu dan berlabuh di situ. Jadi, kalau kita upgrade supaya menjadikan satu pelabuhan yang berbentuk industri Kontena, ini akan memungkinkan pelabuhan itu menjadi lebih baik.

Alasan saya, saya nampak lojik kerana air di pelabuhan tersebut adalah merupakan yang terbaik dan paling dalam. Saya menyebutkan perkara ini dahulu. . . .

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sedikit lagi, satu minit lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Setengah minit.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Setengah minit. Jadi, perlulah diupgradakan dan kerana airnya dalam, lebih dalam daripada Pelabuhan Kelang, adalah lojik tambahan pula ada kemudahan-kemudahan infrastruktur yang lain.

Saya hendak minta jawapan daripada pihak Kementerian, kalau ianya tidak boleh dibuat apa sebab dan apa alasannya.

Akhirnya, saya menyokong penuh peruntukan yang diperuntukkan di bawah Kementerian Pengangkutan dan saya memuji Timbalan Menteri kerana telah dapat menjadikan Kementenan ini sebagai satu Kementerian yang berfungsi dan begitu penting bagi kemudahan awam. Saya menyokong peruntukan ini, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.05 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah

sudi mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan anggaran pembangunan Kementerian Pengangkutan bagi tahun 1989 di peringkat Jawatankuasa ini.

Saya sukalah menegaskan di sini bahawa Kementerian Pengangkutan memberi perhatian yang berat kepada semua teguran, pandangan dan ulasan yang membina oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu dan dengan itu kami akan berusaha untuk mempertingkatkan dasar dan prestasi Kementerian agar fungsinya, seperti Yang Berhormat dari marang tadi, akan lebih bertungsi dah lebih berkesan.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah menyentuh mengenai rancangan pembangunan lapangan terbang-lapangan terbang dan menyentuh iaitu cadangan mengadakan Lapangan terbang Antarabangsa yang baru. Sememangnya Kerajaan mempunyai rancangan untuk mempertingkatkan sistem lapangan terbang di negara ini khasnya Lapangan terbang Antarabangsa. Bagi Lapangan terbang Antarabangsa Subang, sukacita saya memaklumkan bahawa kemudahan-kemudahan yang sedia ada dengan beberapa kerja peningkatan yang dijalankan pada ketika ini akan dapat menampung trafik udara sehingga tahun 1995. Antara kemudahan-kemudahan yang dipertingkatkan ialah memanjangkan landasan terbang dari 11,400 kaki kepada 12,400 kaki untuk menampung operasi pesawat Jet B747-400; memperbaiki sistem "taxiway" bagi membolehkan pergerakan pesawat dengan lebih berkesan dan cepat dan memperbesarkan "parking apron" yang sedia ada dan meningkatkan sistem lampu landasan.

Bagaimanapun, bagi menampung trafik udara setelah tahun 1995, Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk menambah tagi

keupayaan Lapangan terbang Antara-bangsa Subang untuk menampung trafik udara yang kian bertambah. Rancangan ini akan dinamakan sebagai Fasa II iaitu Projek Pembangunan Lapangan terbang Subang akan melibatkan beberapa kemudahan baru atau tambahan-tambahan utama seperti bangunan terminal, landasan terbang kedua, tapak letak kapal terbang, tempat letak keteta baru, sistem "Taxiway" baru dan lain-lain kemudahan sampingan. Projek Fasa II ini akan dikaji dengan teliti dan perancangannya akan dijalankan dengan rapi kerana ianya akan melibatkan kos pembangunan yang besar.

Mengenai sistem Kawalan Trafik Udara pula, sukacita saya memaklumkan bahawa projek untuk meningkatkan Sistem Kawalan Trafik Udara telah pun diluluskan oleh Kerajaan. Projek ini akan dilaksanakan dalam tempoh di antara 2 atau 2 1/2 tahun, meliputi mengadakan kemudahan-kemudahan seperti mengadakan Kompleks Kawalan Trafik Udara baru di Subang, dilengkapi dengan sistem kawalan penerbangan semi-automatic dan sebagainya, secondary surveillance radar di Semenanjung Malaysia, mengadakan sistem primary surveillance radar dan secondary surveillance radar di Sabah, dan projek ini setelah ia dilaksanakan akan dapat meningkatkan lagi kecekapan Kawalan Trafik Udara pada keseluruhannya dan setanding dengan negara-negara jiran. Projek ini akan melibatkan perbelanjaan sebanyak \$35 juta sebagai kos yang dianggarkan.

Mengenai pembaharuan landasan KTM, Kementerian Pengangkutan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar di atas sokongannya kepada peruntukan bagi pembaharuan landasan ini.

Tuan Pengerusi(Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):Yang Berhormat dari Bukit Bintang, bukan Kuala Lumpur Bandar.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Bukit Bintang, minta maaf.

Memanglah menjadi tumpuan Kementerian untuk mengurangkan kejadian kegelinciran rel melalui pembaharuan landasan dengan pelaksanaan projek pembaharuan landasan ini iaitu dari Slim River ke Seremban, Paloh ke Singapura dan pada tahun 1989 kerja-kerja pembaharuan landasan akan meliputi kebanyakan sebahagian besarnya di seluruh Semenanjung Malaysia,

Yang Berhormat juga telah menyentuh mengenai MAS meningkatkan perkhidmatan di seluruh negara Malaysia terutama di Kuching melalui Singapura.

Sukalah saya memaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan dan MAS sememangnya sentiasa memberi perhatian kepada usaha-usaha untuk meningkatkan perkhidmatan domestik MAS, Dalam hal ini bagi mengatasi masalah kekurangan kapasiti di antara Semenanjung Malaysia dan Kuching yang dibangkitkan ke belakang ini oleh beberapa pihak MAS telah pun menambahkan penerbangan-penerbangannya mulai dari 1hb November hinggalah ke bulan Mac 1989, keseluruhan tambahan penerbangan ke Sabah dan Sarawak ini kalau tidak silap saya dalam tempoh 5 bulan itu melebihi 500 penerbangan tambahan. Dalam hal ini juga penambahan kapasiti akan terus ditingkatkan oleh MAS dari masa ke semasa.

Cadangan supaya SIA dibenarkan mengadakan perkhidmatan ke Sarawak, inginlah saya memaklumkan bahawa perkara ini adalah dalam

perhatian Kerajaan. Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai perkara ini adalah dalam pelaksanaan iaitu kita akan kaji dan seperti kata Yang Berhormat kita mementingkan keutamaan kepada negara kita.

Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah menyebut mengenai perkara tragedi feri. Perkara ini telah pun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan iaitu semasa mengisytiharkan perlantikan Suruhanjaya Siasatan Di-Raja oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dahulu bahawa laporan Suruhanjaya akan dimaklumkan kepada orang ramai bahkan pihak awam dan pihak akhbar juga dibenarkan menghadiri semua proceedings, dengan izin, yang dijalankan. Sebelum kita dapat keputusan itu, rasa saya tidak wajarlah kita menghukum sesiapa juga, pada pendapat saya.

Yang kedua, Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah menyatakan mengenai kegelinciran keretapi kargo. Masalah ini berlaku kerana KTM mempunyai harga satu landasan iaitu landasan tunggal dan masalah ini akan diatasi sepenuhnya jika kita menggunakan landasan berkembar ataupun double track di mana pihak KTM memang ada mempunyai rancangan, akan tetapi memandangkan kos yang terlibat begitu tinggi sekali dalam lingkungan hampir \$2 juta satu kilometer, rancangan ini tidak boleh dilaksanakan buat masa ini. Walau bagaimanapun, kejadian kegelinciran train telah berkurangan hasil dari program pembaharuan landasan dan pengukuhan landasan yang telah dan sedang dijalankan. Dan begitu juga pernah telah saya menjawab dalam Dewan ini juga bahawa kita juga roembeli alat-alat untuk mengesan kelemahan-kelemahan pada rel-rel kita.

Mengenai telefon, pihak pengurusan KTM mengambil perhatian mengenai ini dan sedang berusaha untuk melengkapkan kemudahan-kemudahan bagi penumpang di stesen-stesen termasuklah telefon awam. Malah KTM juga berusaha untuk memasang Sistem Telefon ATUR di koc hawa dingin kelas I dalam express train. Pada jangkaan saya, apa yang berlaku pada tempoh hari iaitu bila penumpang tidak dibenarkan menggunakan telefon, maklumlah dalam keadaan kecemasan, sudah tentulah telefon yang ada dalam pejabat keretapi stesen itu hendak menunggu maklumat daripada ibu pejabat dan sebagainya. Oleh kerana itulah pada pendapat saya bahawa penumpang-penumpang tidak dibenarkan menggunakan telefon kerana untuk menyelesaikan masalah kecemasan dalam keadaan kegelinciran itu.

Walau bagaimanapun, mengenai perkara-perkara lain yang telah Yang Berhormat sebutkan iaitu insurans. Insurans ini memang sedang dikaji oleh pihak KTM kerana dalam Ordinan Keretapi, perkara insurans ini tidak termasuk.

Mengenai perkhidmatan MAS yang kurang memuaskan seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu MH 7022, MAS sentiasa memberikan perhatian yang berat untuk menentukan bahawa penerbangannya berlepas pada waktu yang ditetapkan. Bagaimanapun, dalam beberapa kes tertentu, berasaskan kepada sebab-sebab yang tertentu, misalnya seperti cuaca dan kalau adatah sesuatu kesilapan ataupun kerosakan teknikal, maka pada pendapat saya biarlah kita lambat asalkan selamat. Kalau kita hendak cepat-cepat sangat pergi, ada kerosakan teknikal kita pergi juga, mungkin ianya akan membanayakan dan akan terjadi nahas dalam penerbangan itu.

Saya berharap Yang Berhormat tidaklah marah-marah sangat kerana kadang-kadang itu lambat kita selamat. Namun begitu kita terus berusaha agar perkara-perkara ini tidak berlaku. Biasanya kalau mana-mana penerbangan itu terlambat, pihak MAS sentiasa menentukan bahawa penumpang-penumpang berada dalam keadaan yang slesla.

Saya akan meminta pihak Jabatan yang berkaitan supaya menyiasat mengenai kejadian yang telah Yang Berhormat sebutkan itu. Berkait dengan penerbangan yang sama juga, sebenarnya sistem alat hawa dingin untuk Bangunan Terminal di Lapanganterbang Subang, Kuala Lumpur pada masa itu telah mengalami kerosakan iaitu dua loji chiller utama pada malam 22hb November itu telah rosak dan hanya dapat dipulihkan pada 28hb November, itulah sebabnya tidak ada hawa dingin. Bagaimanapun, pada tempoh berkenaan dua loji chiller yang kecil masih beroperasi, tetapi sudah tentulah ianya kecil dan bangunan itu besar dengan demikian tidak cukuplah kedinginannya itu dan saya minta maaflah bagi pihak Jabatan Penerbangan Awam atas perkara ini.

Yang Berhormat dari Lembah Pantai nampaknya sungguh marah betul dengan iklan-iklan warna-warna yang begitu terang agaknya, yang menyilaukan mata. Perkara ini sebenarnya adalah di luar bidangkuasa Kementerian Pengangkutan. Bagi membenarkan iklan diletakkan di badan-badan bas, ianya adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan,

Yang Berhormat juga tadi telah menyentuh mengenai pemandu-pemandu kenderaan awam atau perkhidmatan awam. Berhubung dengan sikap pemandu-pemandu perkhidmatan awam ini, saya sukalah menyatakan bahawa Kementerian bersama JPJ dan agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti TDC dan

LPKP juga sentiasa dari masa ke semasa mengadakan kempen-kempen kesopanan dan juga diadakan penguatkuasaan untuk mendisiplinkan pemandu-pemandu kenderaan awam ini kerana memanglah kita tidak mahu bahawa pemandu-pemandu ini berlaku yang sama kepada pelancong-pelancong, kadang-kadang ada juga cerita-cerita lucu yang diceritakan oleh orang mengenai pemandu-pemandu ini dengan komen-komennya bila membawa pelancong-pelancong. Itupun saya rasa kesal juga kerana komen-komen itu akan merosakkan juga imej negara kita.

Sebenarnya, ada undang-undang ataupun kaedah-kaedah yang menentukan bahawa pemandu-pemandu ini mestilah bersopan-santun, pakaiannya kemas dan tidak bau masam dan sebagainya, kerana kenderaan perkhidmatan awam membawa penumpang-penumpang, dan sudah tentulah orang semua tidak suka perkara ini berlaku.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi penubuhan Biro Pengaduan Awam di JPJ, saya rasa perkara ini tidak perlu, sebabnya aduan itu boleh dibuat kepada Jabatan Pengangkutan Jalan dan juga kepada Kementerian bahkan kalau Yang Berhormat mengadakan kepada saya pun dengan memberi nombor teksi atau nombor bas, kita boleh panggil tuannya teksi itu atau pemandunya dan kita bagi "lecture" pada dia; dan kalau perlu disaman, disaman. Jadi, perkara ini saya rasa tidaklah begitu rumit. Cuma kita hendakkan orang ramai mempunyai lebih kesedaran sivik iaitu kalau apa-apa juga berlaku kepada mereka, sila laporkan. Kalau tidak dilaporkan, kami tidak tahu, dan cuma hanya pada masa penguatkuasaan sahaja, kita terjumpa, kita tahu dan kita sudah ambil tindakan. Di masa-masa lain, di masa-masa pegawai JPJ tidak ada, kita tidak tahu apa yang berlaku. Penumpang-penumpang tahu. Begitu

juga mengenai tambang, mengenai meter dan sebagainya supaya perkara ini dilaporkan, dan kami sedia menerima laporan-laporan itu.

Satu cara lagi ialah Jabatan Pengangkutan Jalan bekerjasama dengan pihak RTM, pihak penyiaran, iaitu mengadakan siaran selama setengah jam dengan JPJ, di mana sesiapa pun boleh menelefon, bertanya apa-apa masalah dan kadang-kadang boleh juga buat komplek di situ. Kalau malas hendak menulis, bertelefon terus kepada Jabatan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya diuji semula pemandu-pemandu yang sudah berumur 50 tahun ke atas, katanya. Nampaknya, kita semua hendak diuji apatah lagi Ahli-ahli Yang Berhormat, semua yang ada pemandu-pemandu, yang berpuluh tahun tidak pernah bawa kereta, agaknya. Jadi, ini kita akan kaji. Cadangan Yang Berhormat itu akan kita kaji.

Mengenai kadar kemalangan di jalanraya yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, disebabkan pemandu muda katanya yang ghairah, membawa kereta dengan tidak pedulikan orang lain, kita di Kementerian dan Jabatan juga sedar perkara ini berlaku. Oleh kerana itu diadakan berbagai-bagai cara. Yang Berhormat sendiri pun ada dalatn Majlis Keselamatan Jalanraya dan tentu Yang Berhormat sendiri tahulah apa yang diusahakan oleh Majlis Keselamatan Jalan raya dari segi hendak mengurangkan kadar kemalangan. Nampaknya kalau bandingkan angka-angka dalam tahun 1987 dengan 1988 sahaja, ternyata bahawa bilangan kemalangan itu telah berkurangan dan angka kematian tiap-tiap hari, kalau dahulunya 9, sudah tinggal 7. Ertinya adalah penurunan dan ia bererti kerja-kerja kita itu berkesanlah juga, dan terima kasih kepada semua pihak yang memberikan kerjasama.

Yang Berhormat dari Marang telah menyentuh mengenai penerbangan SIA ke Sarawak. Sukalah saya menyatakan bahawa seperti yang saya telah sebut tadi iaitu kita mengkaji dari satu masa ke satu masa perkhidmatan kita sendiri untuk dipertingkatkan lagi. Yang Berhormat dari Simunjan kata "golden service" itu begitu baik sekali. Jadi, walaupun begitu, kita masih berusaha untuk mempertingkatkan lagi usaha-usaha dan menentukan bahawa perkhidmatan MAS itu lebih baik dan mencukupi. Telah saya sebut juga tadi bahawa bagi musim cuti sekolah ini, kita telah menambahkan penerbangan dalam 5 bulan dari November hingga Mac, tahun 1989. Kita menambahkan hampir lebih 500 penerbangan tambahan, cuma agaknya kalau dikatakan, hendak ikut masa kita sendiri—kita hendak flight pukul 8.00, pukul 8.00 juga susahlah. Kerana MAS berusaha selain daripada kapal-terbang-kapalterbangnya sendiri untuk menambah perkhidmatan itu, MAS terpaksa "lease" pula kapalterbang daripada syarikat-syarikat lain untuk menambah penerbangan itu. Kalau kita dapati bahawa nanti penerbangan itu kosong, setengah sahaja berisi, maka merugikan pula. Jadi, terpaksa semua faktor-faktor itu kita difikirkan.

Yang Berhormat tadi menyebut juga mengenai "multiple financing" dari segi kenderaan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian sedang mengkaji peruntukan yang ada dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 untuk dipinda jika perlu bagi mengelakkan berlakunya "multiple financing" atau "double financing" ini, dengan izin. Di samping itu, melalui tindakan pentadbiran yang dilakukan oleh JPJ seperti mengadakan "chop" atau penentuan hakmilik kepada kad pendaftaran, kepada grant atau sijil kereta itu. Salah satu caranya, kalau ada "chop" itu, kalau dia hendak buat financing kedua, kita sudah tahulah bahawa itu sudah ada dalam satu

financing dan tak bolehlah kita benarkan untuk financing yang satu lagi.

Yang Berhormat dari Marang juga menyentuh mengenai kapal korek. Memang beliau banyak kali juga bercakap kepada saya tetapi kadang-kadang agak susah hendak dibagi semuanya. Kita hendak semua projek kita dijalankan. Tetapi peruntukan itu dihadkan seperti yang dicatatkan di dalam buku ini. Jadi, terpaksa kita melakukannya beransur-ansur. Pada masa ini, Jabatan Laut . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Marang bangun.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya ingin tahu, berapa banyakkah kapal korek yang ada yang boleh digunakan di Semenanjung sekarang?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Itulah yang saya ingin beritahu tadi. Pada masa ini, kita ada tiga kapal korek dan satu lagi sudah pun ditempah dan dalam proses pembuatan. Bila kita beli kapal korek, kita tempah, barulah dia buat, kerana mereka tidak boleh duduk setelah siap dan biarkan benda itu berkarat. Jadi, terpaksa kita tempah, baru dia buat, dan memakan masa kadangkala lebih setahun untuk siapkan sesuatu itu.

Pihak swasta juga ada kita minta memberikan perkhidmatan untuk mengorek ini. Katanya tadi beialai ini pendek sangat. Insya Allah, kalau duit peruntukannya ada, kita sambung lagi belalai ini supaya ia menjadi lebih panjang. Prestasi kerja kapal korek ini, rasa saya, boleh tahan juga sebab kita ada empat buah. Jadi, satu kalau kita letak di Terengganu, dan satu kita letak di Kelantan, tidak ada benda itu turun naik, turun naik, agaknya banyakkah kerja boleh dibuatnya.

Yang Berhormat juga berminat mengenai keretapi, Kerajaan memang menyedar hakikat ini dan telah menjalankan kajian di bawah

Rancangan Malaysia Keempat, di bawah Rancangan Pembinaan Landasan Keretapi Timur-Barat yang itu dari Kuala Lumpur ke Kuantan, ke Paka, ke Terengganu dan terus ke Kota Bharu. Tetapi oleh kerana rancangan ini memakan belanja yang sangat mahal, lebih kurang \$6,000 juta, jadi ianya terpaksa ditangguhkan dahulu. Kita harap apabila ianya diswastakan besok, dapatlah kita sampaikan keretapi itu ke Pantai Timur.

Yang lagi satu Yang Berhormat sebut penipuan kepada lesen. Penipuan yang ada kita dapat itu ialah pemalsuan dokumen yang digunakan untuk memohon lesen memandu dan bukan kepada lesen memandu yang berlapis itu. Lesen itu sendiri mereka tidak boleh buat apa-apa, cuma dari segi kalau hendak membaharui sticker itu, kita dapati ada pula yang boleh memalsukannya. Itu sebabnya kami membuat keputusan, iaitu untuk membaharui lesen, kita bagi lesen yang itu juga iaitu kredit kad yang dikatakan tadi itu—yang kredit kad itu kita bagi untuk lesen yang baru supaya mengelakkan pemalsuan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dua minit lagi.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Mengenai permintaan semakan lesen memandu, tindakan penguatkuasaan mengenai lesen memandu memang dibuat pada tiap-tiap hari oleh pegawai polis dan JPJ di sekatan-sekatan jalan dan lain-lain operasi.

Rasa saya itu sahajalah yang sempat saya memberikan jawapan dan ulasan, dan saya minta maaf kepada yang lain-lain tetapi yakinlah bahawa teguran-teguran yang lain itu telah pun dicatatkan oleh pegawai-pegawai dari Kementerian dan akan diambil tindakan oleh Kementerian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$135,658,000 untuk Maksud B.47 dan \$10 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah di-setujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$135,658,000 untuk Maksud B.47 dan \$10 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$176,738,270 yang disebutkan dalam Maksud P.47 dan \$60,570,010 untuk Maksud P.48 dalam Anggaran Pembangunan, 1989 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$176,738,270 untuk Maksud P.47 dan \$60,570,010 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1989.

Maksud B.49 dan B.50 (Jadual)—

Maksud P.49 dan P.50 (Anggaran Pembangunan, 1989)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B.49 dan B.50 serta Maksud Pembangunan P.49 dan P.50 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Sungai Besi.

5.30 ptg.

Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 217, Butiran 030000 Kawalselia Telekom.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Muka surat 217?

Tuan Tan Kok Wai: Ya, Tuan Pengerusi, saya ingin menggesa Jabatan Telekom supaya membekalkan sama ada bagi maksud perdagangan atau kediaman, peralatan telefon yang lebih murah dan mudah dengan tujuan untuk memperbaiki secara menyeluruh sistem telekomunikasi di negara ini. Walaupun perkhidmatan telefon dalam negara telah diswastakan sejak Januari tahun lalu dan Syarikat Telekom Malaysia Berhad kemudiannya telah memperluaskan rangkaian telefon ke seluruh negara, tetapi kadar bayaran telefon masih tetap tinggi dan di luar kemampuan ramai keluarga yang berpendapatan rendah.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa telefon ialah satu cara komunikasi yang penting dalam kehidupan moden. Kepentingannya dalam era masyarakat informative dirasai oleh rakyat dari pelbagai lapisan masyarakat. Sehingga ke hari ini nisbah pengguna telefon dalam negara ini ialah 7 kepada setiap 100 orang. Kadar atau nisbah ini amat rendah berbanding dengan negara-negara maju. Ia juga menunjukkan bahawa terdapat ramai orang yang tidak berupaya melanggan telefon bersendirian.

Adalah tidak berasas jika Syarikat Telekom Malaysia bimbang bahawa pengurangan dalam berbagai caj perkhidmatan telefon tidak akan menjadikan perniagaan telefon ini keuntungan. Potensi bagi keperluan perkhidmatan telefon sangat besar. Oleh itu seraakin rendah bayaran akan menghasilkan semakin besar permintaan bagi perkhidmatan telefon. Saya percaya ini memenuhi objektif STM.

Saya suka meningkatkan Jabatan Telekom tidaklah harus dilupakan bahawa ini merupakan tanggungjawab Kerajaan untuk membekalkan perkhidmatan telefon yang murah dan cekap kepada rakyat. Saya juga suka

meningkatkan Kerajaan bahawa perkhidmatan telefon yang maju dan advanced di negara ini akan membantu menggerakkan pertumbuhan industri-industri dan perniagaan serta juga menarik lebih ramai pelabur asing ke negara ini.

Mengenai negara jiran kita, misalnya perkhidmatan telefon yang kurang baik di negara Thailand sering jadi satu penghalang dalam pembangunan ekonominya. Saya berharap bahawa Kerajaan boleh mengambil langkah yang betul untuk memastikan bahawa rakyat akan menerima faedah dari langkah penswastan sistem perkhidmatan telefon. Kalau tidak ia akan kehitangan matlamatnya.

Saya suka mencadangkan bahawa untuk mempopularkan perkhidmatan telefon keseluruh negara, semua bayaran keatas telefon perdagangan dan kediaman patutlah dikurangkan sekurang-kurang setengah dari kadar sekarang termasuk bayaran deposit, pemasangan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi berhubung dengan telefon awam, saya ingin mencadangkan satu unit khas rondaan pembaikan teleton ditubuhkan untuk membaiki dan menyelenggarakan semua telefon awam dengan baik. Walaupun tidak boleh dinafikan bahawa bilangan telefon awam teiah bertambah sepanjang tahun ini tetapi hakikatnya telefon rosak dan tidak boleh digunakan semakin bertambah melebihi dari bilangan yang baik dan boleh digunakan.

Dalam hubungan ini saya suka merujuk kepada pengalaman saya sendiri. Saya ialah pengguna yang kerap menggunakan telefon awam yang dipasang di luar Ibusawat Telekom di Taman Maluri, Cheras iaitu dalam kawasan saya. Tetapi apa yang mendukacitakan saya ialah sudah beberapa kali saya dapati semua telefon awam sebanyak 4 buah di situ tidak boleh digunakan. Adalah tidak

adil kepada orang ramai yang tidak mempunyai telefon sendiri tetapi terpaksa bergantung kepada telefon awam mendapati telefon tersebut sering rosak.

Syarikat Telekom sering menyatakan atau menuduh perbuatan vandalism kerana merosakkan telefon-telefon awam, tetapi adalah satu kebenaran bahawa banyak telefon awam rosak tanpa sebab, dan panggilan tidak boleh dibuat walaupun wang syiling telah dimasukkan. Kerja membaiki telefon-telefon awam oleh Syarikat Telekom sangat lembap. Ini menyebabkan banyak aduan dibuat. Bagi membaiki kelemahan ini saya ingin mencadangkan satu unit pembaikan secara bergerak meronda kesemua pondok telefon awam setiap hari untuk memeriksa dan memastikan ianya berfungsi dan boleh digunakan dengan baik. Unit pembaikan ini akan berupaya menjalankan kerja-kerja pembaikan kecemasan keatas telefon-telefon awam.

Tuan Pengerusi, saya berdukacita mendapati bahawa sebuah syarikat bernama Uniphone Telecommunications dilantik untuk mengendalikan perkhidmatan telefon awam dan ia telah diberikan kontrak yang lama iaitu 15 tahun dan ini tidaklah wajar. Pada pandangan saya bahawa adalah tidak betul dan wajar perkhidmatan telefon awam ini dimonopoli oleh sebuah syarikat sahaja. Adalah lebih baik, adil dan bijak untuk melantik beberapa syarikat yang layak untuk memberi perkhidmatan telefon awam dalam kawasan yang berlainan kerana hanya melalui pertandingan yang sihat orang ramai boleh menikmati perkhidmatan yang cekap dan bermutu tinggi.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada muka surat 220, Butiran 010000 Perkhidmatan Pos.

Berhubung dengan Perkhidmatan Pos, saya ingin menyentuh masalah kekurangan postmen yang sedang dihadapi oleh Jabatan Perkhidmatan Pos.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, wang yang diuntukkan untuk Perkhidmatan Pos ialah \$10 sahaja yang diberi sebagai "token", dan tidak boleh dibahas.

Tuan Tan Kok Wai: Oh ya, tidak apalah, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Menteri boleh menjawab.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Maran hendak berucap?

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Sedikit, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya tidak nampak tadi, blok itu sangat susah nampak Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Saya fikir begitu. Saya minta pindaan ke blok lain. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Maafkan saya.

5.41 ptg,

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Tidak mengapa, saya minta pindah ke blok lain. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya paling ringkas walaupun saya jarang dapat bercakap tetapi saya cuba bercakap dengan ringkas. Hanya saya merujuk kepada mukasurat 217, Butiran 010000, Khidmat Bantuan.

Tuan Pengerusi, saya maksudkan di sini ialah mengenai dengan telefon awam luar bandar kerana orang-orang luar bandar juga perlu kepada telefon bagi memudahkan perhubungan sama ada perhubungan itu dengan orang perseorangan ataupun dengan pihak agensi-agensi berkenaan ataupun masa-masa kecemasan. Misalnya di rancangan-rancangan tanah seperti Rancangan FELDA adalah merupakan tempat-tempat pendudukan yang ramai. Tetapi di kebanyakan Rancangan-rancangan FELDA masih belum diadakan ataupun diwujudkan telefon awam. Ini selalu mereka merayu supaya diadakan. Jadi, saya ingin bertanya pihak Menteri yang terlibat, apakah syarat-syaratnya yang membolehkan mereka ini mendapat telefon awam, sebab perkara ini penting. Jadi, kalau sekiranya ada syarat-syarat tertentu, haraplah dijelaskan dan apa-apa rayuan yang dikemukakan terutama daripada Wakil-wakil Rakyat yang terlibat, kita mengharapkan supaya Kerajaan mengambil tindakan. Selain daripada kita memikirkan masalah keuntungan, tetapi kita perlu memikirkan kepentingan rakyat keseluruhannya kerana mereka mahukan juga perkhidmatan telefon ini diberikan kepada mereka.

Saya rasa itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.45ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi dan juga Maran yang telah bangun untuk merujuk kepada peruntukan Kementerian Tenaga, Telekom dan

Pos dan juga untuk memberi pandangan dan cadangan supaya dapat dipertimbangkan seterusnya.

Saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi mengenai cadangannya supaya tarif telefon diturunkan sebanyak separuh. Beliau mengatakan bahawa kemudahan telefon adalah satu kemudahan yang perlu untuk masyarakat seperti yang ada di Malaysia ini dan untuk membawa masyarakat Malaysia kepada satu taraf yang lebih maju lagi berdasarkan kepada perkembangan teknologi umum dan juga untuk meletakkan negara kita pada tahap kemajuan yang setanding dengan perkembangan yang ada dalam bidang maklumat.

Tuan Pengerusi, saya juga sedia maklum bahawa dari segi nisbahnya ialah lebih kurang 6 ataupun 7 setiap 100 keluarga di Malaysia ini yang ada bekalan telefon. Ini merupakan satu nisbah yang rendah jika dibandingkan dengan negara-negara yang maju di Eropah dan sebagainya. Saya berpendapat bahawa dalam soal meluaskan lagi bekalan telefon untuk masyarakat Malaysia ini maka caranya ialah dengan menyerahkan tugas tersebut kepada pihak swasta dalam bentuk syarikat Telekom Malaysia supaya ianya dapat bergerak dan bertindak dengan sewajarnya berdasarkan kepada perancangan dan juga apa jua projek yang dapat dilaksanakan oleh syarikat tersebut. Walaupun begitu, syarikat itu juga patut mengambil kira tentang apa yang perlu dilaburkan pada kadar dan jumlah yang besar terutama sekali untuk membuat pelaburan modal di merata negara kita ini yang boleh menjangkau kepada masyarakat bandar dan juga luar bandar sama ada dari segi talian ataupun dari segi exchange, dengan izin.

Tuan Pengerusi, saya ingin maktumkan kepada Yang Berhormat dari Sungai Besi dan juga

Dewan ini bahawa Syarikat Telekom Malaysia adalah satu perbadanan yang mewarisi tanggungjawab tersebut dan juga selain daripada itu hutang-hutang yang agak begitu banyak dari Jabatan Telekom Malaysia yang mendahului syarikat ini, dan terpaksa juga membuat pelaburan modal yang lebih banyak lagi. Oleh yang demikian, kalau sekiranya untuk diminta supaya syarikat tersebut mengurangkan tarif sebanyak separuh, mungkin satu harapan yang begitu tinggi sekali yang boleh dibuat oleh sesiapa terhadap syarikat tersebut. Walaupun begitu, pihak Kementerian telah pun meminta Syarikat Telekom Malaysia supaya menimbang semula tentang bayaran sewaan telefon di luar bandar yang terpaksa dikira berdasarkan kepada beberapa jauh telefon tersebut daripada exchange. Kita mengira bahawa jika sekiranya telefon yang dibekalkan adalah dalam lingkungan 4 kilometer, maka bayaran sewanya ialah \$20 dan kalau sekiranya melebihi 4 kilometer, maka setiap setengah kilometer ditambah 40 sen. Jadi, kalau sekiranya jarak yang begitu jauh, maka terpaksa mereka yang menyewa telefon membayar pada kadar sewa yang begitu tinggi, dan biasanya ini terpaksa ditanggung oleh masyarakat luar bandar kerana rumah mereka adalah jauh daripada exchange.

Apa yang sedang dibincangkan hingga kini ialah untuk mengurangkan beban sewaan tersebut. Kita mengharap satu hari nanti supaya dapat persetujuan daripada pihak Syarikat Telekom Malaysia supaya mengurangkan sewa. Itu adalah satu usaha yang sedang dibuat untuk meringankan sekurang-kurangnya sewa telefon di luar bandar. Kalau sekiranya satu hari nanti apabila penggunaan telefon adalah meluas dari segi bilangannya dari segi nilainya dan dari segi economies of scale yang dapat dinikmati oleh utility atau perkhidmatan ini mungkin satu hari nanti kita akan dapat mengurangkan

tarif. Hingga kini belum ada lagi cadangan untuk kita mengkaji semula tarif telefon oleh pihak Syarikat Telekom Malaysia. Ada yang dinikmati sekarang adalah warisan daripada apa yang dikenakan oleh pihak Jabatan Telekom Malaysia.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi mengenai pasukan ronda untuk memperbaiki telefon awam yang rosak. Saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang menyedari bahawa ada kalanya telefon awam itu rosak kerana kurangnya kerjasama daripada masyarakat awam. Kadangkala ianya adalah rosak kerana perbuatan yang tidak sihat oleh setengah daripada ahli masyarakat. Ini bukanlah satu perkara yang direka-reka. Sebenarnya ini adalah satu masalah yang agak meluas. Oieh yang demikian, saya menyerulah kepada setiap daripada kita yang merasakan tanggungjawab terhadap perkara ini sama ada untuk meningkatkan lagi rasa civic-mindedness, dengan izin, masyarakat Malaysia pada keseluruhannya supaya bahkan sahaja telefon awam dapat terpelihara, bahkan apa jua perkhidmatan awam yang dibekalkan untuk masyarakat dipelihara kerana kita sama-sama menjaga kemudahan tersebut, untuk masyarakat keseluruhannya.

Walaupun begitu, saya menerima kemungkinan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa ada kerosakan kerana masalah teknikal yang perlu diambil tindakan yang sewajarnya. Saya menjangkakan bahawa apabila sistem komputer untuk mengesan kerosakan diwujudkan nanti di kawasan-kawasan yang akan dibekalkan sistem komputer iaitu dipanggil sistem "CASS", mungkin satu hari nanti telefon awam yang rosak akan dapat dikesan dengan serta-merta dengan adanya sistem komputer. Saya ingin maklumkan kepada Dewan ini bahawa

sistem "CASS" telahpun dibekalkan di sekitar Kuala Lumpur dan Subang Jaya untuk mengesan setiap maklumat mengenai sesuatu telefon yang dibekalkan kepada pengguna, termasuklah sama ada telefon itu rosak ataupun tidak. Kalau demikian, maka bermakna bahawa tidak perlu satu pasukan meronda pula. Ini adalah merupakan satu kemudahan teknologi maju yang sedang dirancang oleh pihak Syarikat Telekom Malaysia untuk dilaksanakan.

Saya ingin merujuk perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi mengenai monopoli membekalkan telefon awam di bandar-bandar. Seperti Ahli Yang Berhormat maklumkan bahawa lesen dikeluarkan untuk 15 tahun dan Ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa tidak sewajarnya dibenarkan monopoli untuk bergerak dalam pasaran telefon awam di bandar. Saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat, tetapi Ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya di kawasan lain diberikan pula lesen kepada satu syarikat yang lain. Ini bermakna dalam satu kawasan tertentu ada monopoli, dan dalam kawasan yang lain ada juga monopoli. Maka Ahli Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi):
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Ahli dari Sungai Besi bangun.

Tuan Tan Kok Wai: Sebenarnya apa yang saya cadangkan itu ialah kontrak ini diberikan harus mengikut zon kepada beberapa syarikat supaya mereka dapat bertanding dan memastikan kepada pelanggan atau pengguna bahawa merekalah syarikat yang memperkenalkan perkhidmatan yang terbaik. Jadi, misalnya kalau kontrak ini diberikan kepada satu syarikat dan setelah kontrak itu habis tempoh misalnya setahun, kalau banyak aduan ada diterima daripada

orang ramai terhadap syarikat yang diberikan kontrak itu, Syarikat Telekom tidak perlu melayankan syarikat yang berkenaan itu pada masa yang akan datang.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, mengikut fahaman saya, kalau kita bagi-bagikan lesen mengikut zon, maka wujud monopoli dalam satu-satu zon yang dalam istilah ilmu ekonomi dikatakan "segmented market", dengan izin. Maka saya mencadangkan dalam Dewan ini, jika sekiranya ada syarikat-syarikat lain yang hendak memohon lesen untuk membekalkan telefon awam di bandar, sila majukan permohonan mereka kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos supaya dipertimbangkan—bukan sahaja Sapura Sdn Bhd.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, adakah kenyataan Yang Berhormat itu bermakna ada badan yang bebas untuk memprosesnya kerana mungkin dengan kaedah sekarang proses tender ini akan mirip kepada prejudis dan sebagainya?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, di Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos wujud Jabatan Telekom Malaysia. Tanggungjawabnya ialah untuk memastikan bahawa masyarakat Malaysia akan dilayan dengan seadil-adilnya dari segi bekalan telefon. Saya mengatakan di sini bahawa jika sekiranya ada pihak swasta yang lain hendak membekalkan telefon di bandar, permohonan mereka boleh dipertimbangkan.

Yang menjadi masalah, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat ialah lesen itu dikeluarkan kepada Syarikat Telekom Malaysia, kerana kita sedia maklum, dari segi taliannya dan dari segi exchangenya dikuasai dan dipegang oleh pihak Syarikat Telekom Malaysia, jadi kalau sekiranya permohonan dibuat selain

daripada Syarikat Telekom Malaysia, boleh kita timbangkan. Tetapi kita juga sedia maklum bahawa dalam kes Uniphone, mereka telah pun menanam modal sebegitu lama, mempunyai tenaga kerja yang mahir, yang terkumpul, pengalaman yang terhimpun sehingga kini untuk membekalkan telefon awam di bandar. Ini bermakna bahawa.

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya):

Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Yang Berhormat adakah itu syarat-syarat untuk mendapatkan tender daripada Jabatan Telekom iaitu "tender" untuk perkhidmatan telefon daripada Uniphone (Sdn) Bhd? Bukankah ada lain-lain tawaran dibuat dan bukannya lebih baik kita dengan secara umum memberikan tawaran kepada semua yang berminat?

Saya kesal tadi kerana Yang Berhormat menyatakan Uniphone sudah menanam modal, ada kakitangan yang cukup dan sebagainya. Itu bukanlah syarat untuk menimbang tawaran, bukan? Bukankah lebih baik syarat-syarat ini diumumkan melalui suratkhbar atau melalui TV/Radio kepada lain-lain orang yang berminat dan ditimbang. Tetapi sekarang ini kita terdapat monopoli, satu sahaja tawaran dibuat dan diterima iaitu Uniphone (Sdn) Bhd. Saya kesal cara yang dibuat sekarang ini.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Tuan Pengerusi, saya sebenarnya meluaskan cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi. Saya hendak mengatakan supaya tidak wujud monopoli dalam zon, bahkan saya mencadangkan adanya pertandingan dimerata. Kalau di satu tempat ada bekalan daripada Uniphone, mungkin ada bekalan daripada syarikat lain.

Saya mengatakan tentang pelaburan yang dibuat oleh Uniphone sekadarkan saya hendak mengatakan

bahawa syarikat lain mestilah sanggup juga melabur modal yang banyak untuk berupaya membekalkan telefon awam. Bukan saya mengatakan itu adalah syarat untuk diberi lesen. Yang dimaksudkan di sini bukan memberi tender, Tuan Pengerusi, tetapi ialah untuk memberi lesen kepada mana-mana juga pihak yang hendak membekalkan telefon awam. Tawaran masih tidak tertutup untuk dipertimbangkan.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Maran mengenai pondok telefon di luar bandar. Dalam ingatan saya yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah telefon untuk ke rumah, untuk penggunaan perseorangan, keluarga ataupun untuk pondok telefon di luar bandar.

Saya ingin menyebutkan dua tiga perkara berkaitan dengan saranan dan penjelasan yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Maran itu. Pertama, dalam lesen yang dikeluarkan kepada Syarikat Telekom Malaysia, maka termaktub di situ dalam lesen tersebut bahawa Syarikat Telekom Malaysia mestilah membekalkan telefon di luar bandar. Ini dikenakan syarat kepada mereka.

Yang keduanya, saya ingin menyebutkan di sini tentang prosedur untuk membekalkan telefon awam di luar bandar.

Yang Berhormat sedia maklum bahawa perkara ini perlu dibicarakan diperingkat daerah terlebih dahulu dan di sanaiah biasanya dibincangkan dengan Jawatankuasa Tindakan Daerah, selepas itu dirujuk kepada Pengurus Syarikat Telekom Malaysia di peringkat daerah untuk dikaji dari segi keperluan teknikalnya sama ada boleh atau tidak dan berapa kos yang perlu dibelanjakan untuk membekalkan telefon tersebut di tempat-tempat yang dimaksudkan.

Selepas itu, perkara itu dibawa ke peringkat negeri khususnya kepada Pegawai Pembangunan Negeri untuk dipertimbangkan daripada daerah-daerah. Kemudian daripada negeri ia akan dibawa ke peringkat Kementerian untuk disesuaikan dengan peruntukan tahunan daripada Syarikat Telekom Malaysia dan juga kemungkinan membekalkan telefon-telefon tersebut. Ini prosedur yang digunakan untuk menentukan bekalan pondok telefon luar bandar untuk satu-satu tahun.

Perkara yang ketiga, yang hendak saya tekankan di sini, Tuan Pengerusi, ialah mengenai keperluan teknikal. Kita perlu maklum bahawa untuk membekalkan telefon ke luar bandar dia memerlukan talian-talian dan talian-talian di sini bermakna bahawa terpaksa ditanam atau digantung talian-talian tersebut. Kalau sekiranya ia terlalu jauh maka perlu pula diwujudkan exchangenya dan kalau sekiranya talian itu tidak ada, sambungannya tidak ada, exchangenya terlalu jauh maka boleh juga dibuat tetapi pada kos yang terlalu tinggi untuk satu-satu tempat. Kalau begitulah caranya maka tidak mungkin dibekalkan telefon di tempat tersebut. Tetapi teknologi yang lain yang boleh digunakan ialah teknologi yang tidak memerlukan sambungan dalam bentuk talian ataupun kabel. Walaupun begitu kosnya adalah amat tinggi dan ianya terpaksa diletakkan atau dipilih pada tempat-tempat yang paling wajar kerana kosnya untuk satu unit adalah begitu besar dan biasanya kita merujuk kepada saranan yang dibuat oleh pihak negeri untuk meletakkan teknologi yang bukan menggunakan talian ataupun kabet.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini saya menyambut pandangan Ahli Yang Berhormat dari Maran yang mengatakan bahawa perkiraan untung-rugi sepatutnya tidak menjadi perkiraan utama untuk menentukan sama ada talian telefon itu hendak

disampaikan ke kampung atau tidak. Inilah satu sebabnya mengapa syarat ini dikenakan dalam lesen Syarikat Telekom Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat ini perlu diwajibkan kerana kita maklum kalau hendak dibekalkan telefon ke luar bandar ianya memang merugikan. Ini mewujudkan satu subsidi bersilang (cross subsidy) yang terpaksa ditanggung oleh pihak Syarikat Telekom Malaysia untuk memastikan bahawa bekalan telefon sampai ke luar bandar.

Jadi, Tuan Pengerusi, dalam soal telefon-telefon luar bandar ini, saya memberi jaminan di sini bahawa Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos akan sentiasa peka dan mengesan supaya pondok telefon dan telefon bagi kegunaan perseorangan akan diperluaskan dari masa ke semasa. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$41,999,100 untuk Maksud B.49 dan \$10 untuk Maksud B.50 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$41,999,100 untuk Maksud B.49 dan \$10 untuk Maksud B.50 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$28,612,850 yang disebutkan dalam Maksud P.49 dan \$10 untuk Maksud P.50 dalam Anggaran Pembangunan, 1989 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$28,612,850 untuk Maksud P.49 dan \$10 untuk Maksud P.50 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1989.

Maksud B.51 (Jadual)—

Maksud P.51 (Anggaran Pembangunan, 1989)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, kepala Bekalan B.51 dan kepala Pembangunan P.51 di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Padang Terap.

6.05ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 223, di bawah Kepala B. 51, Butiran 010000, Program 010200—Perancangan dan Pembangunan; dan juga Butiran 020000, Program 020100—Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak, sekali untuk diperbincangkan—kedua-dua Butiran sekali, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya kurang puas hati dengan perancangan dan pembangunan khususnya di dalam perkhidmatan keluarga dan bantuan untuk keluarga dan kanak-kanak yang sedang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat di masa kini. Dalam perhatian saya kebanyakan pertimbangan-pertimbangan dan keputusan yang dibuat untuk diberi bantuan kepada peminta-peminta bantuan adalah berasaskan kepada pertimbangan yang arbitrary. Terdapat orang-orang yang daif, yang uzur, yang mendapat bantuan \$50 sebulan sekonyong-konyongnya diberhentikan bantuan itu tanpa sebab, dan kebanyakan orang-orang ini terkandas ataupun tertinggal tanpa bantuan daripada sesiapa pun dan lebih-lebih lagi perkara ini menjadi serius apabila kampung ataupun kawasan di tempat

mereka tinggal itu adalah kawasan yang miskin. Kalau di kawasan yang kaya seperti di kawasan bandar ataupun di kawasan sub-bandar (sub-urban) ataupun di kawasan perkampungan yang lebih maju dan kaya, kebanyakan beban membantu orang-orang yang daif dipikul sama oleh masyarakat di situ dan Jabatan Kebajikan Masyarakat hanya menambah ataupun tidak perlu menambah bila sampai masa-masa yang tertentu apabila masyarakat di situ dapat membantu sendiri.

Tetapi apa yang saya musykil, Tuan Pengerusi, ialah perkara ini berlaku di kawasan yang miskin yang mana masyarakat sekeliling pun miskin. Boleh dikatakan 95% masyarakat di situ adalah kais pagi makan pagi. Jadi sesiapa yang uzur dan sesiapa yang daif perlu bergantung, boleh dikatakan pergantungan yang banyak, kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membantunya terus hidup ataupun membantunya sehingga masa orang-orang ini dapat mencari ataupun berdikari.

Di sini, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya mengambil perhatian kepada soal kemiskinan ini dengan lebih serius. Misalannya Jabatan Kebajikan Masyarakat—kalau sudah ada, tidak apalah. Tetapi saya hendak mencadangkan di sini supaya satu profail kemiskinan diwujudkan di dalam perancangan Jabatan mi.

Jadi dalam profail kemiskinan ini satu perkara yang penting, yang perlu diambil kira ialah apakah yang menyebabkan kemiskinan ini. Jadi, banyak faktor-faktor yang menyebabkan seseorang manusia itu miskin:

- (a) disebabkan oleh kemerosotan ekonomi yang disebabkan pula oleh keadaan di sekeliling. Misalnya kilang, estet ataupun tempat-tempat dia bekerja telah

ditutup oleh sebab kemerosotan ekonomi dunia ataupun ekonomi negara yang dia tidak mempunyai pengaruh. Yang kedua, mungkin kemiskinannya disebabkan oleh kemarau, oleh banjir yang melanda ataupun oleh keadaan-keadaan alam.

- (b) Tuan Pengerusi, menengok apakah bentuk kemiskinan itu.

Di dalam profail itu bentuk kemiskinan ini penting kerana apa yang menyebabkan kemiskinan yang saya sebutkan tadi, kemungkinan melanjutkan kemiskinan itu terus menerus. Tetapi setengahnya, misalnya banjirkah, kemaraukah, kemiskinan itu berlaku setakat bencana alam itu berlaku sahaja. Jadi di sini kita perlu melihat apakah bentuk kemiskinan itu. Misalannya dia tiada pekerjaan untuk menyara keluarganya terus menerus oleh sebab estet ditutup ataupun dijual kepada orang-orang lain di dalam fragmentation of estates. Kedua, dia tua dan uzur dan tidak boleh bekerja dan yang ketiga, cacat disebabkan oleh kemungkinan kemalangan, disebabkan oleh kemungkinan sakit dan lain-lain lagi. Perkara yang ketiga, di dalam masalah profail kemiskinan ini, ialah akibat dari kemiskinan ini:

- (i) menyebabkan ketiadaan keupayaan mendapatkan kemudahan hidup yang asas, misalnya rumah, pakaian, belanja untuk makan harian dan untuk membiayai anak-anak bersekolah; dan
- (ii) ketiadaan zat-zat makanan yang penting untuk hidup terus.

Kalau Jabatan Kebajikan Masyarakat mengambil profail kemiskinan seseorang itu bukan pada dia sebagai in vacuum, dengan izin, dia sebagai miskin di dalam keadaan masyarakat yang bagaimana, keadaan ekonomi yang bagaimana, saya fikir perkara yang dilakukan setakat ini iaitu keputusan ataupun tindakan-tindakan

yang diambil oleh jabatan memutuskan bantuannya tidak menjadi arbitrary kerana kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen meminta saya memberikan contohnya, saya boleh menyebut banyak contoh di kawasan saya di Padang Terap yang mana kampung itu sendiri miskin, gersang, kampung itu tidak ada hasil ekonomi yang lumayan.

Ada orang yang tua yang berumur 70 tahun yang tidak dapat hidup sempurna dan masyarakat sekeliling tidak mampu hendak membela atau menolong dia sekalipun, tetapi dengan sekonyong-konyong Jabatan Kebajikan Masyarakat memberhentikan bantuan \$50 sebulan yang diberikannya selama dua tahun dengan tanpa sebab. Maka terjejaslah kehidupan orang ini sehingga mereka terpaksa meminta bantuan daripada Wakil Rakyat. Wakil Rakyat pun tidaklah dapat memberi \$50 sebulan. Ini satu misalan. Banyak lagi contoh-contoh yang dapat disebutkan. Saya harap perkara ini akan dapat diambil perhatian secara serius oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya tidak berlaku soal arbitrariness di dalam membuat tindakan untuk memutuskan bantuan kepada orang-orang yang perlu dibantu. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

6.23 ptg.

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 223, Program Perkhidmatan Pencegahan dan Pemulihan, Butiran 020200—Perkhidmatan Orang Cacat.

Tuan Pengerusi, aktiviti perkhidmatan pemulihan orang cacat bertujuan untuk menolong orang-orang cacat berdikari dan seterusnya menolong mereka mencapai tahap yang maksima dalam semua lapangan hidup sosial dengan kebolehan dan

keupayaan mereka. Tetapi saya kesal angka pendaftaran orang cacat pada tiap-tiap tahun hanya satu angka kecil sahaja. Misalnya dalam tahun 1987, pendaftaran orang buta hanya 1,189; tahun 1988—1,415 orang sahaja. Mereka yang dimasukkan kepada institusi atau sekolah khas atau yang diberi bantuan kelas cantuman dan lain-lain kemudahan, angka mereka ialah lebih kecil.

Saya mencadangkan lebih baik semua yang ingin mendapat tempat dalam institusi atau kelas atau apa juga bantuan orang cacat diberi peluang secara iklan dalam suratkhbar, TV, dan radio di mana mereka diberi alamat atau nombor-nombor telefon di mana mereka boleh mendaftarkan anak atau saudara mereka. Dari pengalaman saya sebagai seorang Wakil Rakyat, saya dapati banyak kes di mana ada orang yang cacat anggota, buta atau terancat akal, ibubapa dan saudara mereka berjumpa dengan saya dan mengatakan mereka telah cuba beberapa kali mendaftarkan anak atau saudara mereka di tempat-tempat seperti Cheshire Home, Spastic Centre dan Blind Association, tetapi mereka mendapat kesulitan dan tidak dapat bantuan. Mereka telah meminta dengan menulis surat dan mendapat recommendation dan menjalani pemeriksaan doktor-doktor dan pakar-pakar. Inilah semua kesulitan dan halangan untuk mereka yang sudah mengalami cacat anggota atau akal. Saya harap Kementerian Kebajikan Masyarakat akan membuat kemudahan kepada mereka yang memerlukan bantuan yang disalurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Saya merujuk kepada satu kes yang dibawa kepada tangan saya iaitu seorang yang baru dikenali oleh saya. Dia sudah dapat kerja tetapi kena tunggu tiga tahun untuk menjalankan kerja itu. Dia ditempatkan di satu kilang elektronik tetapi tidak lama dia dibuang kerja kerana kilang ini mengalami kemerosotan ekonomi.

Buat masa ini dia duduk dalam sebuah asrama orang cacat di mana dia perlu membayar \$30 setiap bulan. Setelah dibuang "kerja, dua tiga tahun dia jumpa Pegawai-pegawai Penempatan Kerja tetapi tidak dapat peluang untuk ditempatkan semula. Jadi dia berhutang sewa setahun atau dua tahun, dia tunggu-tunggu dan lama-lama dia tidak mampu membayar dan sekarang dia terpaksa dikeluarkan daripada asrama itu. Bukan dia tidak mahu bekerja, dia sudah mohon dari Pegawai-pegawai Penempatan Kerja tetapi tidak dapat. Dia sendiri buta, jadi macatn mana dia hendak pergi sendiri ke mana-mana untuk meminta kerja. Jadi dia tidak dapat kerja.

Sekarang saya diberitahu bahawa pegawai yang menyelia kesnya ada mempunyai banyak aktiviti dalam sukan dan dalam anjuran lain-lain aktiviti, tetapi bukan dalam menjalankan tugasnya iaitu tugas untuk menempatkan orang-orang cacat di dalam pekerjaan. Pegawai tersebut ini dia mempunyai masa untuk pergi ke Sukan Olympics di Korea, Pra-Olympic selama satu dua bulan dan tugasnya tidak diganti dengan orang lain. Sekarang orang buta ini yang telah pun dikeluarkan dari asrama ini, jika dia hendak mendapatkan balik tempat itu, terpaksa dia membayar sewa lebih kurang \$1,000. Inilah satu misalan di mana seorang buta yang suka bekerja tetapi tidak dapat. Barangkali latihannya tidak cukup. Inilah satu lagi kelemahan sistem kita.

Saya diberitahu bahawa Institusi-institusi Orang Buta sekarang memberi latihan yang "out-dated", "out-moded", yang tidak guna, yang tidak perlu seperti "basketry". Siapa hendak membeli bakul-bakul sekarang? Sekarang ada barang plastik dan lain-lain. Siapa yang hendak "basket" sekarang? "Basketry", apa guna? Mereka juga dilatih sebagai "carpenter", bagaimana dia hendak mencari paku (nail) dan mengetuk paku itu? Susah juga. "Carpentry"

apalah gunanya sekarang sebab kita beli barang-barang yang datangnya sebagai "module" atau yang sudah siap sedia.

Lagi satu ialah "telephony" iaitu telefon-telefon. Kita sekarang menggunakan "automatic exchanges" tetapi mereka diberi latihan bukan secara moden, tetapi secara lama. Selepas latihan itu bagaimana dia hendak mendapatkan kerja dengan syarikat-syarikat yang seringkali maju dengan "modern developments" di mana mereka memakai "automatic exchange" atau "computerised exchange".

Saya cadangkan kepada pihak-pihak berkenaan lebih baik kita beri latihan yang bersesuaian dengan masa moden, iaitu beri latihan dalam bidang seperti "computerised telephone" atau "automatic exchange", bukan basketry.

Saya juga diberitahu kebanyakan institusi orang cacat bertumpu aktiviti mereka kepada aktiviti sukan, aktiviti fizikal. Saya dapat aduan dari mereka yang diberi aktiviti fizikal atau aktiviti sukan, mengatakan, "Kita harap hendak berdikari, harap mampu dapat kerja tetapi sukan lebih, apa guna? Aktiviti-aktiviti lain apa guna? Lebih baik berilah aktiviti yang membolehkan kita dapat satu kerja yang sesuai". Kata mereka, "The stomach is more important than games". Dia tak suka games, dia suka satu latihan di mana dia boleh dapat penuhkan, isikan perut mereka.

Lagi satu di mana saya minta pertolongan dari pihak-pihak berkuasa, iaitu "housing" untuk orang-orang cacat. Tadi saya sudah kata ada beberapa orang dapat peluang duduk dalam asrama, tetapi bagi merekayang tak dapat tempat asrama, di mana mereka hendak duduk? Mereka yang mampu dapat kerja tetapi tak dapat tempat duduk, mereka hendak sewa "public housing" seperti dekat "electronic factories" dalam P.J., rumah-rumah yang berdekatan tetapi

sewa bagi satu bilik ialah \$150 atau \$200 sebulan, jadi macam mana mereka mampu bayar sewa? Kalau minta "low-cost housing", mahu kahwin dahulu. Orang cacat mahu kahwin dahulu baru mahu minta "low cost housing". Nombor satu, hendak kahwin pun susah. Lain kali lain syarat, kata hendak \$500. \$700 baru mampu bayar instalments "on the low-cost housing". Inilah bukan satu "problem" yang orang cacat, bukan dengan sukahati dapat cacat tetapi sudah dapat cacat, tak dapat latihan. Yang mereka dapat latihan, dapat kerja, tak dapat housing. Mereka minta, dikenakan syarat mahu kahwin dahulu, mahu ada anak 1-2 dahulu. Macam mana mereka hendak dapat kahwin dahulu, orang buta sudah susah hendak dapat orang peminat.

Saya harap masalah-masalah yang saya timbulkan ini dapatlah pertimbangan yang sewajarnya dan saya harap masyarakat orang cacat diberi lebih perhatian oleh semua pihak-pihak berkuasa dan juga oleh masyarakat majikan-majikan. Kita harap orang-orang cacat diberi pertolongan, diberi bantuan supaya mereka dapat hidup berdikari dan juga seterusnya menolong ekonomi dan kemajuan negara kita.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Sungai Besi.

6.25 *ptg.*

Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 223, Butiran 020200 Perkhidmatan Orang Cacat juga.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyeru Kerajaan supaya memperkenalkan undang-undang untuk melindungi orang-orang cacat dengan tujuan untuk melindungi hak mereka sebagai warganegara dalam bidang-bidang pendidikan, pekerjaan, perumahan, pengangkutan, kemudahan awam dan lain-lain. Saya merasa bahawa apa

yang Kerajaan telah berbuat untuk orang-orang cacat setakat ini begitu kecil dan lembab. Sebenarnya banyak masalah yang dihadapi oleh orang cacat telah dilupakan selama ini. Barangkali itulah sebabnya pemikiran yang lama menjiwai kita terhadap orang cacat telah menyebabkan Kerajaan dan orang ramai merasa orang-orang cacat hanya patut tinggal di rumah atau dalam rumah kebajikan sahaja. Tidak ada percubaan penting telah dibuat untuk meringankan masalah orang-orang cacat dan dalam masyarakat. Saya berharap Kerajaan patut memperbetulkan sikap negatif ini terhadap orang-orang cacat. Jika Kerajaan berfikir bahawa untuk membelanjakan wang bagi orang cacat yang merupakan hanya satu jumlah kecil sahaja dalatn jumlah penduduk negara adalah tidak bijak berbuat demikian dari sudut ekonomi, maka ia merupakan satu yang malang dan tidak patut.

Saya ingin menyeru dan mengingatkan semula Kerajaan bahawa orang-orang cacat bukanlah sekumpulan orang yang tidak berguna kepada masyarakat. Mereka boleh menjadi warganegara yang berguna yang boleh menyumbang kemajuan negara. Izinkan saya berkata di sini: "Kecacatan bukanlah satu dosa, tetapi kurang bernasib baik sahaja". Adalah satu tanggungjawab Kerajaan memberi perhatian mengenai masalah kebajikan mereka, pendidikan, pekerjaan dan lain-lain. Apa yang orang cacat pinta ialah bukan hak istimewa, tetapi kesaksamaan dalam sebuah masyarakat yang mana setiap orang adalah sama dan penting.

Tuan Pengerusi, saya juga suka mengingatkan Kerajaan supaya jangan lupa semasa menyambut Tahun Antarabangsa bagi Orang-orang Cacat, 1981 anjuran Bangsa-bangsa Bersatu, Bangsa-bangsa Bersatu telah menyeru ahli-ahli supaya memberi peluang bagi orang-orang cacat dalam negara masing-masing untuk

memainkan peranan penyertaan yang lebih besar dalam pembangunan negara dan masyarakat mereka. Ini bermakna bahawa orang cacat terpaksa diberikan peluang dan hak mereka untuk membangunkan kebolehan dan potensi mereka sepenuh kemampuan. Bangsa-bangsa Bersatu juga merujuk kepada Piagam Hak Asasi Manusia yang ditandatangani oleh negara-negara anggota. Menerusi Piagam ini, negara-negara di dunia berjanji untuk menghormati semua manusia dalam negara masing-masing dengan memberi layanan yang adil, penuh hormat tanpa mengira kaum, warna kulit, kepercayaan atau agama. Orang cacat seperti kaum-kaum minority dan masyarakat minority tentulah bukan kumpulan yang memberikan taedah dan hak mereka perlu diberikan perhatian jika mereka ingin maju bersama-sama dengan masyarakat lainnya.

Berbalik kepada perkara ini, inilah masanya bagi kita mempunyai satu set undang-undang yang baik meliputi semua hat yang berkaitan dengan pendidikan, latihan, vokasional, pekerjaan, perumahan, pengangkutan, pembangunan awam dan galakan cukai dan lain-lain sekarang. Seruan ini dibuat selaras dengan usaha membantu orang cacat seperti manusia sihat dan biasa lainnya bagi membolehkan mereka menikmati hasil pembangunan dan kemajuan masyarakat.

Mengenai pendidikan, beberapa buah sekolah telah dibuka untuk orang buta, pekak dan terencat akal dan ini tidak mencukupi untuk menampung keperluan bilangan orang cacat yang ramai. Saya mencadangkan sekolah-sekolah seumpama ini ditubuhkan dalam setiap negeri. Bagi kecacatan anggota, walaupun mereka tidak memerlukan sekolah khas dan latihan khas, tetapi sekolah-sekolah mereka patut dilengkapi dengan kemudahan yang mencukupi seperti

memberikan mereka bilik darjah di tingkat bawah, anak tangga ditukarkan menjadi tangga curam dan licin, tempat-tempat pemegang yang diletakkan di dinding bilik air dan sebagainya. Peluang-peluang pelajaran bagi orang cacat hendaklah diperluaskan. Adalah mendukacitakan dinyatakan di sini, setengah-setengah universiti pernah menolak tawaran tempat bagi pelajar-pelajar buta yang layak. Bagi cacat penglihatan, terdapat hanya 5 buah institusi yang memberikan latihan vokasional. Jika dikumpulkan, mereka hanya menempatkan lebih kurang 400 pelatih yang dianggap jumlah kecil yang memalukan berbanding besarnya masalah ini.

Mengenai pekerjaan pula, adalah sangat sukar bagi seseorang cacat untuk mencari pekerjaan. Sikap negatif yang terdapat dalam jiwa masyarakat dengan memandang rendah orang-orang cacat dan enggan mengambil mereka bekerja masih berakar lagi. Inilah sebab mengapa ramai orang cacat melakukan kerja-kerja seperti operator telefon dan atendan lif. Saya berpendapat bahawa haruslah diadakan satu undang-undang untuk mengarahkan setengah-setengah syarikat swasta patut memperuntukkan kuota pekerjaan untuk orang-orang cacat. Bagi syarikat-syarikat swasta yang mengambil pekerja orang cacat sebagai sebahagian tenaga pekerja mereka, Kerajaan patut memberikan mereka pengurangan cukai khas atau insentif yang lain. Tentulah sebagai majikan yang terbesar di negara ini Kerajaan patut menjadi contoh untuk memberikan seberapa banyak kerja yang boleh dalam perkhidmatan awam bagi orang-orang cacat.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Di samping itu perlulah juga pengecualian cukai diberikan ke atas pendapatan orang cacat.

Mengenai perumahan perumahan awam, reka bentuk rumah dan bangunan awam tidak mengambil kira keadaan orang-orang cacat. Akibat kekurangan kemudahan ini kebanyakan bangunan ini tidak mudah sampai kepada orang cacat. Memandangkan hakikat bahawa kesemua orang cacat adalah golongan berpendapatan rendah, maka pendapatan mereka hanya membolehkan mereka membeli rumah-rumah kos rendah. Saya harap patut ada peruntukan beberapa unit rumah kos rendah yang dilengkapkan dengan kemudahan khusus bagi orang cacat dalam semua projek perumahan oleh Kerajaan atau pemaju swasta. Bagi rumah pangsa berbilang tingkat, rumah-rumah yang diperuntukkan bagi orang cacat hendaklah di'tingkat bawah bagi kemudahan mereka. Orang-orang cacat hendaklah juga diberikan kadar faedah yang rendah ke atas permohonan pinjaman perumahan.

Mengenai pengangkutan awam, reka bentuk jalan hendaklah mempunyai kemudahan dan keselamatan bagi orang-orang cacat. Teksi-teksi tidak patut menolak penumpang-penumpang cacat kerana mereka sukar menaiki bas. Bayaran tambang teksi pada kadar tertentu patut diberikan kepada orang cacat.

Tuan Pengerusi, sebelum saya menutup ucapan, saya suka mengajukan dua cadangan seperti berikut:

- (i) Sepertimana yang dicadangkan oleh rakan saya dari Petaling Jaya, adalah periu bagi Kementerian Kebajikan Masyarakat menjalankan pendaftaran wajib semua orang cacat dan kempen-kempen pendaftaran ini patut diperluaskan dengan publisiti yang lebih berkesan, sebab tanpa data yang komprehensif adalah sukar bagi merumuskan program

yang dirangka untuk menyerapkan orang-orang cacat ke dalam kancah masyarakat.

- (ii) Terdapat sesuatu keperluan, usaha bersepadu Kerajaan untuk mendidik orang ramai dengan tujuan untuk memecahkan tembok kelaian, prasangka dan sikap negatif. Saluran penting tentulah media massa. Satu lagi saluran ialah sekolah-sekolah. Guru-guru patut memasukkan ke dalam pengajaran mereka kesedaran membantu dan mengambil tahu orang cacat.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Maran.

6.34 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada muka surat 223, program 020200—Perkhidmatan Orang Cacat.

Saya hanya ingin menyatakan di sini bahawa kalau kita melihat kepada pendaftaran orang cacat dari setahun ke setahun adalah bertambah walau apa cara, sama ada kita mendaftar dengan iklan ataupun kita mendaftar secara mendapatkan maklumat daripada ketua-ketua kampung ataupun sebagainya. Tetapi apabila kita melihat kepada tempat-tempat institusi yang kita letakkan mereka seperti orang buta, cacat anggota, pekak dan sebagainya, tidak begitu ramai. Apakah sebabnya kita tidak mengambil mereka lebih ramai untuk mengikuti kursus-kursus yang tertentu di institusi-institusi yang berkenaan. Kalau sekiranya kita tidak cukup tempat maka perlulah kita menambah lagi institusi bagi menentukan mereka mendapat latihan.

Kedua, saya ingin merujuk kepada Menteri yang berkenaan di mana

dahulu pernah dinyatakan bahawa orang-orang cacat ini akan juga diletakkan di rancangan-rancangan FELDA. Jadi, saya ingin bertanya, setakat ini berapa ramai mereka yang telah ditempatkan di rancangan-rancangan FELDA. Saya merasakan munasabah kalau mereka ini diletakkan di rancangan FELDA, terutama sekali rancangan FELDA yang merupakan tanaman getah. Mereka boleh tinggal di sana, keluarga mereka pun boleh tinggal di sana, sekiranya mereka telah berumah tangga. Kemudian getah itu boleh diusahakan oleh orang lain, mereka akan mendapat pendapatan yang bersih dan Kerajaan boleh menguruskan sentiasa penanaman getah mereka ini dari semasa ke semasa. Dengan dapat kita menempatkan mereka ini bererti kita boleh menjamin kehidupan mereka dari semasa ke semasa.

Saya ingin menyarankan di sini supaya ditempatkan mereka di rancangan ini, janganlah memilih mereka yang berkahwin sahaja. Sebagaimana yang dinyatakan oleh setengah-setengah Yang Berhormat tadi, memang sukar bagi mereka mencari jodoh pertemuan bagi orang cacat. Jadi, bagi menyenangkan mereka, kita tinggalkan mereka di rancangan sehingga akhir hayat mereka, kita berikan pendapatan yang tetap melalui penorehan getah dan sebagainya dari semasa ke semasa. Kalau ini Kerajaan dapat laksanakan sudah barang tentu kita boleh menolong mereka dengan jaya sekali.

Ketiga, ingin saya bertanya, di dalam kita memberikan latihan vokasional kepada mereka ini, setakat mana kejayaan mereka telah mengikuti kelas vokasional ini sama ada mereka boleh berusaha sendiri ataupun bekerja dengan Kerajaan ataupun swasta. Saya minta Kementerian berkenaan memberikan penjelasan setakat mana kejayaannya.

Saya juga ingin merujuk kepada mukasurat yang sama program 020300—Perkhidmatan Akhlak. Memanglah sukar bagi kita menentukan mereka yang keluar daripada Pusat Pemulihan Akhlak mereka terus menjadi baik, kadangkala kita mengambil mereka setelah mereka ditangkap semula oleh pihak berkuasa Kerajaan. Jadi, kalau dilihat di sini kemungkinan berlaku penambahan bilangan mereka. Jadi, kita juga telah memberikan mereka latihan-latihan. Setakat mana latihan-latihan yang kita berikan kepada mereka ini telah berkesan dan mereka boleh mendapatkan pekerjaan tertentu. Adakah kita tahu bilangan mereka, setelah kita meletakkan mereka di Institusi Pemulihan Akhlak, mereka telah kembali kepada kerja mereka yang asal atau kerja mereka yang kurang suci itu. Jadi kalau sekiranya mereka kembali semula, apakah sebabnya. Jadi itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Arau.

6.38 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, saya ingin sama-sama membahaskan Kementerian Kebajikan iaitu mula-mula sekali di muka surat 223, di bawah Butiran 020300—Perkhidmatan Akhlak. Tetapi tajuk yang saya hendak cakapkan ini, Tuan Pengerusi, tidak ada ditulis di sini. Saya sudah cari daripada semalam fasal ini—fasal rumah orang tua-tua. Saya rasa masuk di bawah Perkhidmatan Akhlak, sebab saya tengok di bawah buku Program Prestasi pun ini tidak dimasukkan ataupun mungkin ia dimasukkan di bawah Perancangan dan Pembangunan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat rasa ia masuk di bawah mana—Rumah Orang Tua-tua?

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, Rumah Orang Tua-tua.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui): Perkara itu dimasukkan di bawah Butiran 030100—Perkhidmatan Perkembangan Sosial.

Tuan Shahidan bin Kassim: Terima kasih, sebab ia tidak diberi tajuk dan di bawah program Prestasi pun tidak ada.

Tuan Pengerusi, kalau di negara-negara maju—negara kita pun maju, tetapi di negara termaju, Kementerian Kebajikan Masyarakat ini adalah merupakan Kementerian yang penting kerana ia merupakan Kementerian yang membantu orang-orang yang tidak bekerja. Jadi, mereka mendapat bantuan sosial dan juga kebajikan daripada pihak Kerajaan. Tetapi di Malaysia, Kementerian ini, maaf cakaplah, seolah-olahnya Kementerian ini macam, kalau orang Perlis kata—"kemereh". Kemereh ini maknanya bawah sedikit daripada Kementerian-kementerian yang lain, seolah-olah macam ianya muncul apabila ada ribut dan tautan dan apabila ada banjir, seolah-olahnya bila ada malapetaka, muncullah Kementerian ini.

Kalau masa-masa yang lain kadangkadangkang dia timbul, kadangkadangkang tenggelam. Inilah peranan orang-orang politik—Menteri dan Setiausaha Parlimen—untuk menaikkan imej Kementerian ini dan minta lebih peruntukan kerana orang yang memerlukan bantuan di Malaysia ini cukup banyak. Oleh kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan menjawab, jadi saya harap dia akan ambil perhatian mengenai perkara ini.

Tuan Pengerusi, yang pertamanya mengenai Rumah Orang Tua ini saya selalu sebut kita semua ini orang tua, saya pun tua, Yang Berhormat pun tua—jadi bila kita sampai ke peringkat

tua, kita perlukan berehat, kita perlukan seolah-olah bila kita mati kita masuk syurga. Jadi, sebelum kita pergi ke tempat yang lebih indah, kita mesti singgah di tempat yang indah dahulu. Tetapi bila kita sebut Rumah Tua, seolah-olahnya kita berada di neraka dan kita cuma menunggu hari-hari kematian kita. Kita semua orang Islam ingin masuk syurga, demikian juga orang lain saya rasa inginkan keindahan. Jadi keadaan Rumah Orang Tua itu tidak sebagaimana yang diidam-idamkan.

Jadi, itulah saya cadangkan, Tuan Pengerusi, supaya sesuatu dibuat, ditegaskan betul-betul kepada EPU dan juga kepada pihak-pihak yang memberi kelulusan mengenai peruntukan ini, betapa pentingnya kita memberi perhatian kepada Rumah-rumah Orang Tua ini. Kita tidak kiralah apa bangsa sekalipun kerana walaupun berdasarkan norma-norma sosial yang ada sekarang ini kadang-kadang orang-orang Melayu, mereka tidak mahu menghantar ibu bapanya ke rumah-rumah tersebut dan kita dapati rumah-rumah ini kadang-kadangnya didiami oleh orang yang tiada keluarga, tetapi kita mesti tinggikan taraf, sebab kalau kita lihat—Yang Berhormat selalu ke luar negeri, selepas ini pun akan bercuti ke luar negeri, cuba lihat Rumah Orang Tua di negara-negara maju adalah merupakan tempat yang baik daripada apa yang kita lihat, tidak payah banding dengan kita, baik daripada apa yang mereka dapat semasa mereka muda.

Jadi semasa mereka muda, mereka telah carumkan kepada pihak Kerajaan ataupun pihak-pihak tertentu ataupun kalau di negara-negara yang maju, kepada pihak insurans. Jadi insurans ini akan jaminkan yang apabila mereka sampai ke umur yang mereka memerlukan jagaan, 65 atau 70 tahun, mereka masuk ke Rumah Orang Tua, masuk

ke tempat yang selesa, ke apartment-apartment yang betul-betul selesa untuk menanti masuk syurga, bukan di tempat-tempat yang merupakan separuhnya kurang baik ataupun tempat-tempat yang merupakan separuh neraka, yang merupakan hanya menanti hari-hari kematian.

Jadi, saya cadangkan kepada Kementerian ini buatlah sesuatu, janganlah jadikan Rumah-rumah Orang Tua ini ditadbirkan oleh pihak-pihak tertentu yang hanya menunggu bantuan daripada orang-orang ramai dan daripada Kerajaan untuk hendak tadbirkan Rumah Orang Tua tersebut. Orang-orang tua ini juga adalah rakyat Malaysia, mereka pernah memberi sumbangan ke atas pembangunan Malaysia, sumbangan dalam bentuk apa kita tidak kiralah, sekurang-kurangnya mereka telah hidup di bumi ini dan mereka juga perlu perlindungan di hari tua. Kita jangan ingat kita semua ini kerana kita muda kita lupa kepada mereka. Kita juga akan pergi ke jalan-jalan tersebut.

Jadi kita kesal sekali kepada Kementerian ini kerana sudah banyak kali kita timbulkan ini. Saya sudah 2 tahun lebih jadi Ahli Parlimen, inilah saya minta beri perhatian supaya mereka ini mendapat tempat yang selesa kerana saya tahu saya juga akan menghadapi hari tua dan kalau sekiranya saya menghadapi keadaan yang tersebut, saya rasa sedih sekali kerana apa yang kita perjuangkan di hari muda untuk bersenarig di hari tua, tiba-tiba kita dapat lain daripada perkara yang tersebut. Kadang-kadang orang berjuang di hari muda untuk cari senang di hari tua tetapi tiba-tiba nasibnya malang, dia tidak dapat apa yang diidamkan. Sekurang-kurangnya kita berilah tempat yang selesa sedikit, gunakanlah dengan apa cara sekalipun. Kita lihat banyak badan-badan sukarela di Mataysia ini yang dapat mengutip derma dengan begitu banyak tetapi kita lihat

pertubuhan-pertubuhan yang men-tadbir Rumah-rumah Orang Tua ini bukan tidak aktif tetapi tidak banyak mendapat sumbangan ataupun derma daripada orangramai oleh kerana publisitinya kurang, oleh kerana setelah tua mereka dilupakan.

Jadi, untuk memperingatkan mereka ini, memperingatkan rakyat Malaysia yang ada sekarang dan juga Kerajaan, terpulanglah kepada Kementerian ini untuk memastikan supaya Rumah-rumah Orang Tua ini diperbaiki, diperelekkkan sama seperti orang cacat. Jadi, sekurang-kurangnya bila rumah ini sudah elok, tempat mereka selesa, kadang-kadang kita lihat anak-anak yang tidak tahu mengenang budi, kadang-kadang dia tidak mahu melawat Rumah Orang Tua ini, dia malu dan sebagainya, tetapi mereka ini boleh disedarkan apabila tempat yang ibu bapa mereka duduk itu selesa dan sebagainya, sekurang-kurangnya mereka akan bekerja keras untuk sama-sama membantu supaya menjamin tempat ataupun Rumah Orang Tua ini sentiasa selesa.

Kemudian, yang keduanya, Tuan Pengerusi, di bawah Akhlak ini juga saya hendak sentuh, di bawah tajuk lain pun ada tetapi masuk di bawah Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis.

Saya hendak sentuh fasal wanita dan gadis yang saya dapati mengikut apa yang saya baca sebab saya tidak dapat peluang untuk melawat ke tempat-tempat yang macam ini. Kita baca dalam akhbar, gadis-gadis di bawah umur ditangkap di tempat-tempat pelacuran, tempat-tempat rumah urut, dimasukkan ke rumah memperbaiki akhlak.

Jadi, Tuan Pengerusi, masyarakat sekarang ini di dalam zaman moden ini kita jangan ingat bahawa yang kita tangkap itu sahaja yang rosak akhlak. Yang rosak akhlak ini ramai, cuma yang nasib malang itu kena tangkap, yang tidak kena tangkap lagi ramai.

Jadi apakah dengan membina rumah akhlak ini dan memberi didikan kepada mereka yang kita tangkap itu kita sudah puas hati, kita telah berjaya memperbaiki akhlak anak-anak gadis kita. Itu soalan saya, ataupun kita cuba fikir dengan lebih luas lagi yang rosak akhlak ini adakah kumpulan ini sahaja? Jadi, apakah cara yang boleh Kementerian ini terutamanya di bawah Perancangan dan Pembangunan di bawah Butiran 010200 yang peruntukannya \$413,000, apa dia hendak buat, saya tidak tahulah, terlampau sedikit sangat.

Cuba buat satu kajian, jangan cuma bila Menteri yang lepas sudah bina rumah akhlak, kita pun sambung, maintain, tiap-tiap tahun minta peruntukan. Ini tidak ada perubahan, tidak ada inovasi, tidak ada satu pembaharuan. Kita mesti fikir bahawa yang rosak akhlak ini bukan kumpulan ini sahaja, banyak, hendak sebut tidak payah, nanti banyak yang tersentuh, tetapi banyak. Yang Berhormat pun tahu, di mana-mana pun ada, cuma yang tidak bernasib baik ini, yang "low-class" ini kena tangkap, yang "high-class" sedikit tidak kena. Adakah yang "high-class" itu tidak rosak akhlak" Rosak juga akhlak.

Jadi, saya mintalah, saya rasa kejadian ini berlaku oleh kerana Kementerian ini tidak memikirkan sangat dari segi perancangan dan juga pembangunan, itu sebab dia minta \$413,000. Sejumlah \$413,000 ini sekali banjir di Perlis pun terbang duit ini, ini hendak merancang satu, dengan sebanyak \$413,000, Kementerian hendak rancang apa, hendak buat kajian pun tidak boleh. Jadi, sampailah masanya Kementerian ini memikirkan bahawa apa yang dibuat yang lepas itu difikirkan balik, betul atau tidak betul apa yang dibuat yang lepas.

Mungkin pada masa yang lepas, pada 10 tahun yang dahulu di mana rakyat Malaysia cuma 10-11 juta, mungkin pada masa tersebut orang yang rosak akhlak cuma orang yang

datang ke tempat ini, tetapi bila dengan adanya hotel-hotel besar, hotel-hotel 5 bintang, 6 bintang dan sebagainya, kita dapati banyak orang-orang yang terlibat sama seperti orang yang kita tangkap di "Belakang Mati" itu sama, tetapi bezanya mereka datang dengan kereta, orang tidak nampak sebab pakaianhya cantik, make-upnya lebih dan sebagainya, orang tidak nampak tetapi ini yang lebih teruk akhlnaknya, yang lebih rosak akhlnaknya. Yang kita tangkap di "Belakang Mati" itu dia betul-betul hendak cari makan, saya rasa akhlnaknya tidak rosak sebab dia hendak cari makan sekejap, lepas itu dia hendak berhenti. Tetapi yang ini betul-betul hendak berniaga, yang itu yang patut ditangkap dahulu, yang patut diperbaiki. Tetapi adakah Kementerian ini cuma berani pergi tangkap di kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi, rendah tadi, ataupun kerana tidak berani masuk ke tempat-tempat yang lebih menarik yang mana lebih banyak terdapat orang-orang yang rosak akhlak.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, kita juga mesti buat kajian, rosak akhlak ini apa dia? Kena buat kajian betul-betul, jangan main-main pukul rata sahaja, rosak Kerajaan kalau kita terus buat macam ini. Tiap-tiap tahun kita kata sudah perbaiki 50 orang yang rosak akhlak, itu tidak memadai, termasuk orang-orang yang saya sebutkan seperti penagih dadah dan sebagainya. Ini adalah satu kumpulan yang harus difikirkan oleh Kementerian ini habis-habisan, untuk memastikan bahawa kita mencapai matlamat untuk memperbaiki akhlak, terutamanya gadis-gadis, sebab kita lihat sekarang ini terlampau ramai orang yang rosak akhlak. Kemudian yang berikutnya, perkara ini sensitif, tetapi saya terpaksa sebut, inilah tempat yang boleh saya sebut, tempat lain kalau saya sebut saya kenalah.

Kita juga mesti masuk ke kawasan-kawasan perindustrian, kawasan

perkilangan elektronik dan sebagainya, pergi tengok tempat-tempat itu dan tengok di mana mereka duduk dan sebagainya, kemudian baru buat kajian. Jangan ingat orang yang pergi ke tempat-tempat rumah urut itu sahaja yang rosak akhlak, tetapi tempat-tempat mereka tinggal juga harus dilihat. Jangan tempat yang mereka tinggal ini kita beri pencegah maksiat, tempat-tempat ini kita pergi melawat. Jadi kita harus beri perhatian secara menyeluruh tutup sekejap asrama ini, selepas ini fikirkan dengan mendalam, lepas itu buka dengan lebih besar sebab ramai orang yang rosak akhlak ini, bukan sahaja di bawah umur, di atas umur pun saya rasa patut juga diberi perhatian, di bawah umur ini senang kita didik, yang di atas umur yang sudah jadi buluh itu bagaimana kita hendak buat? Mereka inilah yang kadang-kadang memberi galakan kepada anak-anak gadis.

Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bolehkah bercakap dalam 10 minit, kerana pada pukul 7.00 malam, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.53 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah (Lembah Pantai): Baik, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Saya mengambil bahagian sedikit mengenai Kementerian Kebajikan Masyarakat, Maksud B.51, muka surat 223 berhubung dengan Program 020100—Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak.

Saya rasa dalam ucapan dan perbahasan saya kemungkinan akan tepat pada Program ini nanti.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkhidmatan keluarga dan kanak-kanak terutama di pekan-pekan besar ini, iaitu yang kita lihat umpamanya di

Kuala Lumpur ini, banyak keluarga-keluarga yang memeralatkan anak-anak kecil mereka menjadi peminta sedekah terutama pada hari Jumaat, umpamanya di masjid-masjid yang ada di Kuala Lumpur ini, berderet-deret ibu-ibu yang mendokong anak-anak kecil yang meminta sedekah, yang meminta ikhsan daripada orang ramai. Dan kadangkala anak-anak yang begitu kecil lagi, berumur 4-5 bulan atau 6 bulan terpaksa berpanas, letak di atas pangkuan ditutup dengan selendang dan sebagainya. Dari segi kemanusiaan, kita sendiri pun melihatkan keadaan ini, hiba dan sedih kerana melibatkan kanak-kanak yang tidak berdosa itu dijadikan alat oleh ibu-ibu dan kadangkala bapa pun ada disebelahnya, tetapi kita tidak tahu, tidak menyelidik dan di samping itu juga anak-anak yang lain, yang datang dekat kita menurut belakang meminta sedekah dan sebagainya. Oleh itu dalam keadaan ini saya rasa Kementerian Kebajikan Masyarakat haruslah mengambil kira, supaya perkara seumpama ini tidak berlaku, khasnya dalam negara kita ini yang boleh dikatakan negara yang mewah.

Mengenai anak-anak kecil ini, pandangan dan cadangan saya iaitu kalau benar-benar ditangkap ibu bapanya itu yang membawa dan memeralatkan anak-anak mereka ini, kalau benar-benar dia tidak mampu untuk memelihara anak itu, pihak Kebajikan Masyarakat arabil dan peliharanya. Kemungkinan juga kita lihat sekarang ini ramai ibu-ibu dan keluarga yang bekerja kadangkala tidak mahu beranak dan kadangkala tidak dapat anak, ramai yang hendak ambilnya untuk dijadikan anak angkat. Dalam keadaan ini rasa saya ia boleh diberi dengan aiasan-alasan kepada keluarga-keluarga yang berkehendakkan anak-anak tersebut tadi. Sekiranya anak itu sudah sepatutnya bersekolah, supaya dididik dan dihantar mereka itu ke sekolah, jangan dibiarkan mengikut keluarga dan ibunya meminta sedekah lagi.

Kepada ibu bapa-ibu bapa dan keluarganya juga kerana dalam masalah ini, adalah dalam bab-bab yang disebutkan ini, supaya mereka itu dibawa ke tempat-tempat pemulihan, sama ada di tempat-tempat yang boleh mengajar mereka berdikari supaya mereka diajar selepas itu. Kalau boleh mereka dilepaskan bagi mengelakkan perkara meminta sedekah yang berlarutan yang kadangkala memalukan bagi kita sendiri. Sungguhpun kita mengagung-agungkan negara kita mewah, maju tetapi peminta sedekah ini berleluasan terutama di pekan-pekan besar dan di pekan-pekan kecil juga.

Di samping itu, saya rasa saya pun sudah berucap dahulu berhubung dengan peminta sedekah ini di kampung-kampung juga yang dikatakan daif supaya juga diambil perhatian yang sewajarnya.

Soal lain yang saya ingin sentuh ialah mengenai Program yang mana Setiausaha Parlimen tadi telah pun memberi laluan, iaitu katanya berhubung dengan orang tua ini ia dimasukkan ke dalam Butiran 030100—Perkhidmatan Perkembangan Sosial berkaitan bantuan orang tua. Bantuan orang tua lebih-lebih lagi di Kuala Lumpur ini, Tuan Pengerusi, begitu banyak yang berkehendakkan bantuan bulanan, kerana mereka ini tidak mampu. Kadangkala ada anak yang duduk dengan anak tiri, kadangkala ada anak angkat, kadangkala anak sendiri pun ada, lebih-lebih lagi sekarang ini ada yang tidak bekerja dan kadangkala ada anak yang boleh diharap, anak ini pula menghisap dadah dan sebagainya, menjadi kutu embun dan seterusnya, ibu yang tua ini terlantar dengan tidak mendapat bantuan yang secukupnya. Kementerian Kebajikan Masyarakat tidak dinafikan—ada memberi bantuan-bantuan bulanan ini.

Pada awalnya orang-orang tua ini telah mendapat bantuan umpamanya

\$50 sebulan, tetapi apakala Pegawai Kebajikan membuat lawatan dan kadangkala mendapat risikan daripada keluarga-keluarga atau jiran-jiran sebelah, yang mengatakan anak kawan itu sudahpun dapat kerja dan sebagainya, pihak Kebajikan Masyarakat memberhentikan langsung bantuan kepada mereka yang berkenaan itu. Oleh yang demikian, saya rasa dalam masalah ini, Tuan Pengerusi, di Kuala Lumpur ini semuanya hendak dibeli.

Umpamanya, kalau duduk di rumah setinggalan pun mereka terpaksa menyewa sampai \$150 dan jikalau tidak mampu terpaksa pergi meminta sedekah pula. Kadangkala ada juga yang telah dapat rumah. Sungguhpun anaknya dapat membeli rumah kos rendah, umpamanya, tetapi berapa sangat pendapatannya, sudahlah anak patut membayar kos perumahan yang sederhana itu, dan bantuan yang diberi kepada orang tua, sama ada bapa atau ibu yang tua itu terus dipotong dan kadangkala dipotong sampai terus tidak mendapat lagi.

Selain daripada itu potongan-potongan ini juga berlaku seperti tahun pertama mereka dapat \$50, tahun yang kedua kadangkala dipotong sehingga \$35, dan tahun yang ketiga dipotong sampai \$15, dan seterusnya kadangkala langsung tidak dapat. Ini juga saya mengharap supaya pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat benar-benarlah memberi bantuan kepada mereka yang berkenaan ini terutamanya mereka yang saya sebutkan tadi memang berkehendakkan bantuan. Jikalau dipotong bantuan-bantuan ini keadaannya akan menjadi sulit lagi kepada keluarga-keluarga ini. Dan begitu juga kepada keluarga-keluarga yang mendapat bantuan persekolahan anak-anak mereka, kadangkala mereka mendapat sedikit kewangan, kemungkinan dapat membiayai belanja dan sebagainya. Apabila pihak pegawai Kebajikan Masyarakat

mendapat tahu hal ini terus dipotong bantuan ini. Ini juga tergendala anak-anak yang hendak bersekolah kerana bantuan ini dipotong oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat. Oleh itu saya mengharap supaya perkara seumpama diberikan perhatian.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, berhubung dengan bantuan banjir. Banjir di Kuala Lumpur ini sebagaimana disebut tidak tentu masanya, kadangkala hujan di hulu, banjir lebih di kawasan lembah, umpamanya kawasan setinggalan dan seterusnya. Kadangkala terjadi bah pada pukul 5.00 petang, terpaksa sampai tengah malam baru air surut dan kadang-kadang sampai ke pagi. Bantuan Kebajikan Masyarakat diberi melalui Bulan Sabit Merah, yang mana Bulan Sabit Merah kadangkala membekalkan makanan, walaupun hujan telah pun habis, bekalan itu baru tiba pukul 4.00 pagi, iaitu nasi-nasi bungkus yang tidak dapat dicari pada malam itu. Oleh kerana bantuan ini bukanlah untuk bantuan pagi, rasa saya bantuan ini kepada anak-anak pada malam itu juga, pada pukul 8.00 atau pukul 9.00 malam. Kadangkala ada yang dapat, tetapi kalau banjir terjadi di seluruh Kuala Lumpur ini, memang tidak terdaya bagi Bulan Sabit Merah memberi bantuan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk memberi bantuan ini.

Apa yang saya cadangkan di sini supaya pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat bertolak-ansur sedikit bila memberi bantuan. Sungguhpun rasa saya ada tempat-tempat yang diberi, tetapi adakan kelonggaran supaya diberi kepada penduduk-penduduk yang berkenaan. Di tanah-tanah tinggi atau di kawasan-kawasan yang tinggi, yang mana penduduk tidak terkena banjir itu, dapatkan bantuan mereka ini untuk menolong memasak. Bagi tujuan ini mereka patut diberi bantuan. Jabatan Kebajikan Masyarakat patut hantar barang-barang seperti beras.

gula, dan sebagainya untuk malam itu, hantarkannya terus kepada mereka yang boleh masak sendiri supaya makanan-makanan itu boleh diagih-agihkan dengan seberapa segera dan tidak payah menantikan nasi bungkus.

Di Kuala Lumpur kalau berlaku banjir, kadangkala ia terlibat sampai 30,000-40,000 orang dan bagaimana hendak cari nasi. Dalam keadaan begini kita kasihan kepada anak-anak yang kecil, anak-anak yang tidak tahu apa bendanya banjir, tetapi mereka ini tahu untuk hendak makan sahaja. Jadi itulah pandangan saya, Tuan Pengerusi, bagi masalah ini supaya dapat diatasi lebih-lebih di Kuala Lumpur ini.

Tuan Pengerusi telah pun memberi saya tadi 10 minit, dan dengan ini saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih. Saya setuju dengan peruntukan ini. Sekian.

Tuan Pengerusi: Saya akan membenarkan seorang lagi untuk berucap selama 5 minit. Yang Berhormat dari Sungai Petani.

7.00 mlm.

Tuan Haji Abdul Manaf Haji Ahmad (Sungei Petani): Bismillahir-rahmanir-rahim.

Saya ingin berucap pendek sahaja, sependek-pendeknya kerana sepanjang perbahasan ini kita ada menyentuh teguran-teguran kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat. Tetapi dengan rendah hati dan khusyuk dan tawaduk saya rasa patutlah kita di Dewan yang mulia ini merakamkan tinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat yang telah memberi banyak pertolongan dan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir yang berlaku di seluruh negara.

Saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih khususnya dari pengundi-pengundi dan rakyat di kawasan Parlimen Sungai Petani

kerana pegawai-pegawai daripada Kementerian Kebajikan Masyarakat telah bertungkus-lumus, pagi dan petang malah waktu malam, waktu subuh, mereka telah pergi ke tempat-tempat pendalaman di tepi-tepi sungai, menghadapi masalah-masalah dan mereka telah menjalankan tugas dengan sempurna; kadang-kadang barang-barang yang dibeli dengan cepatnya daripada kedai-kedai yang berdekatan di mana banjir itu berlaku. Ini saya rasa satu perkara yang tidak boleh dilupakan oleh mangsa-mangsa banjir ini. Dengan itu, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Sebelum saya tamat ucapan terima kasih saya ini, saya ingin mendapat maklumat daripada Kementerian iaitu berapakah jumlah peruntukan yang diberi—mungkin peruntukan khas daripada Kerajaan—bagi menolong mangsa-mangsa banjir yang terakhir ini, dan berapakah jumlah yang telah dibelanjakan bagi kebajikan atau menolong mangsa-mangsa banjir itu.

Dengan ini, saya lagi sekali mengucapkan banyak-banyak terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat yang menjawab dimintalah selesaikan dalam masa 25 minit jawapannya itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya akan cuba menjawab dalam masa yang diberikan kepada saya.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini yang telah menunjukkan minat terhadap berbagai perkhidmatan yang telah dijalankan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang mengenai peruntukan

kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat. Saya juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan beberapa cadangan dan teguran terhadap perjalanan dan juga pentadbiran Kementerian Kebajikan Masyarakat. Dengan adanya pandangan-pandangan serta teguran-teguran ini, pihak Kementerian akan dapat berusaha untuk memperbaiki lagi taraf perkhidmatan terhadap golongan-golongan sasaran terutama sekali mereka yang kurang bernasib baik, yang banyak bergantung harapan kepada berbagai perkhidmatan yang telah diberi oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat. Pihak Kementerian sememangnya sentiasa membuat penilaian terhadap perkhidmatan-perkhidmatannya yang telah berjalan sehingga kini dan peka kepada masalah semasa dan sentiasa mengambil tindakan untuk mengatasinya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Padang Terap telah membangkitkan masalah mengenai rancangan-rancangan untuk kanak-kanak yang dijalankan oleh Kementerian ini dan memberikan beberapa cadangan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang beliau anggap dihadapi oleh Kementerian ini. Saya ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat ke atas cadangan itu. Sebahagian cadangan itu saya rasa memang baik dan pihak Kementerian akan cuba menyelidiki cadangan itu dan jika terdapat sesuai oleh Kementerian, kita akan melaksanakannya.

Di sini, saya ingin sentuh mengenai bantuan yang diberi kepada orang-orang oleh Kementerian ini. Saya hendak memaklumkan bahawa apa yang diberikan kepada mereka ialah bantuan sementara sahaja, bukan selama-lamanya. Ertinya di mana keadaan sesuatu penerima itu sudah berubah kepada satu tahap yang lebih

bagus, yang lebih elok dari keadaan yang mulanya diminta bantuan itu, bantuan itu ada juga diberi dengan sedikit potongan ataupun dihentikan. Tetapi di mana keadaan kehidupan mereka tidak berubah iaitu yang mana penerima itu masih mengalami masalah kemiskinan, bantuan itu—saya akan memberi jaminan di sini—tidak akan ditarik balik atau dihentikan atau dikurangkan. Ini memang sebagai satu dasar untuk memberi bantuan am kepada orang-orang yang miskin.

Yang Berhormat dari Petaling Jaya ada berbangkit masalah mengenai pendaftaran orang cacat. Di sini, saya hendak menjamin kepada Yang Berhormat bahawa usaha untuk mendaftarkan orang cacat memang sudah pun dijalankan sejak beberapa tahun dahulu dan usaha ini tidak akan dihentikan. Bahkan dalam bulan Oktober, iaitu dalam Bulan Kebajikan, Kementerian saya telah pun menjalankan satu kempen, di mana usaha untuk mendaftar orang cacat ini sebenarnya diperluaskan. Dalam usaha itu, sebenarnya setiap Pejabat Kebajikan Masyarakat di seluruh negeri telah diarahkan untuk menggalakkan pendaftaran orang-orang cacat di kawasannya dan memberi butir-butir mengenai catatan yang mereka mengalami. Walaupun saya tidak mempunyai angka-angka di sini, saya boleh memberitahu kepada Yang Berhormat bahawa kempen, exercise atau usaha itu sudah berjaya dan kita dapat mencapai results yang bagus dan memuaskan. Walaupun. . . .

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Ahli dari Petaling Jaya bangun.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Yang Berhormat, adakah cadangan atau rancangan Kementerian Kebajikan Masyarakat berkempen secara umum melalui siaran-siaran TV, radio dengan iklan-iklan yang sesuai. Sebab setakat hari ini

kita pun tidak dapat tahu adanya satu kempen melainkan mereka yang boleh baca suratkhbar dan berita, ini pun diberi sedikit "space" sahaja dalam suratkhbar. Tadi saya minta dari pihak Kementerian meluaskan kempen ini. Umumkan melalui siaran-siaran TV, radio dan suratkhbar dengan iklan-iklan yang sesuai dan berilah nombor-nombor telefon atau alamat-alamat di mana mereka yang mempunyai anak atau saudara yang cacat bolehlah pergi dengan seorang dengan mudah dan berdaftar tanpa syarat-syarat tertentu seperti terdapat pada masa ini di mana mereka kena diperiksa oleh doktor dan sebagainya kerana, sebagai orang yang sudah pun mengalami cacatan mereka tidak ada kemudahan berbuat demikian. Saya cadangkan supaya satu rancangan atau kempen dijalankan melalui TV dan radio.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih, dalam Bulan Kebajikan yang saya sebutkan tadi, memang Kementerian ada beberapa kali, dalam odd days, dengan izin, di TV3 dan juga di RTM ada siarkan iklan untuk menggalakkan orang-orang cacat mendaftar dengan pejabat-pejabat kita.

Saya rasa cadangan untuk memberi publisiti kepada kempen ini memang sangat baik dan kita di Kementerian ini memang terima. Seperti saya sebutkan tadi, kita sentiasa menjalankan tugas ini supaya lebih banyak lagi orang-orang cacat dapat berdaftar dengan Pejabat Kebajikan kita.

Tentang teguran atau satu contoh kes yang diberikan tadi Yang Berhormat daripada Petaling Jaya, saya harap kalau Yang Berhormat dapat berhubung dengan saya atau pegawai dalam Kementerian saya mengenai kes ini, agar kita dapat menyiasat sedalam-dalamnya. Pada masa akan datang diharap kita dapat menolong orang itu yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya tadi.

Mengenai komen tadi daripada Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya mengenai latihan yang buat masa sekarang diberikan kepada penghuni-penghuni di institusi-institusi di bawah Kementerian Kebajikan, ini saya rasa saya tidak dapat bersetujulah dengan komen itu sebab dalam pengalaman kita rancangan latihan yang kita sedia itu memang ada bermakna dan dapatlah membawa faedah kepada penghuni-penghuni di dalam institusi kita dan kita pun dapat maklum balas mengenai berapa bekas penghuni selepas itu dapat kerja di firma-firma swasta dan lain-lain. Walaupun tidak semua orang yang keluar dari institusi itu dapat berdikari, tetapi kita rasa sebahagian besar yang sudah berjaya dalam latihan itu dapat mencari nafkah hidup dalam kalangan masyarakat kita.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Ahli dari Petaling Jaya bangun.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Tadi bukan saya tegur sahaja. Saya pun ada kata buat masa ini ada banyak latihan dan kursus dalam bidang "basketry, telephony, carpentry, stenography" dan sebagainya. Tetapi saya telah pun membuat komen iaitu banyak kursus-kursus ini sudah "outdated dan outmoded". Saya pun cadangkan lebih baik kita berilah latihan atau kursus-kursus dalam bidang seperti "computer, automatik telephone exchange atau piano tuning". Inilah moden. Buat masa ini siapa hendak beli bakul-bakul atau "baskets"? Siapa hendak beli "carpentry" yang dibuat oleh orang cacat? Lebih baiklah kalau kita latih mereka dalam "computer course, automated telephone exchange course, new switch board dan piano tuning courses". Inilah kursus moden yang rakyat Malaysia kita yang moden ini perlu, dan memang kalau mereka diberi latihan semacam ini, mereka dengan mudahnya akan dapat ditempatkan dalam kerja-kerja yang

sesuai ini. Inilah saya cadangkan, bukan saya hendak buat komen sia-sia sahaja.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih. Tidaklah juga saya cakap niat komen Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya itu sia-sia sahaja—tidak. Memang niat itu bagus dan kita hendak menolong golongan orang cacat ini. Tetapi mengenai cadangan untuk memberikan latihan yang moden itu memang kita terimalah. Mana satu latihan yang bagus kita akan melancarkan tetapi apa yang saya menyentuh tadi ialah latihan-latihan yang diberikan buat masa sekarang bolehlah menolong orang-orang cacat dan penghuni-penghuni institusi kita berdikari selepas tamatnya latihan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi juga menyentuh perkara pendaftaran orang cacat. Ini saya sudah jawab dan saya tidak akan mengulangi lagi.

Tentang peluang kerja kepada orang-orang cacat, saya rasa cadangan beliau ialah sangat bagus dan kita pun haraplah firma-firma swasta itu dapat terus memberi sokongan kepada pelepas dari institusi-institusi kita serta orang-orang cacat itu supaya mereka dapat mencari nafkah hidup. Dalam hal ini saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sungai Besi. Untuk makluman, buat masa sekarang kita ada satu polisi yang kita cuba menjalankan supaya di kalangan pekerja dalam perkhidmatan Kerajaan serta Badan-badan Berkanun kita dapat menentukan bahawa 1% dari jumlah pekerjaanya datang dari golongan orang cacat itu. Sama ada polisi ini dapat terus dilaksanakan, ini adalah masih di peringkat kajian. Kita harap tidak lama lagi kita akan dapat maklum balas dan beritahu kepada Dewan yang mulia ini tentang angka-angka akibat daripada pelaksanaan polisi ini mengenai jumlah pekerja dalam pejabat-pejabat Kerajaan baik di peringkat Pusat ataupun di peringkat Negeri.

Yang Berhormat dari Maran menyentuh keupayaan orang cacat dalam latihan vokasional di institusi kita. Di sini saya hendak memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, tiap-tiap orang cacat yang telah menjalani latihan vokasional selepasnya diberikan bantuan untuk mendapatkan pekerjaan di kalangan masyarakat ataupun diberikan bantuan untuk menjalankan sesuatu pengusahaan sebagai bantuan pelancaran. Jenis bantuan ini ialah untuk menolong khasnya orang-orang cacat ini supaya mereka dapat berdikari di antara masa tamatnya latihan di dalam institusi dan masanya dapat mencari satu kerja yang tetap. Dalam tempoh masa itu mereka ini diberi bantuan sebagai pertolongan.

Ahli Yang Berhormat dari Maran juga menyentuh perkara latihan yang diberikan kepada orang-orang juvana yang dibawa kepada Kementehan ini. Walaupun saya ada di sini angka-angka ini, saya rasa sebab ianya panjang sedikit saya tidak bercadang membaca semua. Tetapi di sini saya cuma ingin memberitahu bahawa peratus kejayaan dalam memulihkan juvana ini adalah sangat tinggi. Saya rasa tidak kurang dari 7% dalam kes-kes juvana ini berjaya dapat mengubahsuai diri mereka selepas diberi latihan dan sebagainya dalam institusi di bawah Kementerian ini.

Ahli Yang Berhormat dari Arau, saya ucapkan terima kasih kepadanya sebab beliau sudah sangat berminat dalam usaha-usaha Kementerian ini dalam bidang orang tua. Beliau juga jnyentuh perkara dengan kekurangan peruntukan Belanjawan yang diperuntukkan kepada Kementerian ini. Memang kita sanggup, banyak rancangan dan aktiviti dapat dijalankan, jikalau kita dapat peruntukan sampai bilion ringgit, untuk melaksanakan program dan menjalankan tugas kita. Tetapi apa boleh buat, apa-apa rancangan yang kita hendak menjalankan mungkin

akan terhad dari segi peruntukan yang diberikan kepada Kementerian kita. Dalam tahun akan datang sebenarnya sejumlah \$51 juta sahaja ada diperuntukkan untuk Maksud B.51 ini. Saya pun sangguplah tehma komennya dan kita haraplah supaya dalam tahun-tahun akan datang kita dapat peruntukan yang lebih besar dari apa yang ada pada masa sekarang supaya kita dapat memenuhi apa-apa perancangan dalam bidang kebajikan kepada kumpulan-kumpulan sasaran itu. Kita pun harap pada satu hari nanti kita akan membina dan menguruskan sejenis rumah orang tua yang sangat selesa yang boleh dibandingkan dengan negara-negara yang sudah maju seperti Eropah, Jepun dan lain-lain. Diharaplah dalam usaha ini kita akan berjaya pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, saya ingin menjawab sedikit di sini tentang komen dari Yang Berhormat dari Lembah Pantai. Beliau ada menyentuh perkara pengemis. Memang.

Seorang Ahli: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kita tidak ada masa, Yang Berhormat. Sila teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ya, terima kasih. Mengenai pengemis ini, memang betul ada masalah pengemis di Kuala Lumpur, tetapi saya hendak memaklumkan—beberapa kali saya telah pun memaklumkan ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini—Jabatan Kebajikan Masyarakat "Wilayah Persekutuan sentiasa membuat rondaan di kawasan Kuala Lumpur di mana ada pengemis-pengemis yang terkumpul dan melalui usaha-usaha ini kita dapatlah lihat sekarang ada kurang sedikit pengemis yang meminta sedekah dalam tempat.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup, bolehkah gulung dengan satu, dua ayat?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Boleh, boleh.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih. Tuan Pengerusi, untuk menggulungkan, apa yang saya hendak kata ialah saya boleh memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah mengambil bahagian dalam perbincangan ini bahawa apa yang mereka telah pun menyentuh sudah.

Tuan Pengerusi: Mengambil catatan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ya, sudah dicatat dan kita akan ambil kira apa yang mereka sudah menyentuh dan insya Allah kita dapat memenuhi apa yang mereka hendak. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan meminta mereka semua memberi kerjasama dengan Kementerian saya supaya kita dapat.

Tuan Pengerusi: Peruntukan yang lebih.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ya, peruntukan yang lebih dalam tahun akan datang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$51,373,700 untuk Maksud B.51 di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$51,373,700 untuk Maksud B. 51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak 8,211,000 yang disebutkan dalam Maksud P.51 dalam Anggaran Pembangunan, 1989 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$8,211,000 untuk Maksud P.51 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1989.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.